

**HUBUNGAN KEKERABATAN DIALEK MELAYU SARAWAK,  
MALAYSIA DAN DIALEK MELAYU MIDAI, INDONESIA**

**AKHMAL HAKIM BIN MOHAMAD**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2023**

HUBUNGAN KEKERABATAN DIALEK MELAYU SARAWAK,  
MALAYSIA DAN DIALEK MELAYU MIDAI, INDONESIA

AKHMAL HAKIM BIN MOHAMAD

DISERTASI DISERAHKAN BAGI MEMENUHI  
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA PENGAJIAN MELAYU

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

2023

**UNIVERSITI MALAYA**  
**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: Akhmal Hakim bin Mohamad  
Nombor Pendaftaran/Matriks: S2024651  
Nama Ijazah: Sarjana Pengajian Melayu  
Tajuk Tesis (“Hasil Kerja ini”): Hubungan Kekerabatan Dialek Melayu Sarawak, Malaysia dan Dialek Melayu Midai, Indonesia  
Bidang Penyelidikan: Linguistik Bandingan

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelas-jelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa jua pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Saksi

17 November 2023  
.....

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

.....

17 November 2023  
.....

Tarikh

Nama:

Jawatan:

# HUBUNGAN KEKERABATAN DIALEK MELAYU SARAWAK, MALAYSIA DAN DIALEK MELAYU MIDAI, INDONESIA

## ABSTRAK

Kajian ini menekuni bidang linguistik bandingan bagi meneliti Dialek Melayu Sarawak (DMS) dan Dialek Melayu Midai (DMM). Kajian dijalankan bagi mengenal pasti tingkat kekerabatan antara DMS dengan DMM berdasarkan kaedah leksikostatistik yang dipelopori oleh Morris Swadesh (1950). Kemudian, kajian dilanjutkan dengan menghuraikan bentuk variasi fonem yang terdapat dalam kedua-dua dialek yang dikaji berpandukan Teori Struktural. Kajian menggunakan senarai 230 Kata Morris Swadesh yang diubah suai untuk menemu bual informan (pemaklum). Dapatan kajian mendapati bahawa tingkat kekerabatan dialek adalah sebanyak 78.85% dan berada dalam status keluarga. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa DMS memiliki enam fonem vokal (/i/, /e/, /a/, /ə/, /u/ dan /o/), satu diftong (/oy/) dan 20 konsonan (/p/, /t/, /k/, /q/, /ʔ/ /b/, /d/, /g/, /č/, /j/, /m/, /n/, /ɲ/, /s/, /ʃ/, /h/, /l/, /w/ dan /j/). DMM pula mempunyai tujuh fonem vokal (/i/, /e/, /a/, /ə/, /u/, /o/ dan /ɔ/), tiga diftong (/ay/, /uy/ dan /aw/) dan 21 fonem konsonan (/p/, /t/, /k/, /q/, /ʔ/ /b/, /d/, /g/, /č/, /j/, /m/, /n/, /ɲ/, /s/, /ʃ/, /h/, /r/, /l/, /w/ dan /j/). Di samping itu, kajian telah menemukan dua bentuk kesepadanan bunyi, iaitu lima bentuk kesepadanan vokal (/i/ ≈ /e/, /a/ ≈ /o/, /a/ ≈ /ə/, /a/ ≈ /ɔ/ dan /u/ ≈ /o/) dan enam bentuk kesepadanan konsonan (/r/ ≈ /ʃ/, /ʔ/ ≈ /q/, /ʔ/ ≈ /h/, // ≈ /n/, /q/ ≈ /t/ dan /m/ ≈ /n/).

**Kata kunci:** Tingkat Kekerabatan, Dialek Melayu Sarawak, Dialek Melayu Midai, Leksikostatistik, Struktural

# THE KINSHIP BETWEEN THE MALAY DIALECT OF SARAWAK, MALAYSIA AND THE MALAY DIALECT OF MIDAI, INDONESIA

## ABSTRACT

This study examines the Sarawak Malay Dialect (DMS) and the Midai Malay Dialect (DMM) through the lens of comparative linguistics. A study was done to determine the degree of relationship between DMS and DMM using the lexicostatistical technique developed by Morris Swadesh (1950). The study is then expanded by detailing the types of phoneme variation discovered in the two investigated languages using Ferdinand de Saussure's Structural Theory. Informants were interviewed using a modified version of the Morris Swadesh 230-Word List. According to the findings of the study, the level of dialect kinship was 78.85% and was familial. In addition, the study revealed that DMS contains six vowel phonemes (/i/, /e/, /a/, /ə/, /u/ and /o/), a diphthong (/oy/), and 20 consonants (/p/, /t/, /k/, /q/, /ʔ/, /b/, /d/, /g/, /č/, /j/, /m/, /n/, /ɲ/, /ŋ/, /s/, /ç/, /h/, /l/, /w/ and /j/). DMM features seven vowel phonemes (/i/, /e/, /a/, /ə/, /u/, /o/ and /ɔ/), three diphthongs (/ay/, /uy/ dan /aw/), and 21 consonant phonemes (/p/, /t/, /k/, /q/, /ʔ/, /b/, /d/, /g/, /č/, /j/, /m/, /n/, /ɲ/, /ŋ/, /s/, /ç/, /h/, /r/, /l/, /w/ and /j/). Furthermore, the study identified two types of sound correspondence, namely five types of vowel correspondence (/i/ ≈ /e/, /a/ ≈ /o/, /a/ ≈ /ə/, /a/ ≈ /ɔ/ and /u/ ≈ /o/) and six types of consonant correspondence (/r/ ≈ /ç/, /ʔ/ ≈ /q/, /ʔ/ ≈ /h/, /ɲ/ ≈ /n/, /q/ ≈ /t/ and /m/ ≈ /n/).

**Keywords:** Kinship Level, Sarawak Dialect, Midai Dialect, Lexicostatistics, Structural

## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana atas perkenan dan limpahan kasih sayang-Nya, kajian saya telah berjaya dilaksanakan. Terima kasih, Ya Allah.

Sepanjang menekuni pengajian peringkat sarjana, saya menyedari bahawa segala usaha untuk menyiapkan kajian tidak dapat berjalan lancar tanpa insan-insan istimewa yang memberikan sokongan. Terutamanya, penghargaan ini ditujukan istimewa buat ibu bapa saya, Ayahanda Mohamad, Bonda Sapiah dan Bonda Rohajjah yang tidak pernah putus-putus memberikan sokongan moral, kewangan dan kasih sayang yang tidak terbelah bahagi. Turut tidak dilupakan juga penghargaan buat adik-beradik yang disayangi, Kanda Ariff, Adinda Amirel, Adinda Amiera, Adinda Amri dan Adinda Ammar yang tidak pernah lekang memberikan sokongan.

Penghargaan ini ditujukan khas juga buat Nenda Habsah dan Nenda Dahlia yang sentiasa memayungi cucunda dengan belaian kasih sayang. Sementelahan, penghargaan ini didedikasikan khas buat kedua-dua nenda yang telah pergi ke pangkuan Ilahi, iaitu Nenda Amaran dan Nenda Esa. Meskipun nenda tiada di sisi, namun kenangan kita masih subur dan dekat di hati. Al-Fatihah.

Selanjutnya, terima kasih sekalung budi buat Dr. Noor Hasnoor Mohamad Nor, selaku penyelia kajian. Beliau merupakan insan yang berdedikasi dan telah memberikan tunjuk ajar yang bermanfaat kepada saya sepanjang menjadi penyelia. Tidak dapat diungkapkan betapa besar ilmu, nasihat, teguran dan bantuan yang diberikan oleh Dr. Noor Hasnoor kepada saya bagi membentuk kecintaan kepada kajian yang dijalankan dan bidang yang ditekuni. Hanya Allah sahajalah yang mampu membalas kebaikan Dr.

Berikutnya, penghargaan ini ditujukan kepada semua guru yang pernah mendidik saya semenjak kecil sehingga sekarang. Namun, kenangan belajar ketika sarjana muda di UIAM masih segar dalam ingatan kerana dikurniakan guru-guru hebat yang menjadi pemangkin kecintaan saya terhadap bidang linguistik dan kesusasteraan Melayu. Dedikasi ini saya tujukan buat arwah Dr. Mohamad Zuber, Dr. Arina, Dr. Nor Zainiyah, Dr. Siti Yuliandi, Prof. Madya Dr. Paitoon, Prof. Madya Dr. Sanat, dan lain-lain yang telah mendidik saya. Moga Allah merahmati dan melindungi mereka.

Seterusnya, penghargaan juga ditujukan kepada pihak kerajaan negeri Sarawak dan Yayasan Sarawak khususnya, kerana telah menaja pengajian saya dengan memberikan bantuan biasiswa. Sesungguhnya, jika tiada bantuan biasiswa daripada Yayasan Sarawak, sudah tentu saya tidak dapat menyambung pengajian hingga ke peringkat ini.

Selain itu, terima kasih diucapkan kepada semua pemaklum kajian dari Sarawak dan Pulau Midai, Indonesia yang telah meluangkan masa menyumbangkan data kajian. Turut tidak dilupakan buat saudara yang jauh di Pulau Midai, iaitu Saudara Darmawan yang penuh komited membantu saya sepanjang kajian lapangan dilaksanakan.

Di samping itu, penghargaan ini dititipkan buat kedua-dua sahabat, iaitu Mohd Shahdan dan Normadiah yang tidak pernah jemu menyokong saya sepanjang pengajian. Bersama-sama mereka, saya telah menempuh sarjana muda dengan penuh warna-warni dan sarjana dengan penuh kenangan.

Akhir kata, terima kasih yang tidak terhingga buat semua pihak yang telah membantu saya melengkapkan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga Allah memberikan ganjaran pahala buat anda.

## SENARAI KANDUNGAN

ABSTRAK .....	iii
ABSTRACT .....	iv
PENGHARGAAN .....	v
SENARAI KANDUNGAN.....	vi
SENARAI RAJAH.....	x
SENARAI JADUAL .....	xi
SENARAI KEPENDEKAN KATA.....	xiii
SENARAI SIMBOL .....	xiv
BAB 1: PENGENALAN.....	1
1.0    Pendahuluan.....	1
1.1    Bidang Kajian .....	3
1.2    Pernyataan Masalah .....	5
1.3    Persoalan Kajian .....	8
1.4    Objektif Kajian .....	8
1.5    Kawasan Kajian .....	9
1.6    Batasan Kajian .....	13
1.7    Kepentingan Kajian .....	14
1.8    Bahan Kajian .....	15
1.9    Kesimpulan .....	16
BAB 2: SOROTAN LITERATUR .....	18
2.0    Pengenalan.....	18
2.1    Kajian Lepas DMS .....	18
2.2    Kajian Lepas DMM (Natuna) .....	22

2.3	Kajian Lepas Pendekatan Struktural dan Fonologi .....	26
2.4	Kajian Lepas Leksikostatistik (Glotokronologi) .....	31
2.5	Kesimpulan .....	36
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN .....</b>		<b>38</b>
3.0	Pengenalan .....	38
3.1	Reka Bentuk Kajian .....	38
3.2	Kaedah Kajian .....	39
3.2.1	Kaedah Lapangan Huluan .....	39
3.2.2	Kaedah Analisis .....	42
3.2.3	Kaedah Leksikostatistik .....	43
3.3	Kerangka Teoretis .....	50
3.4	Kesimpulan .....	56
<b>BAB 4: HUBUNGAN KEKERABATAN ANTARA DMS DENGAN DMM .....</b>		<b>57</b>
4.0	Pengenalan .....	57
4.1	Tingkat Kekerabatan DMS dan DMM .....	57
4.1.1	Mengumpul Kosa Kata DMS dan DMM .....	57
4.1.2	Memilih Kosa Kata yang Boleh Dibandingkan .....	63
4.1.3	Penentuan Taraf Kognat Kosa Kata DMS dan DMM .....	65
4.1.4	Pengiraan Peratus Kekerabatan .....	71
4.1.5	Penentuan Tingkat Kekerabatan .....	72
<b>BAB 5: SISTEM VOKAL DMS DAN DMM .....</b>		<b>74</b>
5.0	Pengenalan .....	74
5.1	Fonem Vokal DMS .....	74
5.1.1	Vokal Depan DMS .....	75



5.1.2	Vokal Tengah DMS .....	76
5.1.3	Vokal Belakang DMS.....	77
5.1.4	Diftong DMS .....	78
5.2	Penentuan Fonem Vokal DMS Berdasarkan Kaedah Pasangan Minimal .....	78
5.3	Fonem Vokal DMM .....	79
5.3.1	Vokal Depan DMM .....	80
5.3.2	Vokal Tengah DMM.....	81
5.3.3	Vokal Belakang DMM .....	82
5.3.4	Diftong DMM.....	84
5.4	Penentuan Fonem Vokal DMM Berdasarkan Kaedah Pasangan Minimal.....	85
5.5	Kesepadanan Vokal DMS dan DMM.....	86
5.5.1	Kesepadanan Vokal /i/ ≈ /e/.....	86
5.5.2	Kesepadanan Vokal /a/ ≈ /o/.....	87
5.5.3	Kesepadanan Vokal /a/ ≈ /ə/.....	88
5.5.4	Kesepadanan Vokal /a/ ≈ /ɔ/.....	89
5.5.5	Kesepadanan Vokal /u/ ≈ /o/.....	90
5.6	Kesimpulan .....	91
 BAB 6: SISTEM KONSONAN DMS DAN DMM.....		93
6.0	Fonem Konsonan DMS .....	93
6.1	Fonem Konsonan DMS .....	93
6.1.1	Fonem Konsonan Plosif DMS .....	94
6.1.2	Fonem Konsonan Afrikat DMS.....	98
6.1.3	Fonem Konsonan Nasal DMS .....	99
6.1.4	Fonem Konsonan Frikatif DMS .....	101
6.1.5	Fonem Konsonan Likuida DMS.....	102

6.1.6	Fonem Konsonan Separuh Vokal DMS .....	103
6.2	Penentuan Fonem Konsonan DMS Berdasarkan Kaedah Pasangan Minimal.....	104
6.3	Fonem Konsonan DMM .....	105
6.3.1	Fonem Konsonan Plosif DMM.....	106
6.3.2	Fonem Konsonan Afrikat DMM .....	109
6.3.3	Fonem Konsonan Nasal DMM.....	110
6.3.4	Fonem Konsonan Frikatif DMM .....	112
6.3.5	Fonem Konsonan Likuida DMM.....	113
6.3.6	Fonem Konsonan Separuh Vokal DMM .....	114
6.4	Penentuan Fonem Konsonan DMM Berdasarkan Kaedah Pasangan Minimal .....	115
6.5	Kesepadanan Konsonan DMM dan DMS .....	116
6.5.1	Kesepadanan Konsonan /r/ ≈ /ʀ/ .....	116
6.5.2	Kesepadanan Konsonan /ʔ/ ≈ /q/ .....	118
6.5.3	Kesepadanan Konsonan /ʔ/ ≈ /h/ .....	119
6.5.4	Kesepadanan Konsonan /ŋ/ ≈ /n/ .....	120
6.5.5	Kesepadanan Konsonan /q/ ≈ /t/ .....	121
6.5.6	Kesepadanan Konsonan /m/ ≈ /n/ .....	121
6.6	Kesimpulan .....	122
BAB 7: DAPATAN DAN KESIMPULAN .....		124
RUJUKAN .....		131
LAMPIRAN .....		137
Lampiran 1: Senarai 230 Perkataan .....		137
Lampiran 2: Senarai Pemaklum.....		143

## SENARAI RAJAH

Rajah 1.1: Pengelompokan Bahasa di Bawah Cabang Borneo Barat .....	6
Rajah 1.2: Peta Negeri Sarawak dan Kampung Tabuan Melayu, Kuching .....	10
Rajah 1.3: Peta Kabupaten Natuna dan Pulau Midai .....	12

Universiti Malaya

## SENARAI JADUAL

Jadual 3.1: Klasifikasi Penentuan Tingkat Kekeperabatan.....	48
Jadual 4.1: Senarai Kosa Kata DMS dan DMM.....	58
Jadual 4.2: Kosa Kata yang Ditolak.....	63
Jadual 4.3: Kosa Kata yang Berkognat dalam DMS dan DMM.....	65
Jadual 4.4: Kosa Kata yang Tidak Berkognat.....	69
Jadual 5.1: Fonem Vokal DMS.....	74
Jadual 5.2: Fonem Vokal Depan DMS.....	75
Jadual 5.3: Fonem Vokal Tengah DMS.....	76
Jadual 5.4: Fonem Vokal Belakang DMS.....	77
Jadual 5.5: Diftong DMS.....	78
Jadual 5.6: Pasangan Minimal Fonem Vokal DMS.....	79
Jadual 5.7: Fonem Vokal DMM.....	79
Jadual 5.8: Fonem Vokal Depan DMM.....	81
Jadual 5.9: Fonem Vokal Tengah DMM.....	82
Jadual 5.10: Fonem Vokal Belakang DMM.....	82
Jadual 5.11: Diftong DMM.....	84
Jadual 5.12: Pasangan Minimal Fonem Vokal DMM.....	85
Jadual 5.13: Kesepadanan Vokal /i/ ≈ /e/.....	86
Jadual 5.14: Kesepadanan Vokal /a/ ≈ /o/.....	88
Jadual 5.15: Kesepadanan Vokal /a/ ≈ /ə/.....	89
Jadual 5.16: Kesepadanan Vokal /a/ ≈ /ɔ/.....	90
Jadual 5.17: Kesepadanan Vokal /u/ ≈ /o/.....	90
Jadual 6.1: Fonem Konsonan DMS.....	93
Jadual 6.2: Fonem Konsonan Plosif DMS.....	95
Jadual 6.3: Fonem Konsonan Afrikat DMS.....	98
Jadual 6.4: Fonem Konsonan Nasal DMS.....	99
Jadual 6.5: Fonem Konsonan Frikatif DMS.....	101
Jadual 6.6: Fonem Konsonan Likuida DMS.....	103
Jadual 6.7: Fonem Konsonan Separuh Vokal DMS.....	103
Jadual 6.8: Pasangan Minimal Fonem Konsonan DMS.....	104
Jadual 6.9: Fonem Konsonan DMM.....	105
Jadual 6.10: Fonem Konsonan Plosif DMM.....	107
Jadual 6.11: Fonem Konsonan Afrikat DMM.....	110
Jadual 6.12: Fonem Konsonan Nasal DMM.....	110
Jadual 6.13: Fonem Konsonan Frikatif DMM.....	112
Jadual 6.14: Fonem Konsonan Likuida DMM.....	113
Jadual 6.15: Fonem Konsonan Separuh Vokal DMM.....	114

Jadual 6.16: Pasangan Minimal Fonem Konsonan DMM.....	115
Jadual 6.17: Kesepadanan Konsonan /r/ ≈ /ʁ/.....	117
Jadual 6.18: Kesepadanan Konsonan /ʔ/ ≈ /q/.....	118
Jadual 6.19: Kesepadanan Konsonan /ʔ/ ≈ /h/.....	119
Jadual 6.20: Kesepadanan Konsonan /ŋ/ ≈ /n/.....	120
Jadual 6.21: Kesepadanan Konsonan /q/ ≈ /t/.....	121
Jadual 6.22: Kesepadanan Konsonan /m/ ≈ /n/.....	122

Universiti Malaya

## SENARAI KEPENDEKAN KATA

Kependekan Kata	Maksud
DMS	Dialek Melayu Sarawak
DMM	Dialek Melayu Midai
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DMK	Dialek Melayu Kedah
DMKb	Dialek Melayu Kabong
DMSSkch	Dialek Melayu Subdialek Kuching
KUIS	Kolej Universiti Islam Selangor
DMSed	Dialek Melayu Sedanau
DMJ	Dialek Melayu Jugra
BMUL	Bahasa Melayu Urak Lawoi'
JSY	Jawa Subdialek Solo Yogya
JS	Jawa Subdialek Surabaya
JP	Jawa Subdialek Pantura
JO	Jawa Subdialek Osing
MB	Madura Subdialek Bangkalan
MP	Madura Subdialek Pamekasan
MS	Madura Subdialek Sumenep
MK	Madura Subdialek Kangean
NORM	<i>Non-mobile</i> (tidak berpindah), <i>Older</i> (berusia), <i>Rural</i> (pedalaman), <i>Men</i> (lelaki)
IPA	International Phonetic Alphabet (Abjad Fonetik Antarabangsa)
BL	Bilabial (Bibir)
AV	Alveolar (Gigi-gusi)
GLK	Gusi-Lelangit Keras
PL	Palatal (Lelangit Keras)
VL	Velar (Lelangit Lembut)
AT	Anak Tekak
G	Glottis (Pita Suara)
V	Vokal
K	Konsonan
BMS	Bahasa Melayu Standard

## SENARAI SIMBOL

Simbol	Maksud
$\cong / \approx$	Bersepadan (Korespondensi)
$\sim$	Berubah menjadi
/ /	Kurungan transkripsi fonemik
[ ]	Kurungan transkripsi fonetik
$\emptyset$	Pengguguran atau penghilangan unsur
=	Sama dengan
%	Peratus
$\times$	Darab
&	Dan
j	Palatalisasi
w	Labialisasi

## **BAB 1: PENGENALAN**

### **1.0 Pendahuluan**

Dialek-dialek Melayu sememangnya pelbagai dan unik. Apabila penutur dari sebuah daerah yang sama bertemu, mereka akan bertutur dalam dialek daerah masing-masing. Hal ini pula berbeza apabila penutur dialek yang berlainan bertemu. Mereka akan memilih satu bahasa sebagai perantara bagi memudahkan komunikasi. Hal ini berkaitan dengan konsep kesalingfahaman terhadap dialek. Konsep kesalingfahaman adalah berbeza berdasarkan bahasa atau dialek kerana berkait rapat dengan faktor-faktor seperti (i) tahap pengetahuan pendengar terhadap sesuatu bahasa atau dialek, (ii) tahap pendidikan dan (iii) rasa ingin tahu (Monaliza Sarbini-Zin et al., 2019, p. 21). Kendatipun berbeza dialek, seseorang penutur dapat dikenal pasti daerah asalnya melalui ciri-ciri utama dalam dialek. Beberapa ciri utama yang dapat membezakan daerah asal seseorang penutur apabila bertemu ialah aspek fonologi, morfologi dan leksikal.

Penentuan sesuatu kawasan bahasa atau dialek dilaksanakan untuk memperlihatkan pengaruh dan penuturnya. Sesuatu bahasa mempunyai kawasan pertuturan yang sama dengan kawasan penghunian penuturnya dan kawasan-kawasan tersebut dapat menjadi luas serta menjadi sempit mengikut penyebaran bangsanya (Asmah Haji Omar, 2015, p. 4). Oleh itu, jika sesuatu bangsa giat menggunakan serta menyebarkan bahasanya, maka secara tidak langsung kawasan geografi bahasanya akan turut menjadi luas. Tambahan pula, jika sesuatu bangsa membataskan bahasanya dalam kelompok dan kawasan kecilnya sahaja, maka kawasan geografi bahasanya tidak akan tersebar luas. Lantaran itu, penentuan dialek Melayu mengikut



kawasan geografi adalah penting sebagai usaha untuk menekuni sejarah bangsa, pengaruh bahasa dan sempadannya.

Di Semenanjung Malaysia, dialek Melayu dapat dikelompokkan kepada tujuh, iaitu (i) Dialek Utara atau Kedah (barat laut Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak Utara sehingga Taiping, (ii) Dialek Perak yang meliputi Perak Tengah, (iii) Dialek Selatan (Perak Selatan, Selangor, Melaka dan Johor), (iv) Dialek Kelantan, (v) Dialek Terengganu, (vi) Dialek Pahang dan (vii) Dialek Negeri Sembilan (Asmah Haji Omar, 2015, p. 154). Di Sabah dan Sarawak pula, pengelompokan dialek Melayu adalah tidak begitu rumit seperti di Semenanjung Malaysia. Di negeri Sabah, dialek Melayu yang digunakan ialah dialek yang dipengaruhi oleh dialek Melayu Brunei. Di Sarawak pula, dialek Melayu Sarawak dapat dibahagikan kepada tiga subdialek, iaitu (i) subdialek Kuching, (ii) subdialek Miri dan (iii) subdialek Sibiu (Asmah Haji Omar, 2015, p. 158).

Merujuk kepada karya *Siri Monograf Sejarah Bahasa Melayu* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang dikarang oleh James T. Collins (1990, 1995, 2018, 2021) dan Yusriadi (2007), dapatlah dinyatakan secara umum bahawa antara kawasan yang memiliki kepelbagaian dialek Melayu yang ketara di Indonesia ialah dialek di Sumatera, Kepulauan Riau, Pulau Jawa, Bali, Kalimantan dan Indonesia Timur (Kepulauan Sulawesi dan Maluku). Berdadarkan dialek-dialek tersebut pula, terdapat subdialek Melayu yang banyak. Penelitian dan kajian tentang dialek tersebut juga telah banyak dijalankan oleh pengkaji lain bagi melihat ciri-ciri yang terdapat dalam dialek Melayu. Oleh itu, penelitian terhadap dialek Melayu di Malaysia dan Indonesia dalam kajian ini akan menjurus kepada dialek Melayu Sarawak (DMS) dan dialek

Melayu Midai di Kepulauan Natuna (DMM). Kedua-dua dialek ini akan dibandingkan bagi memperlihatkan ciri-ciri dan hubungan kekerabatannya.

## **1.1 Bidang Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mendalami bidang linguistik bandingan yang merupakan satu daripada cabang bidang linguistik. Dalam bidang tersebut, usaha membuat perbandingan bahasa dengan suatu bahasa yang lain dilakukan bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan. Oleh hal yang demikian, kajian yang dijalankan akan membuat perbandingan terhadap dua bahasa.

Apabila menyentuh tentang linguistik bandingan, sudah tentunya bidang tersebut tidak dapat dikecualikan daripada istilah 'linguistik sejarah dan bandingan'. Menurut Aniswal Abd Ghani dan Noriah Mohamed (2021, p. 12), linguistik sejarah dan bandingan merupakan gandingan dua subbidang linguistik, iaitu linguistik sejarah dan linguistik bandingan. Menurut mereka lagi (p.12), lazimnya dalam bidang linguistik terdapat tiga jenis linguistik bandingan, iaitu (i) linguistik sejarah dan bandingan, (ii) linguistik bandingan tipologi dan (iii) linguistik bandingan kawasan. Namun begitu, bagi tujuan kajian, tumpuan akan diberikan terhadap bidang linguistik sejarah dan bandingan sahaja.

Linguistik sejarah dan bandingan lebih dikenali sebagai linguistik historis komparatif atau linguistik sejarawi wujud pada penghujung abad ke-19 hasil daripada pidato seorang Hakim Kolonial Inggeris di Calcutta, India sekitar tahun 1786, iaitu Sir William Jones (Rahim Aman et al., 2018, p. 13). Hasil daripada pidato tersebut, pengkajian terhadap bahasa terutamanya bersifat perbandingan giat dijalankan seperti

bahasa Sanskrit dan Parsi. Pelaksanaan kajian terhadap perbandingan tidak hanya dilakukan terhadap bahasa-bahasa di kawasan negara-negara Indo-Eropah tetapi kajian turut dijalankan di alam Melayu dengan membandingkan bahasa Polinesia (Robert Henry Robbins, 2003, p. 167).

Menurut Aniswal Abd Ghani dan Noriah Mohamed (2021, p. 2), linguistik historis komparatif memfokuskan kepada aspek sejarah sesebuah bahasa, iaitu (i) perkembangan unsur luaran dan dalaman bahasa sejak kemunculannya hingga suatu masa tertentu dan (ii) perbandingan antara bahasa atau dialek bagi mengenal pasti hubungan sejarahnya. Oleh itu, bidang linguistik historis komparatif merupakan sebuah bidang yang bertujuan untuk membuat perbandingan antara dua bahasa bagi memperlihatkan tiga aspek, iaitu (i) keserumpunan dan kekerabatannya, (ii) menemukan bahasa induk dan (iii) menentukan pusat penyebaran atau migrasi bahasa (Krisanjaya, 2011).

Linguistik sejarah dan perbandingan menggunakan data bahasa atau dialek daripada bahasa serumpun atau bahasa yang dianggap berkerabat. Oleh itu, bagi membuat perbandingan, DMS dan DMM dipilih untuk mengenal pasti tingkat kekerabatannya melalui kaedah leksikostatistik dan selanjutnya menghuraikan variasi fonem yang terkandung dalam kedua-dua dialek tersebut berpandukan Teori Struktural. Perbandingan tersebut adalah berpaksikan kepada perbandingan secara deskriptif dan sinkronik, iaitu melihat perbezaan bahasa berdasarkan struktur bahasa, iaitu melalui perbandingan fonologi. Perbandingan tersebut diteliti dengan mengklasifikasikan kepelbagaian fonem yang wujud dalam kedua-dua dialek yang dikaji. Setelah perbandingan terhadap fonem dilaksanakan, maka ciri-ciri yang membezakan antara kedua-dua dialek dapat ditentukan.

## 1.2 Pernyataan Masalah


Pemencaran bahasa Melayu ke kawasan-kawasan di Nusantara membuktikan bahawa bahasa Melayu sentiasa berkembang dan orang-orang Melayu menyebarkan pengaruh bahasanya dengan merantau. Pemencaran bahasa Melayu secara tidak langsung memperlihatkan kewujudan ragam-ragam bahasa Melayu. Pemencaran bahasa ditakrifkan sebagai penyebaran bahasa yang meluas dan melangkaui batas kawasan teras (Asmah Haji Omar, 2019, p. 31). Kawasan teras yang ditakrifkan oleh Asmah Haji Omar (2019, p. 29) pula merupakan kawasan yang dianggap sebagai pusat perkembangan bahasa serta pusat peradaban suku kaum utama bagi bahasa berkenaan. Oleh itu, kawasan teras bagi bahasa Melayu ialah Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu dan kawasan persisiran pantai Borneo yang merangkumi Malaysia Timur, Brunei dan Kalimantan (Asmah Haji Omar, 2019, pp. 31-32).

Walau bagaimanapun, menjurus kepada kawasan kajian, iaitu Pulau Midai belum dapat dipastikan tentang susur galurnya sama ada dapat dikelompokkan di bawah cabang bahasa di Sumatera, Semenanjung Tanah Melayu atau Borneo. Pengenalpastian terhadap ciri-ciri DMM berteraskan perbandingan dengan DMS perlu dilaksanakan bagi membuat kesimpulan awal tentang sifat bahasanya, sama ada mempunyai persamaan dengan bahasa di kawasan teras seperti yang dinyatakan. Oleh itu, DMM dibandingkan dengan DMSSkch kerana mempertimbangkan kedudukannya yang hampir dekat.

Berdasarkan pembacaan, pengelompokan bahasa terhadap DMS telah dilakukan oleh pengkaji sebelumnya seperti Asmah Haji Omar (2015) dan James T.

Collins (1983), namun bagi DMM pula masih belum ditemui dan hanya merangkumi dialek Melayu Natuna yang lain. Dapatan kajian oleh Asmah Haji Omar (2015) dan James T. Collins (1983) mendapati bahawa DMS dikelompokkan dalam cabang Borneo Barat.

Sementara itu, James T. Collins (1998) menerusi kajiannya di Kepulauan Natuna telah memberikan gambaran awal tentang bahasa di kepulauan tersebut dengan memberikan tumpuan kepada tiga bahasa di Pulau Serasan, Pulau Sedanau dan Pulau Bunguran (tertumpu di Bunguran Timur). Kajian tersebut telah menemukan perbezaan yang sangat ketara bagi ketiga-tiga bahasa tersebut khususnya dalam aspek sebutan dan perkataan hingga dinyatakan bahawa bahasa di Pulau Serasan dan Sedanau mempunyai hubungan yang dekat dan bahasa di Bunguran Timur membentuk rantingnya sendiri. Dapatan kajian oleh James T. Collins (1998) tersebut digambarkan menerusi rajah berikut:



Rajah 1.1: Pengelompokan Bahasa di Bawah Cabang Borneo Barat

Sumber: James T. Collins (1998: p. 522)

Berdasarkan Rajah 1.1, James T. Collins (1998) telah mengelompokkan ketiga-tiga bahasa yang dikaji di bawah cabang bahasa Borneo Barat (merangkumi kawasan Sarawak Barat dan Kalimantan Barat), iaitu bahasa di Serasan, Sedanau dan Bunguran Timur. Pengelompokan di bawah cabang tersebut kerana mempunyai persamaan yang tinggi dan mempunyai ciri-ciri bahasa yang sama dengan bahasa di Borneo Barat. Walau bagaimanapun, permasalahan yang timbul melalui kajian tersebut adalah tentang pengelompokan bahasa yang terdapat di Pulau Midai yang terletak di bahagian hujung selatan dan terpencil dari pusat pemerintahan Kabupaten Natuna. Sepanjang penelitian dan pencarian, tidak ditemukan dokumentasi dan pengelompokan berkenaan bahasa yang terdapat di Pulau Midai, bahkan James T. Collins juga tidak pernah menyentuh tentang kewujudan bahasa di pulau tersebut.

Berdasarkan laman *YouTube* oleh Bong Ma (2019), beliau menyatakan bahawa DMS dan DMM berkait rapat dengan mempunyai ciri persamaan terutamanya dalam kosa kata dan bunyi. Hasil pemerhatian awal mendapati bahawa sememangnya wujud persamaan dan perbezaan antara kedua-dua dialek tersebut yang dapat dijadikan bukti sementara bagi menyokong hubungan kekerabatan antara DMS dan DMM. Antara perkataan yang dibincangkan oleh Bong Ma dalam video tersebut ialah *gik* (lagi), *lok* (dulu), *tok* (ini), *mirah* (merah), *pike* (fikir), *paham* (faham), *urang* (orang), *sinun* (sana) dan *sitok* (sini). Justeru, kajian ini dijalankan sebagai satu cara mengabsah kenyataan tersebut.

Pemerhatian terhadap video tersebut telah menimbulkan persoalan: Mungkinkah persamaan dialek yang ketara adalah dipengaruhi oleh kedudukan geografi Kepulauan Natuna yang berada di tengah antara Semenanjung Malaysia

dengan Sarawak? Namun permasalahannya, bukti ilmiah tentang persamaan serta perbezaan antara kedua-dua dialek tersebut belum ditemui dalam kajian linguistik. Maklumat tentang persamaan antara kedua-dua dialek tersebut adalah agak terbatas. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengutarakan bukti-bukti ilmiah secara kukuh dan mengikut peratusan berdasarkan kaedah leksikostatistik bagi memperlihatkan persamaan serta perbezaan DMS dengan DMM, seterusnya merungkai bentuk variasi fonem.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Kajian dilaksanakan bagi menjawab dua persoalan kajian, iaitu:

- i. Apakah tingkat kekerabatan DMS dan DMM berdasarkan kaedah leksikostatistik?
- ii. Apakah bentuk variasi fonem yang terdapat dalam DMS dan DMM?

### **1.4 Objektif Kajian**

Pada asasnya, kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan kekerabatan antara DMS dan DMM. Secara khususnya pula adalah untuk mencapai objektif-objektif yang berikut:

- i. Mengenal pasti tingkat kekerabatan DMS dan DMM menggunakan kaedah leksikostatistik. Hal ini demikian kerana DMS dan DMM ialah dialek Melayu yang mempunyai induk yang sama. Meskipun kedua-dua dialek tersebut mempunyai induk yang sama, namun dari segi hubungan kekerabatan berdasarkan bukti linguistik masih lagi tidak jelas. Maka, kajian ini akan

memfokuskan kepada pengenalpastian terhadap tingkat kekerabatan antara kedua-dua bahasa tersebut menggunakan kaedah leksikostatistik.


- ii. Setelah mendapat peratusan tingkat kekerabatan, kajian dijalankan untuk menghuraikan bentuk variasi fonem yang terdapat dalam DMS dan DMM. Hal ini kerana sistem variasi fonem antara kedua-dua dialek tersebut, terutamanya DMM masih tidak jelas. Maka, kajian ini akan menggunakan Teori Struktural untuk meneliti bentuk fonem yang wujud dalam DMS dan DMM.

## **1.5 Kawasan Kajian**

Kajian ini dijalankan di dua kawasan, iaitu di negeri Sarawak dan Pulau Midai. Bagi DMS (subdialek Kuching), data diperoleh dari Kampung Tabuan Melayu. Sarawak atau lebih dikenali sebagai Negeri Bumi Kenyalang merupakan negeri yang terbesar di Malaysia dengan keluasan 124 450 km<sup>2</sup> yang hampir menyamai keluasan Semenanjung Malaysia (132 265 km<sup>2</sup>). Negeri Sarawak mempunyai 11 daerah pentadbiran yang diterajui oleh Ketua Daerah. Kaum utama yang mendominasi Sarawak ialah kaum Iban dan diikuti dengan kaum Melayu. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), Kuching merupakan daerah yang terbesar di Sarawak dengan jumlah penduduk yang mencecah 711 500 orang. Berdasarkan kawasan pengambilan data, Kampung Tabuan Melayu yang terletak di daerah Kuching dipilih kerana penduduk di kampung tersebut menggunakan subdialek Melayu Kuching (Sarawak) yang dapat difahami oleh semua penutur dialek Melayu lain di Sarawak (Madzhi Johari, 1988). Pemilihan subdialek Melayu Kuching



juga dilaksanakan kerana dialek-dialek Melayu seperti di Limbang, Lawas dan di daerah yang kelima Sarawak mempunyai pengaruh dialek Melayu Brunei. Madzhi Johari (1988) juga menyatakan bahawa dialek Melayu di Limbang, Lawas, Sundar dan kawasan-kawasan di daerah kelima Sarawak mempunyai kelainan dengan subdialek Melayu Kuching kerana kedudukannya yang hampir dengan Brunei atau pernah menjadi jajahan takluk Brunei. Oleh hal demikian, kawasan Kuching dipilih sebagai kawasan untuk mendapatkan data bagi DMS. Rajah 2 memaparkan peta kawasan kajian pertama:




Rajah 1.2: Peta Negeri Sarawak dan Kampung Tabuan Melayu, Kuching

Kedua, kawasan kajian yang dipilih untuk kajian ini ialah Pulau Midai yang terletak di kabupaten Natuna. Kedudukan Pulau Midai berada di Laut China Selatan atau lebih tepatnya di antara Semenanjung Malaysia dengan Borneo (Sabah, Sarawak, Brunei dan Kalimantan). Pulau Midai merupakan sebuah daripada beberapa gugusan pulau yang terdapat di kabupaten Natuna. Secara amnya, Natuna mempunyai 15 kecamatan dan berkeluasan 2009.04 km<sup>2</sup> dengan 81.495 ribu orang penduduk.

Terdapat 157 pulau yang terdapat dalam kabupaten Natuna dan hanya 27 buah pulau sahaja yang berpenghuni. Oleh itu, pemilihan kawasan kajian dan pengumpulan data hanya melibatkan Desa Batu Belanak, yang terletak di Suak Midai, Pulau Midai sahaja.

Pulau tersebut berkeluasan 26.25 km<sup>2</sup> dan mempunyai dua kuasa pentadbiran, iaitu Suak Midai dan Midai. Menurut Badan Pusat Statistik Kabupaten Natuna (2021), Pulau Midai mempunyai 5343 orang penduduk dengan 1739 orang di Suak Midai, manakala 3604 orang di Midai. Pulau Midai dipilih sebagai kawasan kajian kerana kajian mengenai pengelompokan bahasa di pulau tersebut belum ditemui dan tidak jelas. Di samping itu, variasi fonem dialek tersebut juga belum dapat dikenal pasti dalam sumber-sumber ilmiah yang bertulis. Tambahan pula, kajian-kajian sebelumnya, hanya tertumpu kepada kajian bahasa di pulau-pulau berdekatan Pulau Natuna Besar (Bunguran), Pulau Serasan, Pulau Sedanau dan Pulau Laut seperti James T. Collins (1998), Sapari Romadon et al. (2017), Tasliati (2018) dan Sopatri Dewi et al, (2020).

Kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji pada tahun 1998, 2017, 2018 dan 2020 hanya memberikan tumpuan terhadap kajian bahasa di kawasan utara dan timur kabupaten Natuna sahaja dan tidak menghusus kepada bahasa di Pulau Midai yang terletak di kawasan selatan kabupaten tersebut. Hal ini menjadikan keterbatasan terhadap data bahasa dan gambaran dialek Melayu Midai terhadap orang umum. Oleh hal demikian, Pulau Midai dipilih sebagai kawasan kajian untuk mendapatkan data yang akan dibandingkan dengan data yang diperoleh dari negeri Sarawak. Berikut merupakan peta yang menggambarkan kawasan kajian kedua, iaitu Pulau Midai:



Rajah 1.3: Peta Kabupaten Natuna dan Pulau Midai

Berdasarkan bukti sejarah, masyarakat Sarawak dan Natuna mempunyai hubungan yang erat. Hubungan tersebut terjalin pada zaman dahulu menerusi kegiatan perdagangan yang aktif. Menurut Hugh Low (1848, p. 140), hubungan perdagangan antara Sarawak dengan Kepulauan Natuna terjalin terutamanya dalam pembekalan ternakan, rempah-ratus dan sejenis tikar halus. Tambahan pula, menurut catatan klasik daripada *Madjalah Pandji Poestaka* yang diterbitkan oleh Balai Poestaka, Weltevreden Batavia yang bertajuk “Poelau Midai” (1926), Pulau Midai terkenal kerana kesibukan pelabuhannya yang membawa keluar kopra, rempah-ratus seperti cengkih dan ternakan seperti lembu untuk dihantar dan dijual di kawasan luar. Hal ini membuktikan bahawa hubungan perdagangan sememangnya wujud antara kedua-dua kawasan kajian.

Hubungan yang terjalin antara kedua-dua kawasan tersebut tidaklah hanya dalam aspek luaran seperti perdagangan sahaja. Bahkan, jika diteliti dalam aspek dalaman seperti bahasa, sudah tentu pedagang-pedagang dari Sarawak, mahupun Pulau Midai menggunakan bahasa masing-masing untuk tujuan urusan perdagangan.

Di samping itu, menurut pendapat seorang daripada pemaklum yang telah ditemu bual, beliau menyatakan bahawa terdapat juga masyarakat dari Pulau Midai yang berhijrah ke Sarawak untuk membina kehidupan baharu. Hal ini secara tidak langsung mengukuhkan bukti bahawa terhadap hubungan yang erat antara Pulau Midai dengan negeri Sarawak. Justeru, bagi membuktikan keamatan hubungan tersebut, Pulau Midai dan negeri Sarawak (kawasan Kuching) dipilih sebagai kawasan kajian bagi meneliti persamaan dan perbezaan bahasa melalui kaedah leksikostatistik dan perbandingan terhadap struktur fonologi.

## **1.6 Batasan Kajian**

Kajian membataskan kepada tiga aspek utama, iaitu pemerolehan data kajian, pengkhususan aspek fonologi dan pemilihan subdialek. Pertama, pemerolehan data kajian memanfaatkan bahan kajian, iaitu borang temu bual dengan pemaklum (informan). Borang temu bual tersebut telah disesuaikan dengan kedua-dua dialek Melayu terpilih dan mengandungi senarai perkataan yang telah diubah suai oleh James T. Collins (2016) daripada Senarai Kata Swadesh. Senarai kata tersebut telah disesuaikan mengikut keadaan di Nusantara. Dalam senarai kata yang diubah suai oleh James T. Collins (2016, pp. 106-121), terdapat 230 kosa kata yang dibandingkan. Namun, bagi tujuan kajian, 230 kosa kata sahaja yang dipilih untuk tujuan perbandingan DMS dengan DMM.

Kedua, pembatasan dilakukan terhadap perbandingan bahasa dalam aspek fonologi. Oleh itu, bagi menghuraikan perbandingan bahasa, sistem fonologi akan diberikan tumpuan dengan kaedah penentuan taraf kognat. Justeru, kajian

perbandingan terhadap struktur bagi sistem morfologi dan sistem ayat bagi kedua-dua dialek tidak akan dilaksanakan. Hal ini bertujuan untuk mendedahkan variasi fonem yang terdapat dalam kedua-dua dialek yang dikaji.

Akhir sekali, batasan kajian terhadap subdialek pula tertumpu kepada DMS. Seperti yang diketahui, Sarawak merupakan sebuah negeri yang paling besar berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Lantaran itu, semestinya DMS di seluruh kawasan negeri Sarawak mempunyai ragam atau subdialeknya yang tersendiri. Oleh hal demikian, DMS subdialek Kuching (DMSSKch) telah dipilih kerana DMSSKch merupakan dialek yang umum dan difahami oleh seluruh masyarakat dalam negeri Sarawak.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian dijalankan sebagai usaha awal mendokumentasi dialek-dialek yang dikaji terutamanya DMM yang selama ini kurang diterokai. DMM yang dituturkan oleh masyarakat yang tinggal di Pulau Midai, Natuna masih lagi belum diterokai secara ilmiah dengan mendalam terutamanya dalam pemugaran aspek bahasanya. Sekurang-kurangnya, melalui kajian yang dijalankan, ciri-ciri bahasa dan kosa kata dalam DMM dapat diperlihatkan kepada masyarakat umum bagi tujuan dokumentasi bertulis terhadap DMM. Pendedahan terhadap kajian variasi fonem dalam DMM diharapkan dapat menarik minat pengkaji luar untuk meneruskan pemugaran terhadap aspek bahasa yang lain dalam DMM.

Di samping itu, kajian juga dilaksanakan bagi mendokumentasi DMS. Meskipun kajian terhadap DMS telah banyak dijalankan oleh penyelidik sebelumnya

seperti Noriah Mohamed dan Rohani Mohd Yusof (2011), Asmah Haji Omar (2015) dan James T. Collins (2016), usaha dokumentasi dialek Sarawak turut dilaksanakan kerana mengambil kira sifat bahasa yang berubah-ubah (James T. Collins, 1989 dalam Norfazila Ab. Hamid et al., 2017). Selain itu, data yang dikongsi oleh pemaklum adalah pelbagai dan sememangnya setiap orang mempunyai pelbagai kata untuk menerangkan atau merujuk kepada sesuatu perkara yang sama. Oleh itu, kajian dilaksanakan untuk mendokumentasikan kepelbagaian kosa kata dalam DMS.

Berikutnya, kajian ini adalah penting dilaksanakan bagi merancakkan kajian ilmiah yang berunsur perbandingan antara dua negara. Sebagai contoh, kajian perbandingan DMS dengan DMM adalah usaha awal untuk memperkenalkan kepelbagaian dialek Melayu dalam dua negara. Kajian perbandingan wajar dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji lain bagi meneliti dan merungkai susur galur bahasa dan menjadi bukti ilmiah untuk kajian-kajian yang seterusnya.

## **1.8 Bahan Kajian**

Kajian dilaksanakan dengan bantuan bahan utama kajian, iaitu senarai kata atau daftar kata. Senarai kata tersebut diambil daripada 230 Senarai Kata Swadesh. Senarai kata tersebut telah disesuaikan oleh James T. Collins mengikut keadaan Nusantara dalam bukunya yang bertajuk "*Dialek Melayu Sarawak*" (2016, pp. 106-121). Senarai kata tersebut telah ditambah 30 perkataan menjadikannya sebanyak 230 perkataan. Kebanyakan 30 perkataan yang ditambah tersebut disertakan oleh James T. Collins (2016, pp. 106-121) bagi memperlihatkan data yang menunjukkan ciri fonetik, leksikal dan morfologi, khasnya dalam dialek Melayu Sarawak. Sebagai contohnya,

James T. Collins (2016, p. 37) menyatakan bahawa perkataan “kucing”, “ayam”, “mendaki” dan “ular sawa” ditambah kerana bentuk leksikal dan fonetiknya mempunyai ciri dialek Melayu Sarawak. Tambahan pula, James T. Collins (2016, p. 37) turut berpandangan bahawa penggunaan Senarai 230 Kata yang diubah suai tersebut adalah sesuai untuk penelitian lanjut tentang hubungan antara dialek Melayu yang lain.

Justeru, senarai kata tersebut telah dipetik dan dijadikan sebagai borang temu bual. Hal ini bertujuan untuk memudahkan catatan maklumat dan data yang diberikan oleh pemaklum. Secara tidak langsung, temu bual yang dilaksanakan adalah secara berstruktur kerana berpandukan borang temu bual (Senarai Kata Swadesh). Setiap makna perkataan akan ditanya kepada pemaklum menurut urutan perkataan yang terdapat dalam borang temu bual tersebut. Ketika temu bual berlangsung, borang temu bual tersebut diisi sendiri oleh penemu bual berdasarkan jawapan daripada pemaklum menggunakan lambang fonetik. Tambahan pula, sesi temu bual tersebut telah dirakam untuk memudahkan rujukan semula dilaksanakan selepas sesi temu bual bersama-sama pemaklum.

## **1.9 Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan secara terperinci mengenai pengenalan dan konsep yang dikemukakan dalam kajian. Perbincangan mengenai latar belakang kajian telah dilaksanakan dengan menerangkan beberapa pengelompokan dialek yang ada di kedua-dua negara. Selanjutnya, permasalahan yang mencetuskan penerokaan kajian telah dibentangkan dan telah menzahirkan

beberapa persoalan yang perlu dijawab dalam kajian menerusi objektif-objektif kajian yang ditetapkan.

Di samping itu, dalam bab ini juga telah dihuraikan kawasan pelaksanaan kajian, iaitu meliputi kawasan di negara Malaysia (Sarawak) dan Indonesia (Natuna). Penerangan terhadap bidang kajian, iaitu bidang linguistik bandingan juga dilaksanakan dengan terperinci. Selanjutnya, pembatasan terhadap kajian turut dilaksanakan dengan memberikan tumpuan terhadap Senarai Kata Swadesh, perbandingan yang mengkhususkan unsur fonologi dan pemilihan subdialek Kuching. Akhir sekali, bab ini telah menghuraikan beberapa kepentingan yang mendorong kepada pelaksanaan kajian dan juga menyatakan bahan (instrumen) yang digunakan untuk mendapatkan data bahasa. Oleh itu, dalam bahagian yang seterusnya dihuraikan beberapa kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas sebagai rujukan dan tambah baik dalam kajian.



## **BAB 2: SOROTAN LITERATUR**

### **2.0 Pengenalan**

Bab yang kedua membincangkan beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang dipilih berdasarkan sepuluh tahun sebelumnya. Namun begitu, terdapat juga kajian lepas yang diterbitkan sekitar tahun 90-an yang dirujuk. Hal ini demikian kerana kajian lepas tersebut merupakan satu-satunya sumber utama yang membincangkan kajian kebahasaan di kawasan kajian. Oleh itu, dalam subbahagian yang berikutnya akan dihuraikan beberapa kajian lepas berkaitan DMS, DMM (Natuna), leksikostatistik dan teori struktural.

### **2.1 Kajian Lepas DMS**

Kajian yang membincangkan DMS dapat ditelusuri melalui kajian oleh Monaliza Sarbini-Zin et al. (2019) telah diterbitkan dalam *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik KUIS* yang bertajuk “Unsur Kesalingfahaman dan Ketidaksalingfahaman antara Dialek Kedah dan Dialek Melayu Sarawak”. Kajian dilaksanakan bagi mengenal pasti perkataan yang mempunyai kesalingfahaman dan ketidaksalingfahaman dalam dialek Kedah (DK) dan dialek Melayu Sarawak (DMS). Menurut pengkaji, unsur kesalingfahaman merujuk kepada fenomena antara penutur bahasa atau dialek yang berbeza dapat memahami antara satu sama lain dengan mudah. Kajian ini menerapkan kaedah temu bual yang berkaitan topik perbualan harian. Temu bual tersebut dijalankan dengan pengkaji telah berbual-bual menggunakan DK, manakala pemaklum pula bertutur menggunakan DMS. Hasil temu bual tersebut mendapati

bahawa terdapat 10 perkataan yang mempunyai unsur kesalingfahaman seperti *rumah, sampah, kecil, besar, orang, keliling, balik, air, saya* dan *awak*. Selain itu, ditemukan juga 10 unsur ketidaksalingfahaman, iaitu *gerek, udang, tapak, lawa, kacak, padah, tok, sik, lagu* dan *kelaka(r)*. Kajian ini berjaya memperlihatkan bahawa wujudnya unsur kesalingfahaman dan ketidaksalingfahaman antara penutur-penutur dialek di negara kita. Meskipun wujudnya unsur ketidaksalingfahaman, penutur DK dan DMS masih lagi boleh berkomunikasi antara satu sama lain dengan berkesan.

Selanjutnya, kajian yang menerapkan unsur perbandingan DMS telah dijalankan oleh Nabillah Bolhassan (2019) dalam *Jurnal Sains Sosial* yang bertajuk “Dialek Melayu Sarawak dan Bahasa Melayu Baku: Satu Kajian Perbandingan”. Berdasarkan kajian, perbandingan dilaksanakan menerusi aspek leksikal antara DMS (subdialek Sibuluan) dengan bahasa Melayu Baku yang memfokuskan kepada kata nama. Kajian tersebut mengaplikasikan Teori Semantik Leksikal dengan membataskan kepada aspek polisemi sahaja. Kajian dijalankan melalui penerapan kaedah elisitasi dengan menemu bual 8 orang pemaklum, iaitu pegawai tentera yang berasal dari Semenanjung Malaysia dan Sabah yang berkhidmat di Sarawak. Pelaksanaan kajian tersebut merupakan usaha Nabillah Bolhassan untuk mengenal pasti kosa kata DMS dan bahasa Melayu Baku yang memperlihatkan unsur homonim, khususnya polisemi. Selain itu, kajian tersebut dilaksanakan untuk mengelakkan kekaburan makna yang timbul disebabkan oleh unsur homonim dalam kedua-dua bahasa. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa terdapat sepuluh kata nama yang didapati menimbulkan kekaburan makna dalam kalangan pemaklum. Antaranya ialah *babas, bala, belon, diam, kerak, kerubung, landas, motor, roti* dan *serabut*.

Selain itu, kajian mengenai DMS terdapat dalam *Issues in Language Studies* oleh Dayang Sariah Abang Suhai dan Mary Fatimah Haji Subet (2012) yang bertajuk “Homonom Antara Dialek Melayu Sarawak dan Bahasa Melanau”. Kajian tersebut meneliti unsur homonim yang wujud dalam kedua-dua bahasa yang dibandingkan. Data bahasa yang diperoleh pengkaji telah dipetik daripada sumber sekunder, iaitu Kamus Melanau Mukah-Melayu Dewan (2011) dan Daftar Kata Dialek Melayu Sarawak Edisi Kedua (1998). Hasil dapatan kajian tersebut mendapati bahawa terdapat persamaan kosa kata yang mempunyai makna yang berbeza bagi kedua-dua bahasa yang dibandingkan. Hal tersebut membuktikan bahawa persamaan kosa kata yang berlainan makna bukan sahaja wujud dalam dialek atau bahasa yang sama, namun turut juga berlaku dalam sesuatu bahasa dengan bahasa yang lain atau sesuatu dialek dengan bahasa yang lain. Oleh itu, pendedahan terhadap perkataan berhomonim dalam bahasa-bahasa lain perlulah didedahkan kepada masyarakat supaya mewujudkan persefahaman dan mengelakkan berlakunya halangan dan masalah dalam komunikasi.

Seterusnya, kajian yang meneliti subdialek dalam DMS telah dilaksanakan oleh Salbia Hassan (2016) dari Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya dalam tesis ijazah kedoktorannya yang bertajuk “Kajian Fonologi Dialek Melayu Kabong”. Kajian tersebut dijalankan bagi mengenal pasti struktur dan sistem dalam Dialek Melayu Kabong (DMKb) dalam aspek fonologi. Pelaksanaan analisis data kajian dijalankan dengan penerapan Teori Linguistik Deskriptif. Hasil dapatan kajian tersebut mendapati bahawa DMKb mempunyai lapan fonem vokal dan 19 fonem konsonan. Selain itu, didapati bahawa rangkap vokal yang wujud dalam DMKb ialah rangkap vokal depan, manakala rangkap konsonan pula terdiri daripada dua

konsonan, iaitu Nasal-Oral dan Oral-Oral. Di samping itu, kajian tersebut juga telah berjaya memperlihatkan tujuh pola struktur suku kata yang merupakan asas dalam pembentukan kata dalam DMKb, iaitu V, VK, KV, KVV, KVK, KKV dan KKVK.

Berdasarkan keempat-empat kajian yang dibincangkan, jelaslah bahawa kajian mengenai DMS mendapat minat bagi pengkaji-pengkaji di Malaysia. Secara keseluruhannya, kajian-kajian tersebut dilaksanakan bagi mengkaji DMS dalam bidang semantik (homonim), fonologi dan perbandingan dialek antara negeri. Berdasarkan kajian-kajian tersebut, perbincangan mengenai objektif kajian berjaya memberikan pendedahan tentang keunikan DMS. Sebagai contohnya, kajian terhadap bidang semantik yang mengkhususkan homonim oleh Dayang Sariah et al (2012) dan Nabilah Bolhassan (2019) membuktikan bahawa DMS mempunyai persamaan dengan bahasa yang dibandingkan dalam aspek perkataan, namun berbeza makna. Kajian tersebut telah memberikan pengetahuan kepada umum bahawa wujudnya perkataan yang boleh menimbulkan kekaburan makna. Oleh itu, pendedahan terhadap perkataan-perkataan tersebut dapat membantu dalam mengelakkan kekaburan makna terjadi dalam komunikasi.

Tambahan pula, kajian fonologi terhadap DMS oleh Salbia Hassan (2016) berjaya menggambarkan dengan terperinci struktur dan sistem fonologi dalam DMKb. Pendedahan terhadap variasi struktur dan sistem memberikan pengetahuan tentang bentuk bunyi dalam DMKb yang sebelumnya tidak diketahui umum. Walau bagaimanapun, sebagai penambahbaikan terhadap kajian tersebut, maklumat fonologi berkaitan DMSSKch wajar disertakan agar perbezaannya dengan DMKb dapat ditentukan dengan jelas. Perbandingan dengan DMSSKch adalah wajar kerana dialek tersebut merupakan dialek yang menjadi asas pertuturan masyarakat di negeri

Sarawak. Namun begitu, usaha Salbia Hassan sememangnya perlu dibanggakan kerana telah menghasilkan kajian fonologi yang terkini berkaitan DMKb dengan lengkap.

Di samping itu, kajian yang berunsurkan perbandingan antara dialek Melayu di Malaysia oleh Monaliza Sarbini-Zin et al. (2019) pula telah berjaya memperlihatkan bahawa wujud unsur kesalingfahaman dan ketidaksalingfahaman antara DMK dengan DMS. Kajian tersebut membuktikan bahawa apabila seseorang penutur semakin terdedah dengan dialek luar (selain dialek pertuturan asal), maka semakin tinggi kesalingfahaman dan dapat mengelakkan ketidaksalingfahaman ketika berkomunikasi. Sebagai cadangan, kajian oleh Monaliza Sarbini-Zin et al. dilihat dapat dikembangkan dengan lebih baik lagi dengan perbandingan DMS dengan dialek-dialek di Malaysia yang lain. Hal ini kerana kajian perbandingan DMS dengan dialek-dialek negeri yang lain belum lagi giat dijalankan oleh pengkaji-pengkaji luar. Oleh itu, dalam bahagian yang selanjutnya, dibincangkan mengenai kajian-kajian berkaitan DMM, Natuna untuk mengenal pasti bidang-bidang kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji.

## **2.2 Kajian Lepas DMM (Natuna)**

Sepanjang pencarian bahan mengenai DMM, kajian lepas yang mengkaji dialek tersebut tidak ditemui dan dilaksanakan oleh mana-mana pengkaji bahasa. Namun, terdapat beberapa kajian bahasa yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa terhadap bahasa yang ada di kabupaten Natuna. Disebabkan DMM dituturkan oleh

masyarakat di Pulau Midai yang berada di bawah pentadbiran kabupaten Natuna, maka berikut dibincangkan beberapa kajian bahasa-bahasa di kabupaten tersebut.

Kajian terkini yang dijalankan mengenai bahasa di Natuna dapat ditelusuri melalui penyelidikan yang telah dijalankan oleh Sopatri Dewi et al. (2020) dalam *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia* yang bertajuk “Interferensi Fonologi Dialek Melayu Natuna dalam Penggunaan Bahasa Indonesia di Ruang Publik Kecamatan Bunguran Timur Laut Kabupaten Natuna”. Data kajian diperoleh daripada musyawarah yang dijalankan di tujuh kampung yang berada di kecamatan Bunguran Timur Laut. Kajian tersebut dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan menjelaskan interferensi (gangguan) fonologi dalam jenis perubahan bunyi fonem dialek Melayu Natuna ketika penggunaan bahasa Indonesia di tempat umum. Hasil kajian mendapati bahawa perubahan bunyi fonem vokal /a/ adalah lebih kerap berlaku ketika penggunaan bahasa Indonesia dalam suku kata pertama, kedua dan ketiga. Kajian tersebut juga telah berjaya mengenal pasti perubahan bunyi fonem, iaitu vokal /a/, /i/, /u/, /e/, /ə/, dan /o/. Di samping itu, terdapat juga perubahan bagi bunyi konsonan /r/, /p/, /l/, /t/, /k/, /f/, /v/ dan /c/. Akhir sekali, pengkaji telah dapat menemukan perubahan bagi bunyi fonem vokal /a/ dengan fonem diftong /ɔw/.

Seterusnya, kajian perbandingan bahasa yang melibatkan dialek Melayu di Kepulauan Natuna telah dijalankan oleh Tasliati (2018) dari Kantor Bahasa Kepulauan Riau menerusi jurnal *Genta Bahtera* yang bertajuk “Perbedaan Fonologis Bahasa Melayu di Desa Ceruk dan di Pulau Laut Kabupaten Natuna Provinsi Kepulauan Riau”. Kajian fonologi tersebut menganalisis perbandingan unsur fonetik antara dua dialek Melayu Kepulauan Natuna, iaitu dialek Melayu di Desa Ceruk dan Pulau Laut menggunakan teori dialektologi dan linguistik historis komparatif. Hasil

daripada penyelidikan tersebut, Tasliati telah berjaya menghuraikan ciri-ciri fonetik dan mengenal pasti perubahan bunyi yang wujud dalam kedua-dua dialek yang dikaji. Menurut Tasliati, terdapat dua bentuk perubahan bunyi yang telah dikenal pasti, iaitu bentuk bunyi sempurna dan bentuk bunyi kurang sempurna. Perubahan bunyi sempurna dikenal pasti melalui enam bentuk perubahan, iaitu (i)  $\varepsilon \approx I$ , (ii)  $o \approx u$ , (iii)  $\varepsilon \approx \text{ə}$ , (iv)  $r \approx x$ , (v)  $k \approx ?$  dan (vi)  $\text{ə} \approx a$ . Bagi bentuk kurang sempurna pula, perubahannya ditemukan dengan tiga bentuk, iaitu (i)  $I \approx i$ , (ii)  $\emptyset \approx X$  dan (iii)  $t \approx d$ . Di samping itu, Tasliati turut menyatakan bahawa kedua-dua dialek Melayu tersebut mempunyai empat perbezaan ragam bunyi, iaitu (i) fonem vokal belakang tengah menjadi vokal pusat rendah ( $\text{ɔ} \sim a$ ), (ii) penambahan satu fonem di akhir kata ( $\emptyset \sim \text{ə}$  dan  $\emptyset \sim a$ ), (iii) fonem tak bersuara menjadi fonem bersuara ( $k \sim g$  dan  $p \sim b$ ), dan (iv) penambahan satu fonem di akhir kata ( $\emptyset \sim h$  dan  $\emptyset$ ).

Selanjutnya, tinjauan mengenai dialek Melayu di kabupaten Natuna diteruskan oleh Sapari Ramadon et al. (2017) yang bertajuk “Prefiks Bahasa Melayu Isolek Sedanau” dan telah diterbitkan dalam *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa* (JPPK). Kajian dalam bidang morfologi tersebut menghuraikan variasi imbuhan awalan yang terkandung dalam dialek Melayu Sedanau (DMSed) yang dituturkan oleh masyarakat di Pulau Sedanau yang berada di bawah pemerintahan kecamatan Bunguran Barat, Natuna. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa dalam DMSed terkandung lima imbuhan awalan, iaitu N-, pəN-, bə-, tə-, dan di-. Kelima-lima imbuhan awalan tersebut berfungsi untuk membentuk kata kerja, kata nama, kata adjektif, dan kata bilangan. Hasil pembacaan terhadap kajian tersebut mendapati bahawa wujudnya persamaan yang ketara bagi DMSed dengan DMS dalam aspek

imbuhan awalan. Hal ini dapat dibuktikan melalui persamaan imbuhan awalan DMSed, iaitu N- (n-, m-, ny-, dan ng-) dengan DMS<sup>1</sup>.

Berikutnya, kajian mengenai dialek Melayu di Natuna telah dijalankan oleh James T. Collins (1998) yang bertajuk “Bahasa Melayu di Kepulauan Natuna: Tafsiran dan Klasifikasi Awal”. Kajian yang telah diterbitkan dalam *Jurnal Dewan Bahasa* tersebut merupakan usaha awal James T. Collins untuk mendokumentasi dan mendedahkan dialek Melayu di Natuna. Fokus dialek Melayu yang dikaji dalam kajian tersebut ialah dialek Melayu Serasan, dialek Melayu Sedanau dan dialek Melayu Bunguran Timur. Perbincangan kajian adalah tertumpu kepada perbandingan terhadap sistem fonologi dalam ketiga-tiga dialek tersebut. Hasil perbincangan kajian telah berjaya mengklasifikasikan cabang bagi ketiga-tiga dialek tersebut, iaitu berada di bawah cabang dialek Melayu Borneo Barat. Hal ini bermakna, dialek-dialek yang berada di kabupaten Natuna merupakan turunan daripada cabang Borneo Barat yang terdiri daripada DMS dan dialek-dialek Melayu di Kalimantan Barat.

Berdasarkan keempat-empat kajian mengenai dialek Melayu Natuna tersebut dapat disimpulkan bahawa kajian fonologi dan morfologi merupakan bidang yang sering mendapat perhatian pengkaji bagi meneliti dialek Melayu Natuna. Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut tidak berjaya memberikan gambaran yang jelas terhadap DMM yang dituturkan oleh masyarakat Midai. Hal ini kerana kajian-kajian tersebut hanyalah tertumpu di bahagian utara kabupaten Natuna. Justeru, kajian bahasa di Pulau Midai dijalankan bagi memperlihatkan ciri-ciri bahasa terutamanya dalam aspek fonologi.

---

<sup>1</sup> Sila rujuk *Susur Galur Bahasa Melayu Edisi Kedua* (Asmah Haji Omar, 2015: pp. 219-220) tentang konsonan nasal atau sengauan DMS subdialek Kuching.



### 2.3 Kajian Lepas Pendekatan Struktural dan Fonologi

Kajian yang mengaplikasikan pendekatan struktural telah mendapat perhatian Norfazila Ab. Hamid dengan kerjasama Norhasliza Ramli (2021). Kajian dalam *Jurnal Melayu* yang bertajuk “Inventori Fonem Dialek Melayu Tioman-Aur-Pemanggil di Salang”. Kaedah dan pelaksanaan kajian tersebut adalah sama seperti kajian Norfazila Ab. Hamid (2019). Namun, perbezaan antara kedua-dua kajian tersebut (2019 dengan 2021) ialah aspek dialek yang dikaji, iaitu varian Salang. Analisis data dimulakan dengan penelitian dari segi penyebaran fonem dan bunyi seperti vokal, diftong dan konsonan yang terdapat di kawasan kajian. Hasil kajian mendapati bahawa varian Salang mempunyai lapan fonem vokal, dua diftong dan 19 fonem konsonan yang terdiri daripada tujuh konsonan plosif, dua konsonan afrikat, tiga konsonan frikatif, empat konsonan nasal, satu konsonan lateral dan dua konsonan separuh vokal.

Kajian pendekatan struktural yang seterusnya telah dilakukan oleh Norfazila Ab. Hamid (2019) menerusi kajiannya yang diterbitkan dalam *Journal of Social Sciences and Humanities* yang bertajuk “Kajian Fonetik Varian Kelanang: Dialek Melayu Jugra Selangor”. Kajian tersebut dijalankan bagi mengenal pasti jumlah inventori fonem dan menentukan varian dalam dialek Melayu Jugra (DMJ). Bagi memperoleh data kajian, soal selidik dilaksanakan dengan menggunakan senarai kata yang digunakan Rahim Aman (1997). Senarai kata tersebut mengandungi 473 perkataan yang terdiri daripada 12 domain. Hasil kajian mendapati bahawa DMJ varian Kelanang mempunyai lapan fonem vokal, dua diftong dan 20 fonem konsonan. Kajian yang dilaksanakan oleh Norfazila Ab. Hamid merupakan usaha yang baik bagi

memperkenalkan variasi fonem dalam varian Kelanang kerana bahasa tersebut didapati menghampiri kepupusan.

Penulisan yang membincangkan pendekatan struktural dalam pelajaran Bahasa Arab telah dilaksanakan oleh Munir (2018) dalam *Jurnal Shaut Al-'Arabiyah* yang bertajuk “Pendekatan Struktural dalam Pelajaran Bahasa Arab”. Penulisan tersebut membincangkan pendekatan struktural yang dianggap sebagai kaedah yang terbaik bagi mempelajari bahasa Arab. Menurut Munir, pembelajaran bahasa yang berlandaskan pendekatan tersebut hendaklah mengutamakan penguasaan kaedah-kaedah bahasa atau tatabahasa. Oleh hal yang demikian, melalui pendekatan tersebut para pelajar dapat memahami rumus-rumus tatabahasa dan istilah-istilah dalam bahasa Arab serta mampu menghafal model-model perkataan atau fungsi sesuatu kata. Berpandukan pendekatan struktural juga, pelajar dapat memahami dengan jelas *fi'il, faa'il, maf'ul* dan lain-lain. Di samping itu, pembelajaran dalam bahasa Arab menggunakan pendekatan tersebut dapat memberikan pelajar pemahaman yang jelas tentang fonologi, morfologi dan sintaksis dalam bahasa Arab.

Seterusnya, kajian mengenai struktural dijalankan oleh Riduan Makhtar et al. (2018) yang bertajuk “Pengaruh Dialek Kelantan dalam Bahasa Temiar: Analisis Fonologi Struktural” menerusi *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. Kajian tersebut menyasarkan kaum orang asli Temiar yang tinggal di Gua Musang, Kelantan dengan mengkaji tentang penyerapan dan peminjaman kosa kata dialek Kelantan ke dalam bahasa Temiar dan menghuraikan variasi konsonan. Hasil kajian mendapati bahawa bahasa Temiar mempunyai 18 konsonan dan kata-kata pinjaman dialek Kelantan dalam bahasa Temiar hanya melibatkan perkataan yang tidak dimiliki di dalam bahasa Temiar, iaitu buah-buahan, teknologi, perubatan,

makanan, tumbuhan, dan pakaian. Oleh itu, Riduan Makhtar et al. telah membuat kesimpulan bahawa peminjaman terhadap kosa kata dialek Kelantan berlaku disebabkan hubungan dan pergaulan yang rapat antara masyarakat orang asli Temiar dengan orang Melayu Kelantan.

Selain itu, kajian berkaitan analisis fonologi secara deskriptif telah dijalankan oleh Laura Arnold (2018) dari University of Edinburgh melalui tesis ijazah kedoktorannya yang bertajuk “*A Grammar of Ambel: An Austronesian Language of Raja Ampat, West New Guinea*“. Kajian tersebut dijalankan untuk menghuraikan sistem tatabahasa Ambel, iaitu bahasa Austronesia terancam pupus yang dituturkan oleh 1600 orang di Pulau Waigeo, Papua Barat, Indonesia. Kajian tersebut meneliti keseluruhan sistem tatabahasa dari aspek morfologi, sintaksis dan fonologi dengan menemu bual penutur-penutur asli bahasa Ambel. Hasil kajian terhadap sistem fonologi bahasa Ambel menemukan bahawa terdapat 18 fonem konsonan asli, iaitu /p, b, t, k, g, d, s, h, ʃ, ɟ, m, n, ŋ, l, r, j, w/ dan lima fonem vokal asli /i, e, a, u, o/. Di samping itu, Laura Arnold juga menemukan bahawa Ambel merupakan bahasa yang mempunyai sistem nada, iaitu setiap sebutan dan makna bergantung kepada tinggi dan rendahnya nada sesuatu perkataan. Tambahan pula, dalam bahasa Ambel kebanyakan perkataan terdiri daripada satu dan dua suku kata sahaja, manakala perkataan dengan tiga suku kata adalah tidak banyak dan terhad.

Berikutnya, kajian dalam bidang fonologi turut dilaksanakan dalam tesis Erika Harlow (2016) dari Trinity Western University yang bertajuk “*Phonology of Mosiye*“. Kajian tersebut mengkaji bahasa Mositacha yang dituturkan oleh 6000 orang kaum Mosiye. Kajian dilakukan dengan menjalankan temu bual dengan penutur-penutur asli bahasa tersebut melalui kajian lapangan hulu. Kajian Erika

Harlow dijalankan untuk mengenal pasti dan menghuraikan secara rinci mengenai sistem fonologi yang terdiri daripada fonem konsonan dan vokal, struktur suku kata, fonotaktik, proses fonologikal dan nada bahasa. Dapatan kajian tersebut telah berjaya menghuraikan bahawa terdapat 24 fonem konsonan yang terdiri daripada /p, t, k, ʔ, b, d, g, ɓ, ɗ, ts', tʃ', k', f, s, ʃ, h, ts, tʃ, m, n, l, r, w, j/ dan 5 fonem vokal dengan kepanjangan fonemik (*phonemic length*), iaitu /i (ii), e (ee), a (aa), u (uu), o (oo)/. Di samping itu, kajian mendapati bahawa terdapat empat jenis struktur suku kata dalam bahasa Mositacha, iaitu KV, KVK, KVV dan KVVK. Kajian tersebut telah berjaya menghuraikan secara terperinci mengenai sistem fonologi dalam bahasa Mositacha secara deskriptif dan kajian tersebut merupakan usaha yang baik untuk mendokumentasikan bahasa tersebut yang dijangka akan diancam kepupusan.

Kajian yang bertajuk “Sistem Fonologi Subdialek Baling Kedah” telah dilakukan Nur Faslin Sulaiman (2015) dari Universiti Malaya dalam tesis sarjananya. Kajian dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan Kenneth Lee Pike untuk meneliti fonem dan penyebaran subdialek Baling di Kedah melalui temu bual pemaklum dalam kajian lapangan hulu. Pemerhatian terhadap aspek fonologi, iaitu sistem vokal, konsonan, diftong dan rangkap konsonan dilakukan secara deskriptif. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat lapan fonem vokal dalam subdialek Baling, iaitu /i, e, ε, ə, a, u, o, ɔ/ dan 20 fonem konsonan /p, b, t, d, k, g, ʔ, m, n, ŋ, ɕ, ʝ, s, ʎ, ʎ, r, l, w, j/. Di samping itu, kajian juga mendapati bahawa terdapat tiga jenis diftong, iaitu /aw, ay, oy/ dan terdapat tiga jenis rangkap konsonan, iaitu Rangkap Nasal + Oral, Rangkap Oral + Nasal dan Rangkap Oral + Oral. Selain menjelaskan sistem fonologi subdialek Baling secara deskriptif, kajian ini telah berjaya membuktikan kewujudan pengaruh dialek Patani dan dialek Perak dalam subdialek

Baling kerana kedudukan geografi yang bersempadan. Namun, hasil dapatan kajian ini masih lagi menunjukkan kesejajaran subdialek Baling dengan dialek Kedah serta dialek-dialek Utara yang lain.

Seterusnya, Nur Hidayah Mohamed Suleiman (2015) dari Universiti Malaya menerusi tesisnya yang bertajuk “Struktur Frasa Bahasa Orang Asli Duano” telah melaksanakan kajian yang mengaplikasikan pendekatan struktural. Kajian lapangan hulu tersebut dilaksanakan di Kampung Bumiputera Dalam, Batu Pahat, Johor untuk menganalisis frasa dalam bahasa Orang Asli suku Duano. Dapatan kajian mendapati bahawa empat frasa yang wujud dalam bahasa Orang Asli Duano, iaitu (i) frasa namaan, (ii) frasa kerja, (iii) frasa adjektif dan (iv) frasa adverba. Setelah keempat-empat frasa dikenal pasti, analisis diteruskan dengan menjeniskan frasa-frasa tersebut kepada frasa selapis dan kompleks. Nur Hidayah telah berjaya menentukan distribusi frasa selapis dan kompleks, iaitu frasa selapis terdiri daripada frasa endosentrik dan ekosentrik, manakala frasa kompleks terdiri daripada frasa kompleks setara dan tak setara. Kajian pendekatan struktural tersebut merupakan usaha yang baik untuk mendokumentasikan struktur frasa bahasa Orang Asli Duano yang belum mendapat perhatian pengkaji-pengkaji luar dan kajian yang menggunakan pendekatan struktural bagi menganalisis struktur bahasa adalah relevan dilaksanakan.

Berdasarkan kajian oleh Laura Arnold (2018), Erika Harlow (2016), Nur Faslin Sulaiman (2015), Nur Hidayah Mohamed Suleiman (2015), Munir (2018), Riduan Makhtar et al. (2018), Norfazila Ab. Hamid (2019) dan Norfazila Ab. Hamid dan Norhasliza Ramli (2021), telah dibuktikan bahawa kajian yang meneliti fonologi adalah sesuai mengaplikasikan pendekatan struktural. Hal ini kerana melalui

pendekatan struktural, unsur-unsur bahasa seperti fonologi, sintaksis dan morfologi dalam bahasa yang diteliti dapat dihuraikan. Oleh itu, penerapan pendekatan struktural dalam menghuraikan sistem fonologi DMS dengan DMM adalah relevan. Justeru, dalam subbahagian yang selanjutnya dihuraikan beberapa kajian lepas berkaitan leksikostatistik yang menjadi rujukan.

#### **2.4 Kajian Lepas Leksikostatistik (Glotokronologi)**

Kajian lepas yang mengaplikasikan kaedah leksikostatistik telah diterbitkan dalam *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* yang bertajuk “Leksikostatistik Bahasa Che Wong dan Bahasa Melayu Melalui Aspek Perbandingan Kosa Kata” oleh Norajihah Muda dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2021). Kajian tersebut menggunakan 207 kosa kata yang diambil daripada Senarai Kata Swadesh untuk dijadikan bahan ketika temu bual. Kajian memfokuskan terhadap bahasa yang dituturkan oleh masyarakat orang asli suku Senoi, iaitu Che Wong yang berada di Kampung Sungai Enggang, Kuala Gandah, Pahang. Kajian dilaksanakan untuk mengenal pasti tingkat kekerabatan dan membandingkan kosa kata dalam kedua-dua bahasa yang dikaji. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa perkataan dalam bahasa Orang Asli Che Wong mempunyai pengaruh dan persamaan dengan bahasa Melayu. Di samping itu, dapatan kajian telah membuktikan bahawa bahasa Orang Asli Che Wong berkerabat dengan bahasa Melayu pada tingkat keluarga bahasa, iaitu sebanyak 76%. Kedua-dua bahasa tersebut didapati terpisah menjadi bahasa yang tersendiri pada sekitar 5 hingga 25 abad yang lalu.

Selain itu, kajian yang bertajuk “Leksikostatistik dan Glotokronologi antara Bahasa Banjar dengan Bahasa Melayu: Kajian Linguistik Sejarah dan Perbandingan” oleh Mohd Khaidir Abdul Wahab dan Adi Kasman Che Halin (2021) meneliti aspek perbandingan antara bahasa Banjar dengan bahasa Melayu melalui kaedah perbandingan leksikostatistik dan glotokronologi. Kajian menggunakan 100 perkataan dalam senarai Swadesh bagi menemu bual 20 orang informan dari empat buah kampung dalam mukim Bagan Serai, Daerah Kerian, Perak Darul Ridzuan. Hasil analisis leksikostatistik mendapati bahawa peratus kata yang berkognat dalam bahasa Banjar dengan bahasa Melayu ialah sebanyak 91.9%. Hal ini membuktikan bahawa bahasa Banjar mempunyai hubungan yang sangat dekat dengan bahasa Melayu. Di samping itu, dapatan analisis glotokronologi telah menyatakan bahawa kedua-dua bahasa tersebut berpisah antara abad ke-17 sehingga abad ke-19 daripada sumber bahasa proto yang sama. Dapatan kajian juga telah membuktikan bahawa meskipun bahasa Banjar dan Melayu mempunyai kekerabatan yang sangat dekat, namun masyarakat Melayu tidak dapat memahami bahasa Banjar melainkan melalui pendedahan dan pembelajaran terhadap bahasa Banjar.

Seterusnya, kajian yang mengadaptasi kaedah perbandingan leksikostatistik telah dijalankan oleh Andries van Niekerk (2020) dari Stellenbosch University dalam tesisnya yang bertajuk “*A Lexical Comparison of South African Sign Language and Potential Lexifier*”. Kajian tersebut menggunakan kaedah perbandingan leksikostatistik bagi menentukan peratus peminjaman leksikal dengan membandingkan Bahasa Isyarat Afrika Selatan (*South African Sign Language – SASL*) yang digunakan di sekolah orang pekak di wilayah-wilayah Afrika Selatan dengan 7 jenis bahasa isyarat seperti *American Sign Language (ASL)*, *British Sign*

*Language (BSL), Sign Language of The Netherlands (NGT), Flemish Sign Language (VGT), German Sign Language (DGS), Irish Sign Language (ISL) dan Paget Gorman Sign System (PGSS).* Bagi memudahkan analisis kajian, Andries van Kiekerk telah menemu bual pemaklum menggunakan 100 Senarai Kata Woodward (2003) dan mengkategorikan bahasa-bahasa isyarat tersebut secara fonologi bagi membandingkannya dengan bahasa-bahasa isyarat yang lain. Hasil kajian mendapati bahawa SASL mempunyai peratus peminjaman bahasa isyarat yang tinggi, iaitu sebanyak 15.9%, diikuti dengan ASL sebanyak 12.6% dan VGT pula sebanyak 11.7%. Kajian tersebut juga mendapati bahawa 65.4% daripada bahasa isyarat tersebut dipengaruhi oleh bahasa isyarat asing atau PGSS. Walau bagaimanapun, kajian tersebut telah menemukan bahawa terdapat beberapa isyarat dalam bahasa yang tidak sepadan dengan bahasa-bahasa isyarat yang dibandingkan dan asal usulnya tidak dapat dikenal pasti kerana berkemungkinan isyarat tersebut muncul secara semula jadi atau dipinjam daripada bahasa-bahasa lain. Kajian oleh Andries merupakan sebuah kajian yang menarik kerana menggunakan kaedah perbandingan leksikostatistik bagi menentukan tahap peminjaman dan kekerabatan bahasa antara bahasa isyarat. Hal ini sekali gus membuktikan bahawa kajian leksikostatistik tidak hanya tertumpu kepada data bahasa yang bersifat verbal sahaja namun dapat dilaksanakan dengan data bahasa bukan verbal seperti bahasa isyarat.

Selanjutnya, kajian yang mengaplikasikan kaedah leksikostatistik turut dijalankan oleh Bolanle Elizabeth Arokoyo dan Olamide Oluwaseun Lagunju (2019), diterbitkan dalam *Journal of Universal Language* yang bertajuk “*A Lexicostatistics Comparison of Standard Yoruba, Akure and Ikare Akoko Dialects*”. Kajian tersebut dijalankan untuk mengkaji perbezaan dan persamaan dalam leksikon dialek Yoruba,



Ikare Akoko dan Akure. Kajian tersebut dijalankan untuk mencapai tiga matlamat, iaitu (i) mengenal pasti persamaan dan perbezaan item leksikal dialek tersebut, (ii) untuk mengkaji perkaitan fonologi ketiga-tiga dialek tersebut dan (iii) menentukan peratus tingkat kekerabatan antara ketiga-tiga dialek tersebut. Data kajian diperoleh melalui temu bual dengan enam orang penutur asli menggunakan Senarai Kata Perbandingan Afrika SIL (*SIL Comparative African Wordlist*). Sistem angka, kata nama yang terdiri daripada haiwan dan makanan telah dipilih daripada senarai perkataan tersebut untuk dibandingkan menggunakan kaedah leksikostatistik. Hasil kajian berjaya mendedahkan bahawa peratus kekerabatan antara dialek Yoruba dengan Akure ialah 86.40%, Ikare Akoko dengan Akure sebanyak 74.60%, dan Yoruba dengan Ikare Akoko berkognat sebanyak 78.90%. Kajian tersebut merumuskan bahawa terdapat tahap kesalingfahaman antara Yoruba dengan Akure dan Yoruba dengan Akoko adalah tinggi, manakala tahap kesalingfahaman antara Ikare Akoko dengan Akure adalah rendah.

Berikutnya, kajian leksikostatistik turut dijalankan oleh Puspa Ruriana (2018) yang bertajuk “Hubungan Kekerabatan Bahasa Jawa dan Madura”. Kajian tersebut meneliti tingkat kekerabatan dan menganalisis variasi fonem dalam empat dialek dalam bahasa Jawa dan empat dialek dalam bahasa Madura, iaitu bahasa Jawa dialek Solo Yogya (JSY), Jawa subdialek Surabaya (JS), Jawa subdialek Pantura (JP), Jawa dialek Osing (JO), bahasa Madura subdialek Bangkalan (MB), Madura subdialek Pamekasan (MP), Madura subdialek Sumenep (MS) dan Madura subdialek Kangean (MK). Berdasarkan hasil penghitungan berdasarkan kaedah leksikostatistik, Puspa Ruriana telah menemukan dua dapatan, iaitu (i) membuat kesimpulan asas bahawa dalam keempat-empat dialek Jawa yang dibandingkan, JO merupakan kelompok

bahasa yang tersendiri dan (ii) perbandingan kelompok bahasa Jawa dengan Madura mendapati bahawa bahasa tersebut berada dalam kelompok rumpun. Analisis terhadap variasi fonem pula mendapati bahawa berlakunya korespondensi bunyi (kesepadanan bunyi) dalam aspek vokal dan konsonan dalam kelompok bahasa yang dikaji, iaitu (i)  $i \cong \epsilon$ , (ii)  $a \cong \text{ə}$ , (iii)  $w \cong b$ , (iv)  $w \cong b^h$ , (v)  $b \cong b^h$ , (vi)  $u \cong \text{ɔ}$ , (vii)  $m \cong g^h$  dan (viii)  $l \cong b$ .

Seterusnya, kajian lepas yang mengaplikasikan kaedah leksikostatistik dan glotokronologi dapat diperhatikan melalui kajian oleh Rohani Mohd Yusof (2016) dalam buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang bertajuk “Bahasa Melayu Urak Lawoi’ Pulau Adang, Thailand”. Kajian tersebut dilaksanakan untuk membuat perbandingan terhadap 100 kosa kata bahasa Melayu Urak Lawoi’ (BMUL) dengan bahasa Melayu dan menghuraikan sistem fonologi, morfologi dan sintaksis. Dapatan kajian leksikostatistik telah membuktikan bahawa BMUL merupakan variasi atau dialek dalam bahasa Melayu dengan peratusan perkataan berkognat sebanyak 88.04%. Dalam aspek glotokronologi pula, lama waktu pisah antara BMUL dengan bahasa Melayu ialah 400 tahun dan hal ini menyokong bahawa bahasa yang dituturkan oleh masyarakat Urak Lawoi’ ialah dialek yang tersendiri dan wajar disebut sebagai dialek Melayu Urak Lawoi’. Berdasarkan dapatan dalam aspek fonologi, BMUL memperlihatkan persamaan yang banyak dengan dialek Melayu yang lain, iaitu memiliki 8 fonem vokal dan 19 fonem konsonan. Menerusi dapatan aspek morfologi pula, BMUL mempunyai dua proses morfologi, iaitu proses pengimbuhan (imbuhan awalan dan imbuhan nasalisasi) dan penggandaan (penggandaan penuh dan penggandaan suku kata). Bagi aspek sintaksis pula, didapati

bahawa ayat dalam BMUL terbahagi kepada ayat selapis dan ayat kompleks yang ditunjangi golongan frasa seperti frasa nama, frasa kerja dan frasa adverba.

Berdasarkan kajian-kajian leksikostatistik yang dibincangkan, dibuktikan bahawa kajian perbandingan bahasa yang menggunakan kaedah leksikostatistik dan glotokronologi adalah giat dijalankan terhadap bahasa-bahasa rumpun Austronesia. Daripada kenam-enam kajian tersebut, kajian oleh Rohani Mohd Yusof (2016) yang membandingkan BMUL dengan bahasa Melayu merupakan kajian yang dianggap lengkap kerana telah membuat kajian dalam aspek leksikostatistik, glotokronologi, fonologi, morfologi dan sintaksis. Berdasarkan kajian tersebut, didapati bahawa penggunaan kaedah leksikostatistik dan glotokronologi menjadi tunjang untuk mempermudah kajian Rohani Mohd Yusof bagi membandingkan sistem struktur dalam bahasa Melayu, iaitu sistem fonologi, morfologi dan sintaksis. Oleh itu, penelitian terhadap DMS dan DMM akan mengadaptasi gerak kerja Rohani Mohd Yusof dalam kajian beliau (2016) bagi menentukan tingkat kerabat dan selanjutnya, menghuraikan sistem fonologi bagi kedua-dua dialek yang dikaji.

## **2.5 Kesimpulan**

Kesimpulannya, bab yang kedua telah membincangkan beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan kajian. Perbincangan tersebut menyentuh tentang kajian-kajian lepas yang telah dibahagikan kepada empat subbahagian, iaitu kajian lepas berkaitan (i) DMS, (ii) DMM (Natuna), (iii) Teori Struktural dan (iv) Leksikostatistik (Glotokronologi). Bagi setiap subbahagian, sebanyak empat kajian lepas yang dipilih bagi membincangkan kaedah, teknik, objektif dan cara-cara penganalisan data yang

digunakan dalam kajian-kajian tersebut. Perbincangan tersebut berperanan bagi memberikan buah fikiran dan panduan bagi melaksanakan kajian terhadap DMS dan DMM. Oleh itu, dalam bab yang selanjutnya dibincangkan mengenai metodologi yang digunakan bagi menjayakan kajian.

Universiti Malaya

## **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

### **3.0 Pengenalan**

Bab yang ketiga membincangkan beberapa aspek berkaitan reka bentuk yang mendasari kajian, kaedah-kaedah yang diterapkan untuk memperoleh dan menganalisis data, bahan-bahan yang digunakan ketika kajian dan menghuraikan mengenai kerangka teoretis. Perbincangan tersebut adalah seperti yang berikut:

### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini dilaksanakan menerusi reka bentuk kajian kualitatif. William M. Trochim (2006) menyatakan bahawa kajian kualitatif merupakan kajian yang berkaitan dengan persoalan dan pernyataan dan tidak berbentuk hipotesis. Hal ini disebabkan oleh kajian bersifat hipotesis kebanyakannya bersifat kuantitatif. Justeru, kajian kualitatif bersifat anjal kerana tiada penetapan khusus terhadap kaedah sesuatu kajian dijalankan. Kajian yang berteraskan kualitatif kebiasaannya menggunakan beberapa persoalan bagi menjayakan kajian seperti “bagaimana”, “apa” dan “mengapa”.

Berdasarkan pandangan Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2016, p. 483) terdapat lapan konsep asas dalam penyelidikan kualitatif, iaitu (i) mentafsir dan memberi makna terhadap data yang dikumpulkan daripada pelbagai sumber, (ii) memahami isu dan fenomena, (iii) mentakrifkan sesuatu situasi, peristiwa dan kejadian yang berlaku di sekeliling penyelidik, (iv) merupakan kisah-kisah harian, (v) mengutamakan proses penyelidikan berbanding dapatan kajian, (vi) bagi tujuan

praktikal sahaja, (vii) mengkaji hubungan sosial sesama manusia dan (viii) dapat membuat penyelidikan terhadap teori asas.

Menurut John W. Creswell (2009), reka bentuk kualitatif digunakan bagi memahami fenomena atau konsep yang diakibatkan oleh sedikit kajian yang berkaitan dengannya telah dilakukan. Oleh itu, penelitian terhadap DMS dan DMM adalah sesuai dan bertepatan dengan reka bentuk kajian, iaitu membuat perbandingan dialek antara dua negara menggunakan kaedah leksikostatistik dan penganalisan data adalah berdasarkan Teori Struktural. Hal ini demikian kerana melalui reka bentuk kajian ini, tingkat kekerabatan dan variasi fonem bagi kedua-dua dialek yang dikaji akan lebih difahami dengan lebih jelas.

## **3.2 Kaedah Kajian**

Bagi memperoleh dan menganalisis data, kajian ini menggunakan tiga kaedah utama, iaitu kaedah lapangan hulu, kaedah analisis dan kaedah leksikostatistik. Perincian bagi setiap kaedah adalah seperti yang dinyatakan berikut.

### **3.2.1 Kaedah Lapangan Hulu**

Kaedah lapangan terdiri daripada dua jenis, iaitu (i) kaedah hulu dan (ii) kaedah hiliran (Asmah Haji Omar, 2008, p. 2). Penelitian terhadap DMS dan DMM mengaplikasikan kaedah lapangan hulu, iaitu kaedah memperoleh data dari kawasan-kawasan kampung dan pedalaman. Tumpuan penyelidikan lapangan hulu adalah untuk mengkaji dialek dan penutur yang belum pernah atau kurang mendapat perhatian daripada pengkaji-pengkaji bahasa

(Asmah Haji Omar, 2008: p. 6). Melalui kaedah lapangan huluhan juga, pendokumentasian terhadap DMS dan DMM dalam aspek fonologi dapat dijalankan. Oleh hal yang demikian, bagi menjayakan kaedah lapangan huluhan, beberapa teknik diaplikasikan untuk memperoleh data, iaitu temu bual dan rakaman.

#### 3.2.1.1 Teknik Temu Bual

Seramai 20 orang pemaklum ditemu bual bagi mendapatkan data. Jadi, setiap dialek Melayu yang dikaji mempunyai 10 orang pemaklum. Pemilihan pemaklum adalah berdasarkan kriteria yang dikemukakan oleh J.K. Chambers dan Peter Trudgill (2004), iaitu pemaklum mestilah mematuhi empat kriteria utama NORM; (i) *non-mobile* (penduduk tetap dan tidak berpindah-randah), (ii) *older* (tua atau berusia), (iii) *rural* (luar bandar) dan (iv) *men* (lelaki).

Kajian ini akan menerapkan semua kriteria NORM. Walau bagaimanapun, pemilihan pemaklum berdasarkan ciri keempat, iaitu lelaki tidak diambil kira dan dipertimbangkan semula. Hal ini kerana menurut pendapat James T. Collins (1983), pemaklum perempuan (yang berusia) memperlihatkan bentuk pertuturan yang tidak mudah menerima perubahan (konservatif). Hal ini turut disokong oleh Ajid Che Kob (1985) dan Rufus S. Hendon (1966, pp. 14-15) yang menyatakan bahawa wanita Melayu kebiasaannya mengekalkan ciri-ciri asli ketika bertutur. Oleh itu, bagi proses pemerolehan data kajian, pemilihan pemaklum tidak hanya menjurus kepada lelaki sahaja, namun turut melibatkan pemaklum wanita.

Pemaklum-pemaklum bagi DMS merupakan penduduk asal yang tidak pernah berpindah-randah dari kawasan kajian. Pemaklum-pemaklum tersebut merupakan penduduk Kampung Tabuan Melayu, Kuching yang menggunakan dialek Melayu Kuching (Sarawak) dalam pertuturan seharian dan telah lama menetap di kampung tersebut. Pemaklum-pemaklum bagi DMM pula terdiri daripada nelayan, pekerja kebersihan, petani, pedagang, suri rumah dan bekerja sendiri yang menetap di daerah Suak Midai, Pulau Midai semenjak kecil. Pemaklum-pemaklum tersebut merupakan penutur asli DMM. Bagi memastikan kesahan setiap data dialek, semua data dikumpulkan lalu dibandingkan satu per satu bagi mengenal pasti sama ada data tersebut tepat mahupun sebaliknya. Tambahan pula, bagi tujuan kelancaran sepanjang temu bual, penemu bual telah memanfaatkan senarai perkataan, iaitu Senarai Kata Swadesh yang mengandungi 230 perkataan. Senarai Kata Swadesh tersebut diperoleh daripada James T. Collins dalam kajiannya tentang DMS. Huraian mengenai senarai kata tersebut dijelaskan dalam Bab 3 menerusi subbahagian *3.4 Bahan Kajian*.

Di samping itu, perbualan harian pemaklum dan masyarakat kampung menggunakan dialek Melayu masing-masing turut dirakam dan dicatat. Hal ini bertujuan untuk memperoleh seberapa banyak yang mungkin perkataan, ayat dan pertuturan dalam bentuk yang asli. Kisah-kisah rakyat dan perbualan harian tersebut ditranskripsi dengan menulis semua dialog perbualan.



### 3.2.1.2 Teknik Rakaman

Temu bual bersama-sama pemaklum dijalankan di kediaman masing-masing dengan bantuan alat perakam suara telefon pintar. Selain itu, sesi temu bual tersebut turut dirakam dalam bentuk video bagi tujuan memudahkan penemu bual merujuk semula data yang dikongsikan. Bagi memastikan tiada gangguan bunyi lain ketika temu bual, penemu bual akan melaksanakan temu bual di kawasan rumah yang kurang gangguan bunyi dan menggunakan mikrofon klip yang boleh disemat di baju pemaklum supaya lontaran suara pemaklum akan lebih jelas. Hal ini adalah penting bagi memastikan bunyi yang dikeluarkan oleh pemaklum jelas dan dapat ditranskripsi dengan tepat.

## 3.2.2 Kaedah Analisis

Kaedah analisis menghuraikan data yang diperoleh menerusi kaedah lapangan hulu. Kaedah analisis dijalankan menggunakan prosedur transkripsi fonemik dan seterusnya analisis variasi fonem.

### 3.2.2.1 Transkripsi Fonemik

Transkripsi fonemik dilaksanakan setelah rakaman suara dan video pemaklum telah diperoleh. Transkripsi fonemik merupakan teknik yang hanya memberi tumpuan terhadap fungsi dan ciri-ciri umum bunyi (Asmah Haji Omar, 2008, p. 100). Hal ini bermakna, transkripsi fonemik dilaksanakan untuk mengenal pasti fonem yang wujud dalam DMS dan DMM. Transkripsi secara fonemik dijalankan dengan mendengar semula rakaman temu bual dan menggunakan

Abjad Fonetik Antarabangsa (*International Phonetic Alphabet*) untuk memberikan lambang terhadap fonem.

#### 3.2.2.2 Analisis Variasi Fonem

Analisis variasi fonem dilaksanakan secara deskriptif, iaitu meneliti unsur-unsur dalam dialek yang dikaji. Unsur yang dimaksudkan ialah unsur fonem. Setiap perkataan dalam DMS dan DMM dibandingkan dengan mengklasifikasi variasi fonem seperti bunyi vokal, konsonan dan diftong. Oleh itu, perbandingan dan analisis variasi fonem adalah berdasarkan Teori Struktural yang memfokuskan kepada aspek fonologi. Perbandingan tersebut adalah penting sebagai usaha awal bagi memperlihatkan ciri dan variasi fonem dalam kedua-dua dialek yang dikaji.

#### 3.2.3 Kaedah Leksikostatistik

Kajian ini mengaplikasikan kaedah leksikostatistik sebagai tunjang utama kajian. Menurut Dell Hymes (1960), teori ini telah dikemukakan oleh Morris Swadesh pada tahun 1950. Ketika awal kemunculannya, ramai pengkaji tertarik untuk melaksanakan kajian yang berteraskan penggunaan kaedah leksikostatistik dan seorang daripada pengkaji tersebut ialah Isidore Dyen. Beliau telah mengembangkan teori yang dikemukakan Morris Swadesh menerusi syarahannya di University of Leyden pada 5 November 1964. Isi kandungan syarahan beliau telah diterbitkan dalam Jurnal *Lingua* Jilid 13 pada tahun 1965.

Isidore Dyen (1965, p. 230) menyatakan bahawa leksikostatistik merujuk kepada penyelidikan statistikal yang mengkaji hubungan antara bahasa menggunakan senarai kosa kata umum. Menurut beliau, penggunaan senarai kosa kata tersebut berpaksikan kepada senarai yang telah dicipta oleh Morris Swadesh (1950). Tujuan utama kajian yang mengaplikasikan leksikostatistik diadakan adalah untuk menjawab persoalan perbandingan antara bahasa yang dikaji, iaitu (i) hubungan antara bahasa dan (ii) subhubungan antara bahasa. Kajian yang mengaplikasikan kaedah leksikostatistik tidak dapat dipisahkan daripada kaedah glotokronologi. Hal ini kerana glotokronologi merupakan kaedah utama dalam leksikostatistik (Dell Hymes, 1960, p. 3).


Menurut Noriah Mohamed (2001, p. 383), kaedah leksikostatistik dan glotokronologi dapat dibezakan melalui kaedah pelaksanaannya. Kaedah leksikostatistik dilaksanakan dengan menentukan peratus kata sekerabat antara bahasa melalui pengiraan jumlah perkataan yang berkognat atau sama. Bagi kaedah glotokronologi pula menggunakan rumus tertentu untuk mengira usia bahasa sekerabat (berdasarkan ribuan tahun) dan menentukan waktu pisah bahasa-bahasa sekerabat tersebut daripada bahasa induknya. Tambahan pula, meskipun berbeza, namun kedua-duanya tetap mempunyai persamaan, iaitu menggunakan kosa kata dasar sebagai asas pengiraan (Noriah Mohamed, 2001, p. 383).

Sarah C. Gudschinsky (1956, p. 175) menyatakan bahawa kaedah leksikostatistik dan glotokronologi dapat dilaksanakan melalui kaedah perbandingan linguistik. Kaedah tersebut membolehkan seseorang penyelidik

untuk menggambarkan perubahan fonemik yang berlaku terhadap bahasa terkini (kontemporari) yang berkembang daripada bahasa induk (bahasa lama). Perbandingan tersebut dapat dilaksanakan dengan meneliti senarai perkataan yang memuatkan kedua-dua bahasa yang dikaji. Hasil daripada perbandingan tersebut, maklumat tentang kekerabatan bahasa akan dapat ditemui. Justeru, Sarah C. Gudschinsky (1956, p. 178) telah memberikan panduan bagi langkah-langkah atau teknik mengendalikan kajian leksikostatistik dan glotokronologi, iaitu seperti yang berikut:

*“In applying the lexicostatistical techniques developed from the basic assumptions, the steps are: collecting of comparable word lists from the relatively stable core vocabulary; determining the probable cognates and; computing the time depth; computing the range of error; and, optionally, computing the dips.”*

Berpandukan kenyataan Sarah C. Gudschinsky (1956) tersebut, maka kajian leksikostatistik dan glotokronologi melibatkan lima langkah, iaitu (i) mengumpul senarai kata yang boleh dibandingkan, (ii) menentukan nilai kognat (kata sekerabat), (iii) mengira waktu pisah, (iv) mengira jangka kesalahan (ralat) dan (v) mengira darjah hubungan kata. Oleh itu, sebuah rajah telah dirangka dengan penyesuaian daripada pendapat Sarah C. Gudschinsky (1956, p. 178) bagi memudahkan pemahaman terhadap langkah-langkah dalam kajian leksikostatistik dan glotokronologi. Rajah mengenai langkah-langkah tersebut dapat digambarkan melalui rajah yang berikut.



Disesuaikan daripada Sarah C. Gudschinsky (1956, p. 178)

Rajah 3.1: Langkah-langkah dalam Kajian Leksikostatistik dan Glotokronologi

Rajah 3.1 tersebut memaparkan langkah-langkah dalam kajian leksikostatistik dan glotokronologi. Kaedah leksikostatistik diwakili oleh langkah yang pertama dan kedua, manakala kaedah glotokronologi dilaksanakan dengan melalui langkah ketiga, keempat dan kelima. Walau bagaimanapun, kajian terhadap DMS dan DMM mengaplikasikan kaedah leksikostatistik sahaja. Hal ini kerana tujuan utama kajian dilaksanakan adalah untuk mengira peratus kata sekerabat (berkognat), menentukan tahap kekerabatan, membuat perbandingan kata dan sistem bunyi dalam kedua-dua dialek tersebut bagi memperlihatkan variasi fonem yang wujud.

Oleh hal yang demikian, langkah pertama yang perlu dilaksanakan dalam kaedah leksikostatistik ialah menentukan kata berkognat. Kata kognat atau sekerabat merujuk kepada perkataan yang memiliki persamaan dari segi

bentuk dan bunyi (Gorys Keraf, 1984: p. 36). Kata yang berkognat mempunyai kesepadanan erti dan bunyi dan diturunkan daripada satu induk bahasa kepada satu atau lebih bahasa serta tidak mempunyai peminjaman perkataan daripada bahasa selain bahasa induk tersebut.

Tujuan utama kaedah leksikostatistik diterapkan adalah untuk menentukan tingkat kekerabatan bahasa yang dikaji melalui pengiraan kata-kata yang berkognat atau berkerabat. Panduan bagi penentuan kata-kata yang berkognat menggunakan pendapat yang telah dicadangkan oleh Noriah Mohamed (2001, p. 384), iaitu:

1. Hanya pasangan kata yang seiras atau sama seratus peratus sahaja yang dikira.
2. Pasangan kata yang memiliki bentuk dan makna yang sepadan, iaitu memiliki fonem yang sama, pada posisi yang sama atau memiliki fonem yang mirip tetapi dapat diterangkan bahawa kemiripan itu akibat pengaruh lingkungan atau berlaku secara konsisten sahaja yang boleh dikira.
3. Perbandingan mestilah melibatkan kata dasar sahaja (kata terbitan atau imbuhan tidak dikira dan disingkirkan).
4. Kosa kata yang ditolak atau tidak dikira ialah kata pinjaman, kata ganda, kata majmuk dan kata kosong (kata yang wujud dalam satu bahasa tetapi tidak wujud dalam bahasa yang dibandingkan).

Berikut merupakan rumus yang digunakan untuk menentukan tingkat kekerabatan bahasa dan Jadual 3.11 memaparkan klasifikasi penentuan tingkat kekerabatan berdasarkan Sarah C. Gudschinsky (1956):

$$\frac{\text{Jumlah kata berkognat}}{\text{Jumlah kata dibandingkan}} \times 100\%$$

Jadual 3.1: Klasifikasi Penentuan Tingkat Kekerbatan


<b>Tingkat Kekerbatan</b>	<b>Abad Pisah</b>	<b>Peratus Kata Kognat</b>
Makrofilum	100 abad ke atas	1
Mesofilum	75 – 100 abad	1 - 4
Mikrofilum	50 – 75 abad	4 – 12
Rumpun	25 – 50 abad	12 – 36
Keluarga	5 – 25 abad	36 – 81
Bahasa	0 – 5 abad	81 - 1000

Disesuaikan daripada Sarah C. Gudschinsky (1956)

Jadual tersebut memaparkan klasifikasi penentuan tingkat kekerabatan bagi enam kategori, iaitu (i) makrofilum, (ii) mesofilum, (iii) mikrofilum, (iv) rumpun, (v) keluarga dan (vi) bahasa. Tingkat kekerabatan bahasa makrofilum digambarkan melalui 1 peratus kata yang berkognat. Bagi peratus kata berkognat antara dan 1 hingga 4 dan 4 hingga 12 pula, masing-masingnya menggambarkan tingkat kekerabatan kategori mesofilum dan mikrofilum. Selanjutnya, peratus kata kognat 12 – 36 menunjukkan bahasa tersebut ialah serumpun. Bagi 36 – 81 peratus pula menggambarkan hubungan

keluarga. Akhir sekali, peratus kata yang berkognat berjumlah 81 – 100 memperlihatkan tingkat kekerabatan dalam kategori bahasa.

Oleh itu, berdasarkan data yang diperoleh, DMS dan BMS secara jelas telah menunjukkan bahawa kedua-duanya merupakan bahasa yang berada dalam kelompok Austronesia kerana merupakan pecahan daripada bahasa Melayu (Nik Safiah Karim et al., 2011, p. 4). Bahasa Austronesia merupakan satu daripada tiga rumpun bahasa yang berada dalam satu keluarga bahasa yang besar, iaitu Austris. Dalam rumpun Austris terkandung tiga rumpun bahasa yang terdiri daripada (i) rumpun bahasa Austroasia, (ii) rumpun bahasa Tibet-China dan (iii) rumpun bahasa Austronesia. Berikut merupakan rajah salasilah bahasa keluarga Austris.



Rajah 3.2: Salasilah Bahasa Keluarga Austris

Sumber: Tatabahasa Dewan (2011, p.4)

Berdasarkan rajah, rumpun bahasa Austronesia mengandungi empat cabang, iaitu (i) kumpulan Nusantara, (ii) Mikronesia, (iii) Melanesia dan (iv)



Polinesia. Di bawah kumpulan Nusantara pula terdapat bahasa yang banyak, iaitu kira-kira 200-300 bahasa (Nik Safiah Karim et al., 2011, p. 4). Oleh hal yang demikian, bahasa Melayu berada dalam golongan Sumatera. Oleh yang demikian, bagi menganalisis tingkat kekerabatan antara DMS dengan DMM, kaedah oleh Sarah Gudschinsky (1956) mengenai analisis leksikostatistik akan digunakan. Hal ini kerana tingkat kekerabatan antara kedua-dua bahasa tersebut belum dapat dikenal pasti. Oleh itu, pengenalpastian terhadap tingkat kekerabatan sememangnya akan memudahkan pengelompokan kedua-dua dialek yang dikaji.

### **3.3 Kerangka Teoretis**

Ferdinand de Saussure merupakan ahli bahasa berketurunan Swiss yang dianggap sebagai pelopor kepada aliran linguistik struktural di Eropah. Huraian mengenai pendekatan struktural telah dijelaskan oleh Saussure sendiri dalam buku beliau, iaitu *Cours de Linguistique Generale* atau lebih dikenali sebagai *Course in Modern Linguistics* (1960). Perkara utama yang dibincangkan oleh Saussure (1960, p. 8) ialah *speech* (percakapan) merupakan objek asas dalam kajian fonologi. Oleh itu, beliau telah mengemukakan empat faktor percakapan seperti yang berikut:

1. Suku kata yang dituturkan memberi kesan kepada telinga atau lebih dikenali sebagai akustik dan bunyi tidak akan wujud tanpa alat-alat artikulasi. Oleh itu, huraian terhadap pergerakan dalam rongga-rongga artikulasi tidak akan dapat dijalankan tanpa perhatian terhadap kesan akustik.

2. Unsur bunyi bukanlah percakapan dan tidak wujud sebagai bahasa. Oleh itu, kaitan antara bunyi dengan unit gabungan akustik-artikulasi adalah diperlukan bagi membentuk unit fisiologi-psikologi yang kompleks.
3. Percakapan terbentuk melalui dua aspek, iaitu individu dan sosial. Oleh itu, percakapan tidak akan wujud tanpa kehadiran satu daripada aspek-aspek tersebut.
4. Percakapan memperlihatkan kewujudan sistem sedia ada dan perkembangannya. Oleh itu, percakapan merupakan sesuatu yang hidup dan berkembang dari masa lalu.

Dalam karyanya juga, Saussure (1960) telah memperkenalkan empat konsep asas, iaitu (i) teori lambang, (ii) *langue* dan *parole*, (iii) sintagmatik dan paradigmatic dan (iv) kajian bahasa sinkronik dan diakronik. Saussure telah menentukan asas bagi teori lambang atau *theory of sign* dengan menyatakan bahawa lambang bahasa merupakan gabungan antara *concept* (konsep) dengan *sound-image* (imej bunyi). Konsep merujuk kepada gambaran abstrak yang terdapat dalam fikiran manakala bentuk bagi gambaran tersebut dikenali sebagai imej bunyi. Imej bunyi pula dikaitkan dengan bunyi-bunyi bahasa yang dihasilkan bagi membentuk kata, frasa, klausa dan ayat. (Saussure, 1960: p. 15). Saussure kemudian menggunakan istilah yang tepat bagi menggantikan istilah konsep dan imej bunyi, iaitu konsep digantikan dengan *signified* (tanda), manakala imej bunyi pula ialah *signifier* (penanda). Berdasarkan teori lambang dapatlah dinyatakan bahawa perkara yang dapat ditumpukan sebagai objek kajian ialah bidang fonologi dan tatabahasa. Hal ini telah disokong oleh Asmah Haji Omar (2011, p. 47), iaitu “apabila kita bercakap tentang teori lambang, maka aspek yang dikaji termasuk dalam dua kategori utama, iaitu fonologi dan nahu.”

Bagi *langue* (bahasa) dan *parole* (pertuturan) pula, Saussure (1960: p. 18-19) mengaitkannya dengan *linguistics of language* (linguistik bahasa) dan *linguistics of speaking* (linguistik pertuturan). Menurut Saussure, bahasa dapat dikaitkan dengan dua dimensi, iaitu (i) *individual act* dan (ii) *collective*. *Individual act* merujuk kepada tindakan seseorang orang bertutur (*parole*), manakala dimensi *collective* pula berkaitan *langue* (bahasa) yang dilihat secara kolektif (keseluruhan), iaitu dimiliki oleh masyarakat. Oleh itu, setiap penutur dalam sesuatu bahasa menghasilkan *parole* bagi menjamin kelangsungan hayat bahasa masyarakat berkenaan. Tambahan pula, individu-individu tersebut menghasilkan *parole* berpandukan peraturan yang terdapat dalam *langue* (Asmah Haji Omar, 2011: p. 48). Secara keseluruhannya, *langue* dan *parole* saling memerlukan. Hal ini kerana *langue* memerlukan *parole* untuk mewujudkannya, manakala *parole* memerlukan *langue* sebagai rujukan peraturan bahasa.

Selanjutnya, Saussure juga telah memperkenalkan konsep sintagmatik dan paradigmatic dalam “*Course in General Linguistics*“ (1960). Saussure telah menghuraikan dengan jelas berkenaan struktur bahasa dan konsep perkaitan sintagmatik antara unsur-unsur bahasa. Menurut Saussure, 1960: p. 123), semua sistem bahasa boleh dikelompokkan dalam hubungan sintagmatik dan paradigmatic. Perkaitan antara sintagmatik dan paradigmatic terdapat dalam semua peringkat bahasa seperti fonologi, morfologi dan sintaksis. Huraian mengenai konsep sintagmatik dan paradigmatic oleh Saussure telah dijelaskan secara terperinci oleh Asmah Haji Omar (2011: p. 55). Beliau telah menyatakan bahawa perkaitan sintagmatik memperlihatkan gabungan antara unsur secara mendatar. Sebagai contohnya, dalam peringkat fonologi, perkataan “pin” mengandungi tiga fonem, iaitu

/p/, /i/ dan /n/. Namun, jika ejaan diterbalikkan, akan mewujudkan sebuah perkataan yang lain, iaitu “nip”. Oleh hal yang demikian, “pin” dan “nip” mewakili satu struktur fonologi namun berbeza pengertian kerana gabungan unsur yang berbeza.

Bagi paradigmatis pula, memperlihatkan perkaitan asosiatif sesuatu unit dalam urutan sintagmatik diganti dengan unit yang lain. Sebagai contoh, jika bunyi /p/ dalam perkataan “pin” digantikan dengan /b/, maka akan menghasilkan perkataan “bin”. Secara tidak langsung, bunyi /p/ dan /b/ mempunyai hubungan asosiatif dan terdapat dalam paradigma yang sama. Kesimpulannya, sintagmatik melihat perkaitan dalam sesuatu struktur, manakala paradigmatis pula melibatkan perkaitan antara unit.

Berikutnya, Saussure juga telah menghuraikan tentang linguistik sinkronik dan diakronik. Menurut Saussure (1960: p. 80), linguistik sinkronik ialah linguistik semasa yang turut dikenali sebagai *static linguistics*, manakala linguistik sinkronik pula ialah linguistik evolusi atau turut disebut sebagai *evolutionary linguistics*. Menurut Saussure, pengkaji bahasa harus mahir mengenal pasti nilai kajian bahasa yang hendak dilaksanakan sama ada kajian secara sinkronik atau diakronik. Hal ini demikian kerana dapat membantu pengkaji untuk menganalisis bahasa dengan lebih baik. Secara umumnya, linguistik sinkronik mengkaji bahasa dalam aspek dalaman bahasa manakala diakronik pula mengkaji bahasa dalam aspek perubahan seperti sejarah dan perkembangan bahasa dari zaman dahulu sehingga kini. Oleh hal yang demikian, kajian terhadap DMS dan DMM akan tertumpu kepada kajian secara sinkronik kerana menghuraikan aspek fonologi dalam dialek tersebut.

Keempat-empat konsep asas yang telah dihuraikan oleh Saussure (1960) sememangnya telah membuktikan bahawa kajian bahasa secara struktural tidak dapat dilaksanakan tanpa keterkaitan konsep-konsep tersebut. Pendedahan mengenai kajian

bahasa secara struktural oleh Saussure sememangnya telah mendapat perhatian ramai pengkaji bagi meneliti struktur yang wujud dalam sesuatu bahasa. Antara tokoh yang terkemuka dan giat menjalankan kajian terhadap struktur bahasa ialah Kenneth L. Pike, iaitu seorang profesor linguistik yang masyhur dengan Teori Tagmemik. Pada awalnya, teori tersebut telah diperkenalkan oleh Pike hasil daripada penelitiannya terhadap linguistik struktural yang memfokuskan sistem fonologi. Namun, setelah lama melaksanakan kajian fonologi, minat Pike telah cenderung ke arah nahu (Kenneth L. Pike, 1966, p. 5).

Walau bagaimanapun, bagi menghuraikan teori secara terperinci, Pike menyatakan bahawa bahasa merupakan sistem yang mempunyai tiga peringkat dan dalam satu tatatingkat terdiri daripada peringkat fonologi, leksikon dan nahu (1967, p. 9). Justeru, ketiga-tiga peringkat tersebut tidak dapat dipisahkan kerana saling berkaitan. Oleh hal yang demikian, bagi menganalisis data kajian, maka peringkat fonologi akan diberikan tumpuan dalam makalah ini. Menurut Pike (1966: p. 5-7) dalam bukunya "*Phonemic: A Technique for Reducing Languages to Writing*", beliau telah menyatakan bahawa sistem fonetik terdiri daripada dua bunyi, iaitu *vocoids* (vokal) dan *non-vocoids* (konsonan). Pike (1966: p. 5) telah mengkategorikan bunyi vokal dengan empat kelompok, iaitu vokal depan, tengah dan rendah dan bunyi *vocoid glides* (geluncuran vokal – diftong). Bunyi konsonan (Pike, 1966: p. 7) pula terdiri daripada enam bunyi, iaitu (i) *stops* (plosif), (ii) afrikat, (iii) frikatif, (iv) nasal, (v) likuida (lateral dan tril), dan (vi) separuh vokal.

Pengelompokan fonem juga tidak hanya dilaksanakan Pike, malah Paitoon M. Chaiyanara (2006) telah memudahkan pengelompokan fonem-fonem tersebut berdasarkan Saussure (1960) dan secara tidak langsung menyokong pengelompokan

fonem oleh Pike (1947). Namun, usaha pengelompokan fonem oleh Paitoon berdasarkan Saussure (1960) lebih menjurus kepada sistem fonologi dalam bahasa Melayu dan sesuai dengan DMS dan DMM kerana merupakan sebuah dialek dalam cabang Melayu. Tambahan pula, Paitoon (2006, p. 8) menyatakan bahawa Saussure menganggap bahasa sebagai sebuah sistem yang merangkumi hubungan secara bersistem antara unsur-unsur bahasa. Hubungan tersebut dikategorikan kepada dua, iaitu (i) hubungan antara unsur dalam satu sistem yang sama dan (ii) hubungan antara sesuatu unsur dengan sistem struktur besar.

Bahasa Melayu terdiri daripada tiga sistem struktur yang besar, iaitu (i) sistem fonologi, (ii) sistem morfologi dan (iii) sistem ayat. Pike (1967: p. 9) juga turut mengelompokkan sistem bahasa kepada tiga peringkat yang sama namun menggunakan istilah yang berbeza, iaitu peringkat (i) fonologi, (ii) leksikon dan (iii) nahu. Setiap sistem struktur yang besar tersebut mempunyai pecahan yang membentuk hubungan dalam sesuatu sistem. Dalam sistem fonologi, terdapat dua unsur yang saling berhubung bagi membentuk sistemnya, iaitu (i) sistem konsonan dan (ii) sistem vokal. Dalam sistem konsonan mengandungi enam unsur struktur, iaitu (i) plosif (letupan), (ii) afrikat (letusan), (iii) nasal (sengauan), (iv) likuida (lateral dan tril), (v) frikatif (geseran) dan (vi) separuh vokal. Dalam sistem vokal pula terdiri daripada (i) monoftong dan (ii) diftong.

Oleh itu, bagi menghuraikan inventori fonem dalam DMS dan DMM, pendekatan struktural berdasarkan Pike (1967) akan diguna pakai dan struktur fonologi ditekuni dengan melaksanakan pengelasan terhadap bunyi dan fonem. Sehubungan dengan itu, kaedah deskriptif digunakan untuk memerihalkan unsur bunyi-bunyi bahasa seperti sistem fonem dalam DMS dan DMM. Hal ini selari

dengan pendapat Abdullah Hassan (1980, p. 66) yang menyatakan bahawa analisis deskriptif melibatkan kaedah tradisi yang menjelaskan struktur bahasa yang merangkumi bunyi. Bunyi-bunyi yang didengar akan dipenggal dan diberikan lambang yang sesuai. Setelah itu, bunyi-bunyi tersebut dikelompokkan kepada sesuatu jenis atas dasar persamaan ciri fonetik.

### **3.4 Kesimpulan**

Kesimpulannya, bab yang ketiga telah menjelaskan reka bentuk kajian yang melatari kajian, iaitu kajian kualitatif. Perbincangan mengenai tiga kaedah kajian utama, iaitu (i) kaedah lapangan hulan, (ii) kaedah analisis dan (iii) kaedah leksikostatistik telah dihuraikan dengan terperinci. Akhir sekali, huraian mengenai kerangka teoretis, iaitu Teori Struktural juga dibincangkan dengan tumpuan terhadap sejarah dan pecahan-pecahan dalam teori tersebut. Oleh itu, dalam bab yang selanjutnya akan membincangkan mengenai analisis kajian berdasarkan data yang telah diperoleh.

## **BAB 4: HUBUNGAN KEKERABATAN ANTARA DMS DENGAN DMM**

### **4.0 Pengenalan**

Bab ini membentangkan dapatan kajian berpandukan kaedah dan kerangka teoretis seperti yang telah dibincangkan dalam bab yang sebelumnya. Oleh itu, bab ini mengkhususkan pengenalanpastian terhadap tingkat kekerabatan antara DMS dengan DMM berdasarkan kaedah leksikostatistik.

### **4.1 Tingkat Kekerabatan DMS dan DMM**

Tingkat kekerabatan DMS dan DMM dikenal pasti melalui kaedah leksikostatistik. Sarah C. Gudschinsky (1956, p. 178) menyatakan bahawa kaedah leksikostatistik dilaksanakan dengan dua langkah utama, iaitu (i) mengumpul senarai kata yang boleh dibandingkan dan (ii) menentukan nilai kognat (kata sekerabat). Namun, dalam langkah yang kedua tersebut terkandung lima sublangkah yang perlu dilakukan bagi mengenal pasti tingkat kekerabatan, iaitu (i) mengumpul kosa kata DMS dan DMM, (ii) memilih kosa kata yang boleh dibandingkan, (iii) penentuan taraf kognat kosa kata DMS dan DMM, (iv) pengiraan peratus kekerabatan dan (v) penentuan tingkat kekerabatan. Oleh itu, dalam subbahagian yang berikut dijelaskan langkah-langkah yang dijalankan bagi mengenal pasti tingkat kekerabatan DMS dan DMM.

#### **4.1.1 Mengumpul Kosa Kata DMS dan DMM**

Sebanyak 230 kosa kata telah dikumpulkan sepanjang kajian berdasarkan senarai kata Swadesh. Kosa kata tersebut telah disertakan makna dalam



bahasa Melayu Standard (BMS). 230 kosa kata tersebut dipaparkan menerusi jadual berikut:

Jadual 4.1: Senarai Kosa Kata DMS dan DMM

<b>Bil.</b>	<b>DMM</b>	<b>DMS</b>	<b>BMS</b>
1	taŋan	taŋan	Tangan
2	kiyi?	keye?	Kiri
3	kanan	kanan	Kanan
4	kaki	kaki	Kaki
5	bəjalon	bəjalan	Berjalan
6	pəgi	pəgi	Pergi
7	datan	atan	Datang
8	puta	əmbeloq	Pusing
9	bəyənoŋ	bəyənan	Berenang
10	kuto	kamah	Kotor
11	dəbu	dəbu	Debu
12	kulit	kulit	Kulit
13	bəlakan	bəlakan	Belakang
14	pəyut	pəyut	Perut
15	tulan	tulan	Tulang
16	usus	tali pəyut	Usus
17	ati	ati	Hati
18	susu	susu	Susu
19	bahu	bahu	Bahu
20	tau	tau?	Tahu
21	pike	pike	Fikir
22	takut	takut	Takut
23	dayoh	dayah	Darah
24	kəpalə	pala?	Kepala
25	lihe	gəyu?	Leher
26	ambut	yambut	Rambut
27	idoŋ	idoŋ	Hidung
28	napas	napas	Nafas
29	čium	ənčium	Cium
30	mulut	mulut	Mulut
31	gigi	gigi	Gigi
32	lidoh	lidah	Lidah
33	tawa?	təta?	Ketawa
34	naŋis	naŋis	Menangis
35	mutah	mutah	Muntah
36	ludoh	ludah	Ludah
37	makan	makan	Makan
38	kupah	gipa?	Kunyah

39	masaq	masaq	Masak
40	minum	minum	Minum
41	gigit	gigit	Gigit
42	isap	isap	Hisap
43	təliŋə	təliŋa	Telinga
44	dəŋə	dəŋa	Dengar
45	matə	mata	Mata
46	tiŋə?	taŋga	Lihat
47	ŋuap	ŋuap	Menguap
48	tido	tido	Tidur
49	bareŋ	guyin	Baring
50	mimpi	nimpi	Mimpi
51	dudo?	dudog	Duduk
52	bədiri	bediyi	Berdiri
53	uyaŋ	uyaŋ	Orang
54	laki	laki	Lelaki
55	puan	yəmpuan	Perempuan
56	anaq	anaq	Anak
57	bini	bini	Isteri
58	ade?	adi?	Adik
59	kaka?	kaka?	Kakak
60	əma?	əma?	Emak
61	apa?	bapa?	Bapa
62	umah	yumah	Rumah
63	buboŋ	padoŋ	Atap
64	namə	nama	Nama
65	katə	madah	Kata
66	tali	tali	Tali
67	ikat	ikat	ikat
68	jaŋit	jaŋit	Jahit
69	jaɣum	jaɣum	Jarum
70	buyu	əmbuyu	Memburu
71	timboq	tembaq	Tembak
72	tikam	čaçaq	Tikam
73	pukul	palu?	Pukul
74	čuɣi?	čuɣi	Curi
75	bunoh	bunoh	Bunuh
76	mati	mati	Mati
77	idup	idup	Hidup
78	gayu?	gayu?	Garu
79	kəɣat	kəɣat	Kerat
80	kaju	kaju	Kayu
81	bəloh	bəlah	Belah
82	taɣam	taɣam	Tajam
83	tumpul	tumpul	Tumpul
84	kəɣjə	kəɣja	Kerja

85	tanam	tanam	Tanam
86	pileh	pileh	Pilih
87	tumboh	tumboh	Tumbuh
88	buot	polah	Buat
89	gali?	gali?	Gali
90	bəli	bəli	Beli
91	buka?	buka?	Buka
92	tumbuq	tutoq	Tumbuk
93	limpa	tikam	Lempar
94	jatoh	gugo?	Jatuh
95	anjeŋ	asu?	Anjing
96	kučeŋ	pusa?	Kucing
97	buruŋ	buyoŋ	Burung
98	ajam	manoq	Ayam
99	təlo	təlo	Telur
100	bulu	bulu	Bulu
101	sajap	sajap	Sayap
102	tərəboŋ	təyəbaŋ	Terbang
103	tikus	tikus	Tikus
104	dageŋ	daŋin	Daging
105	ise?	isi?	Isi
106	ləmaq	ləmaq	Lemak
107	mipaq	mipaq	Minyak
108	iko?	iko	Ekor
109	ula	ula	Ular
110	kalau	mun	Kalau
111	čačeŋ	čač'in	Cacing
112	gutu	linsa?	Kutu
113	rəŋit	ŋamoq	Nyamuk
114	agas	yəŋit	Agas
115	lenčoŋ	əmpa?	Lelabah
116	ikan	ikan	Ikan
117	udoŋ	udaŋ	Udang
118	bataŋ	poko?	Pokok
119	dahan	dahan	Dahan
120	daun	daun	Daun
121	aka	aka	Akar
122	buŋə	buŋa	Bunga
123	buoh	buah	Buah
124	rumpuŋ	yumpuŋ	Rumput
125	tanah	tanah	Tanah
126	batu	batu	Batu
127	pase	pase	Pasir
128	ae?	ae?	Air
129	ŋalir	ŋale	Mengalir
130	laot	laut	Laut

131	gayom	gayam	Garam
132	danau	tase?	Tasik
133	utan	utan	Hutan
134	γəbo?	babas	Semak
135	laŋet	laŋit	Langit
136	bulan	bulan	Bulan
137	bintaŋ	bintaŋ	Bintang
138	pəŋayaq	awan	Awan
139	kabus	əmbun	Kabus
140	uŋan	uŋan	Hujan
141	guyuh	gunto	Guruh
142	kilat	ŋayu	Kilat
143	aŋen	aŋin	Angin
144	bətiup	bətiup	Bertiup
145	panas	panas	Panas
146	sejuq	sejoq	Sejuk
147	kəyeŋ	kəyin	Kering
148	basa?	basah	Basah
149	bərot	bəyat	Berat
150	api	api	Api
151	baka	tuno?	Bakar
152	asap	asap	Asap
153	abu	abu	Abu
154	itam	itam	Hitam
155	puteh	puteh	Putih
156	miyah	miyah	Merah
157	kuneŋ	kunin	Kuning
158	iŋo	iŋo	Hijau
159	kəçi?	kəçi?	Kecil
160	bəsə	bəsə	Besar
161	pandaq	pende?	Pendek
162	panjoŋ	panjaŋ	Panjang
163	nipis	alus	Nipis
164	təbol	təbal	Tebal
165	səmpit	səmpit	Sempit
166	libə	leba	Lebar
167	saket	sakit	Sakit
168	supan	supan	Malu
169	tuə	tua	Tua
170	mudə	muda?	Muda
171	baru	bayu	Baru
172	baiq	bait	Baik
173	ŋahot	ŋai?	Jahat
174	bətol	bətol	Benar
175	malam	malam	Malam
176	aŋi	aŋi	Hari

177	taun	taun	Tahun
178	bilə	bila	Bila
179	serau	tapoq	Sembunyi
180	naiq	nait	Naik
181	kat	yah	Di
182	dalom	dalam	Dalam
183	atas	atas	Atas
184	bawoh	dəbah	Bawah
185	ini	tu?	Ini
186	itu	ja	Itu
187	dəkat	dəkat	Dekat
188	jaoh	jaoh	Jauh
189	manə	sine	Mana
190	aku	aku	Aku
191	kau	kita?	Kamu
192	diə	ja	Dia
193	kitə	kita	Kita
194	kami	kame? uyaŋ	Kami
195	kita? səmuwe	kita? uyaŋ	Kalian
196	kita?	sida?	Mereka
197	aŋoŋ	suŋe	Sungai
198	siapə	sapa	Siapa
199	laen	lain	Lain
200	əndo?	si?	Tidak
201	dan	ŋan	Dan
202	macam manə	kəda? ne	Bagaimana
203	apə	apa	Apa
204	ula sawa?	ula sa?	Ular sawa
205	bukan	bukan	Bukan
206	kaynə	səbap	Kerana
207	kiyə	itoŋ	Kira
208	sute?	satu	Satu
209	duə	dua?	Dua
210	tigə	tiga	Tiga
211	əmpat	əmpat	Empat
212	limə	lima?	Lima
213	ənam	ənam	Enam
214	tujoŋ	tujoŋ	Tujuh
215	lapan	lapan	Lapan
216	səmilon	səmilan	Sembilan
217	səpuluh	səpuluh	Sepuluh
218	səbəlos	səbəlas	Sebelas
219	amai	yami	Ramai
220	səŋa?-ŋa?	səmuwa	Semua
221	səyai	səye	Serai
222	pətai	pəte	Petai

223	kəɣəbau	kəɣəbo	Kerbau
224	pulau	pulo	Pulau
225	limau	limo	Limau
226	pi-soʔ	pi-soʔ	Pisau
227	ɲəmai	ɲəme	Semai
228	kədoi	kəde	Kedai
229	naeʔ	əndekiʔ	Daki
230	sinun	sinun	Sana

Berdasarkan Jadual 4.1 di atas, terkandung 230 perkataan dalam DMM dan DMS yang dipaparkan dalam transkripsi fonetik. Oleh itu, dalam subbahagian yang berikut diterangkan langkah-langkah yang seterusnya dalam kaedah leksikostatistik, iaitu langkah memilih kosa kata yang boleh dibandingkan.

#### 4.1.2 Memilih Kosa Kata yang Boleh Dibandingkan

Dalam langkah ini, memilih kosa kata yang dibandingkan merujuk kepada kosa kata dasar yang perlu ditolak atau dikecualikan daripada senarai perbandingan kata kerana merupakan kata pinjaman, kata kosong, kata imbuhan dan kata majmuk. Berdasarkan Jadual 4.2, kosa kata yang ditolak adalah seperti yang berikut:

Jadual 4.2: Kosa Kata yang Ditolak

Bil	DMM	DMS	Maksud	Taraf Kognat
1	bəʃjalən	bəʃjalan	Berjalan	Tolak (Kata imbuhan)
2	bəɣənənɔŋ	bəɣənənɔŋ	Berenang	Tolak (Kata imbuhan)
3	pike	pike	Fikir	Tolak (Kata pinjaman)
4	kəpalə	palaʔ	Kepala	Tolak (Kata pinjaman)
5	napas	napas	Nafas	Tolak (Kata pinjaman)
6	naŋis	naŋis	Menangis	Tolak (Kata imbuhan)
7	ŋuap	ŋuap	Menguap	Tolak (Kata imbuhan)
8	usus	tali pəɣut	Usus	Tolak (Kata majmuk)
9	buyu	əmbuyu	Memburu	Tolak (Kata imbuhan)

10	čuyi?	čuyi	Curi	Tolak (Kata pinjaman)
11	anʃeŋ	asu?	Anjing	Tolak (Kata pinjaman)
12	bədiri	bədiyi	Berdiri	Tolak (Kata imbuhan)
12	limpa	tikam	Lempar	Tolak (Kata berulang)
14	agas	yəŋjit	Agas	Tolak (Kata berulang)
15	ŋalir	ŋale	Mengalir	Tolak (Kata imbuhan)
16	bətiup	bətiup	Bertiup	Tolak (Kata imbuhan)
17	kami	kame? ʔuyəŋ	Kami	Tolak (Kata majmuk)
18	kita? səmuwe	kita? uyaŋ	Kalian	Tolak (Kata majmuk)
19	macam manə	kəda? ne	Bagaimana	Tolak (Kata majmuk)
20	ula sawa?	ula sa?	Ular sawa	Tolak (Kata majmuk)
21	səŋa?-ŋa?	səmuwa	Semua	Tolak (Kata Ganda)
22	nae? gunoŋ	əndəki?	Daki	Tolak (Kata majmuk)

Jadual 4.2 memaparkan kosa kata yang perlu ditolak daripada senarai kata perbandingan. Terdapat 22 kosa kata yang ditolak, iaitu *berjalan*, *berenang*, *fikir*, *kepala*, *nafas*, *menangis*, *menguap*, *usus*, *memburu*, *curi*, *anjing*, *berdiri*, *lempar*, *agas*, *mengalir*, *bertiup*, *kami*, *kalian*, *bagaimana*, *ular sawa*, *semua* dan *daki*. Perkataan *berjalan*, *berenang*, *menangis*, *menguap*, *memburu*, *berdiri*, *mengalir* dan *bertiup* ditolak kerana merupakan kata yang mempunyai imbuhan. Perkataan *usus*, *kami*, *kalian*, *bagaimana*, *ular sawa* dan *daki* ditolak kerana kata majmuk, manakala perkataan *lempar* dan *agas* pula ditolak kerana kata yang berulang. Perkataan *semua* pula ditolak kerana merupakan kata ganda. Seterusnya, perkataan *fikir*, *kepala*, *nafas*, *curi* dan *anjing* juga ditolak kerana merupakan perkataan pinjaman. Tujuan bagi 22 kosa kata dalam Jadual 4.2 ditolak kerana hanya kata dasar yang digunakan untuk perbandingan kedua-dua dialek tersebut.

### 4.1.3 Penentuan Taraf Kognat Kosa Kata DMS dan DMM

Bahagian ini memaparkan perkataan yang berkognat dan tidak berkognat antara DMS dengan DMM. Perkataan tersebut dipaparkan dalam jadual-jadual dalam setiap subbahagian.

#### 4.1.3.1 Kosa Kata yang Berkognat

Penentuan kosa kata yang berkognat merujuk kepada kaedah menentukan perkataan yang sepadan dan memiliki bentuk dan makna yang sama. Berikut merupakan kosa kata yang berkognat dalam kedua-dua dialek:

Jadual 4.3: Kosa Kata yang Berkognat dalam DMS dan DMM

Bil.	DMM	DMS	Terjemahan	Taraf Kognat
1	taŋan	taŋan	Tangan	+
2	kiyi?	keye?	Kiri	+
3	kanan	kanan	Kanan	+
4	kaki	kaki	Kaki	+
5	pəgi	pəgi	Pergi	+
6	dataŋ	ataŋ	Datang	+
7	dəbu	dəbu	Debu	+
8	kulit	kulit	Kulit	+
9	bəlaŋaŋ	bəlaŋaŋ	Belakang	+
10	pəyut	pəyut	Perut	+
11	tulaŋ	tulaŋ	Tulang	+
12	ati	ati	Hati	+
13	susu	susu	Susu	+
14	bahu	bahu	Bahu	+
15	tau	tau?	Tahu	+
16	takut	takut	Takut	+
17	dayoh	dayah	Darah	+
18	ambut	yambut	Rambut	+
19	idoŋ	idoŋ	Hidung	+
20	čium	əŋčium	Cium	+
21	mulut	mulut	Mulut	+
22	gigi	gigi	Gigi	+
23	lidoh	lidah	Lidah	+
24	naŋis	naŋis	Menangis	+



25	mutah	mutah	Muntah	+
26	ludoh	ludah	Ludah	+
27	makan	makan	Makan	+
28	masaq	masaq	Masak	+
29	minum	minum	Minum	+
30	gigit	gigit	Gigit	+
31	isap	isap	Hisap	+
32	təliŋə	təliŋa	Telinga	+
33	dəŋə	dəŋa	Dengar	+
34	matə	mata	Mata	+
35	tido	tido	Tidur	+
36	mimpi	nimpi	Mimpi	+
37	dudo?	dudoq	Duduk	+
38	uʔaŋ	uʔaŋ	Orang	+
39	laki	laki	Lelaki	+
40	puan	ʔəmpuan	Perempuan	+
41	anaq	anaq	Anak	+
42	bini	bini	Isteri	+
43	ade?	adi?	Adik	+
44	kaka?	kaka?	Kakak	+
45	ema?	əma?	Emak	+
46	apa?	bapa?	Bapa	+
47	umah	ʔumah	Rumah	+
48	namə	nama	Nama	+
49	tali	tali	Tali	+
50	ikat	ikat	Ikat	+
51	ʔait	ʔait	Jahit	+
52	ʔayum	ʔayum	Jarum	+
53	timboq	tembaq	Tembak	+
54	čuyi?	ənčuyi	Curi	+
55	bunoh	bunoh	Bunuh	+
56	mati	mati	Mati	+
57	idup	idup	Hidup	+
58	gayu?	gayu?	Garu	+
59	kəʔat	kəʔat	Kerat	+
60	kaju	kaju	Kayu	+
61	bəloh	bəlah	Belah	+
62	təʔam	təʔam	Tajam	+
63	tumpul	tumpul	Tumpul	+
64	kəʔjə	kəʔja	Kerja	+
65	tanam	tanam	Tanam	+
66	pileh	pileh	Pilih	+
67	tumboh	tumboh	Tumbuh	+
68	gali?	gali?	Gali	+
69	bəli	bəli	Beli	+
70	buka?	buka?	Buka	+

71	buruŋ	buyoŋ	Burung	+
72	təlo	təlo	Telur	+
73	bulu	bulu	Bulu	+
74	sajap	sajap	Sayap	+
75	təɾəboŋ	təɣəbaŋ	Terbang	+
76	tikus	tikus	Tikus	+
77	dageŋ	dagin	Daging	+
78	iseʔ	isiʔ	Isi	+
79	ləmaq	ləmaq	Lemak	+
80	mijnaq	mijnaq	Minyak	+
81	ikoʔ	iko	Ekor	+
82	ula	ula	Ular	+
83	čačeŋ	čačin	Cacing	+
84	ikan	ikan	Ikan	+
85	udoŋ	udaŋ	Udang	+
86	dahan	dahan	Dahan	+
87	daun	daun	Daun	+
88	aka	aka	Akar	+
89	buŋə	buŋa	Bunga	+
90	buoh	buah	Buah	+
91	rumpuť	ɣumpuť	Rumput	+
92	tanah	tanah	Tanah	+
93	batu	batu	Batu	+
94	pase	pase	Pasir	+
95	aeʔ	aeʔ	Air	+
96	laot	laut	Laut	+
97	gayom	gayam	Garam	+
98	utan	utan	Hutan	+
99	laŋet	laŋit	Langit	+
100	bulan	bulan	Bulan	+
101	bintaŋ	bintaŋ	Bintang	+
102	uŋan	uŋan	Hujan	+
103	aŋen	aŋin	Angin	+
104	panas	panas	Panas	+
105	sejuq	sejoq	Sejuk	+
106	kəɣeŋ	kəɣin	Kering	+
107	basaʔ	basah	Basah	+
108	bərot	bəɣat	Berat	+
109	api	api	Api	+
110	asap	asap	Asap	+
111	abu	abu	Abu	+
112	itam	itam	Hitam	+
113	puteh	puteh	Putih	+
114	miyah	miyah	Merah	+
115	kuneŋ	kunin	Kuning	+
116	iŋo	iŋo	Hijau	+

117	kəçi?	kəçi?	Kecil	+
118	bəsə	bəsa	Besar	+
119	pandaq	pende?	Pendek	+
120	panjəŋ	panjaŋ	Panjang	+
121	təbol	təbal	Tebal	+
122	səmpit	səmpit	Sempit	+
123	libə	leba	Lebar	+
124	saket	sakit	Sakit	+
125	supan	supan	Malu	+
126	tuə	tua	Tua	+
127	mudə	muda?	Muda	+
128	baru	bayu	Baru	+
129	baiq	bait	Baik	+
130	bətol	bətol	Benar	+
131	malam	malam	Malam	+
132	ayi	ayi	Hari	+
133	taun	taun	Tahun	+
134	bilə	bila	Bila	+
135	naiq	nait	Naik	+
136	daləm	dalam	Dalam	+
137	atas	atas	Atas	+
138	dəkat	dəkat	Dekat	+
139	jaoh	jaoh	Jauh	+
140	aku	aku	Aku	+
141	kitə	kita	Kita	+
142	siapə	sapa	Siapa	+
143	laen	lain	Lain	+
144	dan	ŋan	Dan	+
145	apə	apa	Apa	+
146	bukan	bukan	Bukan	+
147	duə	dua?	Dua	+
148	tigə	tiga	Tiga	+
149	əmpat	əmpat	Empat	+
150	limə	lima?	Lima	+
151	ənam	ənam	Enam	+
152	tuʃoh	tuʃoh	Tujuh	+
153	lapan	lapan	Lapan	+
154	səmilən	səmilan	Sembilan	+
155	səpuloh	səpuloh	Sepuluh	+
156	səbəlos	səbəlas	Sebelas	+
157	amai	ɣami	Ramai	+
158	səɣai	səɣe	Serai	+
159	pətai	pəte	Petai	+
160	kəɣəbau	kəɣəbo	Kerbau	+
161	pulau	pulo	Pulau	+
162	limau	limo	Limau	+

163	pi <sup>o</sup>	pi <sup>o</sup>	Pisau	+
164	ᵑəmai	ᵑəme	Semai	+
165	kədoi	kəde	Kedai	+
166	sinun	sinun	Sana	+

Berpandukan Jadual 4.3, terdapat 166 kosa kata yang berkognat dalam DMM dan DMS. Sebagai contoh, perkataan [taŋãn] dalam DMM dengan [taŋãn] dalam DMS memperlihatkan persamaan identikal dalam aspek bentuk, fonem dan makna. Hal ini juga dapat diteliti dalam perkataan [kañan], [kaki], [pəgi], [dəbu], [nãŋĩs] dan lain-lain. Di samping itu, terdapat juga perkataan yang mempunyai perbezaan fonem, namun dapat dilihat bahawa perkataan tersebut mempunyai kemiripan leksikal. Antaranya contoh pasangan kata tersebut ialah [kiyi<sup>?</sup>] dengan [keye<sup>?</sup>], [dayoh] dengan [dayah], [pandaq] dengan [pende<sup>?</sup>] dan [libo] dengan [leba]. Senarai kosa kata yang berkognat yang lain telah dipaparkan dalam Jadual 4.3.

#### 4.1.3.2 Kosa Kata yang Tidak Berkognat

Kosa kata yang tidak berkognat merujuk kepada perkataan yang tidak menunjukkan sebarang persamaan dari segi bunyi dan juga ejaan, namun mempunyai makna yang sama. Jadual berikut memaparkan kosa kata yang tidak berkognat dalam DMM dan DMS.

Jadual 4.4: Kosa Kata yang Tidak Berkognat

Bil.	DMM	DMS	Terjemahan	Taraf Kognat
1	puta	əmbeloq	Pusing	-
2	kuto	kamah	Kotor	-
3	lihe	gəyu <sup>?</sup>	Leher	-
4	tawa <sup>?</sup>	təta <sup>?</sup>	Ketawa	-

5	kunah	gɪnəʔ	Kunyah	-
6	tiŋoʔ	taŋga	Lihat	-
7	bareŋ	guyin	Baring	-
8	buboŋ	padoŋ	Atap	-
9	katə	madah	Kata	-
10	tikam	čačaq	Tikam	-
11	pukul	paluʔ	Pukul	-
12	buot	polah	Buat	-
13	tumbuq	tutoq	Tumbuk	-
14	jatoh	gugoʔ	Jatuh	-
15	kučeŋ	pusaʔ	Kucing	-
16	ajam	manoq	Ayam	-
17	kalau	mun	Kalau	-
18	gutu	linsaʔ	Kutu	-
19	rəŋit	ŋamoq	Nyamuk	-
20	lenčoŋ	əmpaʔ	Lelabah	-
21	bataŋ	pokoʔ	Pokok	-
22	danau	taseʔ	Tasik	-
23	γəboʔ	babas	Semak	-
24	pəŋayaq	awan	Awan	-
25	kabus	əmbun	Kabus	-
26	guyuh	gunto	Guruh	-
27	kilat	ŋayu	Kilat	-
28	baka	tunoʔ	Bakar	-
29	nipis	alus	Nipis	-
30	jahot	jaiʔ	Jahat	-
31	serau	tapoq	Sembunyi	-
32	kat	γah	Di	-
33	bawoh	dəbah	Bawah	-
34	ini	tuʔ	Ini	-
35	itu	ja	Itu	-
36	manə	sine	Mana	-
37	kau	kitaʔ	Kamu	-
38	diə	ŋa	Dia	-
39	kitaʔ	sidaʔ	Mereka	-
40	aγoŋ	suŋe	Sungai	-
41	əndoʔ	siʔ	Tidak	-
42	karnə	səbap	Kerana	-
43	kiyə	itoŋ	Kira	-
44	suteʔ	satu	Satu	-

Berdasarkan Jadual 4.4, terdapat 44 perkataan yang tidak berkognat dalam DMM dan DMS. Perkataan-perkataan yang disenaraikan tersebut tidak

mempunyai sebarang kesejajaran bunyi. Antara contoh pasangan perkataan dalam DMM dan DMS yang tidak berkognat ialah /puta/ dengan /əmbeloq/, /tikam/ dengan /čaćaq/, /rəŋit/ dengan /ŋamoq/, /lenčəŋ/ dengan /əmpaʔ/ dan /pəŋayaq/ dengan /awan/. Senarai penuh perkataan yang tidak berkognat telah dipaparkan dengan jelas melalui Jadual 4.4.

#### 4.1.4 Pengiraan Peratus Kekeabatan

Pengiraan peratus kekeabatan antara DMM dengan DMS dilaksanakan dengan jumlah kosa kata yang berkognat dibahagi dengan jumlah kata yang dibandingkan. Jumlah kata yang dibandingkan merujuk kepada jumlah kata setelah ditolak dengan kata yang tidak diperlukan. Apabila kata tersebut dikenal pasti, jumlah perkataan tersebut akan dibahagi dengan jumlah kosa kata yang berkognat dan didarab dengan 100% untuk mendapatkan peratusan tingkat kekeabatan antara DMM dengan DMS. Berikut dipaparkan rumus bagi pengiraan tingkat kekeabatan.

$$\frac{\text{Jumlah kata berkognat}}{\text{Jumlah kata dibandingkan}} \times 100\%$$

Berdasarkan perbandingan leksikostatistik DMM dengan DMS dalam langkah-langkah yang sebelumnya, jumlah kata yang berkognat adalah sebanyak 166 perkataan (rujuk Jadual 4.3), jumlah kata yang tidak berkognat adalah sebanyak 44 perkataan dan jumlah kata yang dibandingkan adalah sebanyak 208 perkataan setelah ditolak dengan 22 perkataan yang tidak

diperlukan (kosa kata yang ditolak). Berikut merupakan pengiraan secara terperinci bagi tingkat kekerabatan antara DMM dengan DMS berdasarkan kaedah leksikostatistik.

Langkah-langkah Pengiraan:

Jumlah kata ditolak = 22

Jumlah kata yang dibandingkan (Jumlah keseluruhan kosa kata – Jumlah kata ditolak):  $230 - 22 = 208$

Jumlah kata berkognat (Jumlah kata dibandingkan – Jumlah kata tidak berkognat):  $208 - 44 = 164$

Tingkat Kekerabatan:

$$= \frac{164}{208} \times 100\%$$

$$= 78.85\%$$

Berdasarkan langkah-langkah pengiraan yang dinyatakan, telah dikenal pasti bahawa tingkat kekerabatan antara DMM dengan DMS adalah sebanyak 78.85%. Hasil pengiraan tersebut telah memudahkan penentuan bagi tingkat kekerabatan yang akan dibincangkan dalam subbahagian yang selanjutnya.

#### **4.1.5 Penentuan Tingkat Kekerabatan**

Berdasarkan pengiraan, 78.85% yang diperoleh tersebut membolehkan penentuan terhadap tingkat kekerabatan antara DMM dengan DMS.

Penentuan tingkat kekerabatan antara kedua-dua dialek yang dikaji adalah berpandukan Jadual 3.1 seperti yang telah dibincangkan sebelumnya dalam bahagian 3.2.3 *Kaedah Leksikostatistik*.

Jadual 3.1: Klasifikasi Penentuan Tingkat Kekerabatan

<b>Tingkat Kekerabatan</b>	<b>Abad Pisah</b>	<b>Peratus Kata Kognat</b>
Bahasa	0 – 5 abad	100 - 81
Keluarga	5 – 25 abad	81 - 36
Rumpun	25 – 50 abad	36 - 12
Mikrofilum	50 – 75 abad	12 - 4
Mesofilum	75 – 100 abad	4 - 1
Makrofilum	100 abad ke atas	1

Disesuaikan daripada Sarah C. Gudschinsky (1956)

Kesimpulannya, berdasarkan jadual klasifikasi tersebut, penentuan tingkat kekerabatan antara DMM dengan DMS memperlihatkan hubungan sanak, iaitu terletak dalam kelompok keluarga yang sama dan agak dekat dengan anggaran abad pisahnya antara 5 hingga 25 abad. Tambahan pula, jumlah peratus tingkat kekerabatan yang agak tinggi, iaitu 78.85% memberikan gambaran dan andaian awal bahawa kedua-dua dialek tersebut berpencar daripada induk bahasa yang sama kerana memiliki kemiripan yang ketara dalam aspek bunyi. Oleh itu, bagi menjelaskan aspek bunyi antara kedua-dua dialek tersebut, penghuraian terhadap variasi fonem dilaksanakan dalam bab yang berikutnya.



## BAB 5: SISTEM VOKAL DMS DAN DMM

### 5.0 Pengenalan

Penganalisan terhadap variasi fonem berteraskan Teori Struktural. Seperti yang telah dibincangkan dalam bahagian 3.3 *Kerangka Teoretis*, sistem fonologi dalam bahasa Melayu dibahagikan kepada dua, iaitu sistem vokal dan sistem konsonan. Dalam sistem vokal mengandungi dua pecahan, iaitu vokal biasa (monoftong) dan diftong. Oleh itu, dalam bab ini dihuraikan fonem vokal dalam kedua-dua dialek yang dikaji. Setelah itu, huraian mengenai kesepadanan bunyi akan diteruskan selepas penghuraian terhadap variasi fonem.

### 5.1 Fonem Vokal DMS

Berdasarkan senarai perkataan yang telah dikumpulkan, didapati fonem vokal DMS adalah sebanyak enam vokal, manakala diftong pula hanya terdapat satu enis. Fonem vokal dalam DMS adalah seperti yang terkandung dalam jadual berikut:

Jadual 5.1: Fonem Vokal DMS

Jenis Vokal	Kedudukan	Fonem Vokal		
		Depan	Tengah	Belakang
Vokal Biasa	Tinggi	i		u
	Separuh tinggi	e	ə	o
	Rendah	a		
Diftong	/-oy/			

Berdasarkan Jadual 5.1, vokal dalam DMS ialah (i) vokal depan tinggi /i/, (ii) vokal depan separuh tinggi /e/, (iii) vokal depan rendah /a/, (iv) vokal tengah separuh tinggi /ə/, (v) vokal belakang tinggi /u/ dan (vi) vokal belakang separuh tinggi /o/. Bagi bunyi diftong pula, terdapat satu jenis diftong yang telah dikenal pasti, iaitu (i) /-oy/. Oleh itu, pada subbahagian yang seterusnya, setiap fonem vokal akan dihuraikan berdasarkan contoh perkataan dalam DMS.

### 5.1.1 Vokal Depan DMS

Dalam DMS, vokal depan terdiri daripada vokal /i/, /e/ dan /a/. Vokal /i/ merupakan vokal depan tinggi, vokal /e/ merupakan vokal depan separuh tinggi dan vokal /a/ merupakan vokal depan rendah. Fonem depan DMS dan contoh perkataan serta kedudukannya dalam perkataan digambarkan menerusi jadual yang berikut:

Jadual 5.2: Fonem Vokal Depan DMS

Vokal Depan	Suku Kata Praakhir		Suku Kata Akhir	
	Terbuka	Tertutup	Terbuka	Tertutup
Tinggi /i/	/idoŋ/ (hidung) /isap/ (hisap)	/sine/ (mana) /sik/ (tidak)	/pəgi/ (pergi) /bədiyi/ (berdiri)	/bait/ /jait/
Separuh Tinggi /e/	-	/keyeʔ/ (kiri) /tembaq/ (tembak)	/pike/ (fikir) /ŋale/ (mengalir)	-
Rendah /a/	/ataŋ/ (datang) /ati/ (hati)	/palaʔ/ (kepala) /tanam/ (tanam)	/taŋga/ (lihat) /ula/ (ular)	-

Berdasarkan Jadual 5.2, vokal depan tinggi /i/ hadir pada lingkungan suku kata praakhir dan akhir. Hal ini dapat diperhatikan dalam contoh perkataan /idoŋ/, /sik/ dan /pəgi/. Hal ini sekali gus membuktikan bahawa

vokal /i/ mempunyai penyebaran yang luas dalam semua kedudukan kata. Selanjutnya, menerusi vokal separuh tinggi /e/, didapati bahawa tidak ditemukan perkataan yang berawal dengan vokal /e/. Namun, penyebaran vokal /e/ ditemukan pada kedudukan praakhir tertutup dan akhir suku kata terbuka seperti dalam perkataan /keyeʔ/ dan /pike/. Bagi, vokal depan rendah /a/ pula, penyebaran vokal adalah luas dengan kehadirannya pada suku kata praakhir dan akhir. Hal ini dibuktikan melalui perkataan /ataŋ/, /palaʔ/ dan /taŋga/.

### 5.1.2 Vokal Tengah DMS

Hasil penelitian terhadap senarai kata, didapati bahawa terdapat fonem vokal tengah separuh tinggi /ə/ dalam DMS. Berikut dipaparkan contoh-contoh perkataan dalam DMS yang mempunyai vokal tengah separuh tinggi /ə/:

Jadual 5.3: Fonem Vokal Tengah DMS

Vokal Tengah	Suku Kata Praakhir		Suku Kata Akhir	
	Terbuka	Tertutup	Terbuka	Tertutup
Separuh Tinggi	/əmbeloq/ (pusing)	/bəlakəŋ/ (belakang)	-	-
/ə/	/əmpaʔ/ (lelabah)	/bəlah/ (belah)	-	-

DMS memperlihatkan kewujudan vokal tengah separuh tinggi /ə/ dalam beberapa perkataan. Walau bagaimanapun, penyebaran vokal /ə/ adalah tidak menyeluruh kerana tidak hadir dalam kedudukan suku kata akhir. Berdasarkan Jadual 5.3, hanya ditemukan vokal /ə/ pada kedudukan suku kata

praakhir terbuka dan tertutup sahaja. Antara contohnya ialah perkataan /əmbeloq/, /əmpaʔ/, /bəlakan/ dan /bələh/.

### 5.1.3 Vokal Belakang DMS

Dalam DMS, ditemukan dua jenis vokal belakang, iaitu vokal belakang tinggi /u/ dan vokal belakang separuh tinggi /o/. Kedua-dua vokal tersebut membuktikan bahawa DMS mempunyai vokal tersebut untuk membentuk perkataan. Jadual yang berikut memaparkan fonem vokal belakang dan contoh perkataan dalam DMS.

Jadual 5.4: Fonem Vokal Belakang DMS

Vokal Belakang	Suku Kata Praakhir		Suku Kata Akhir	
	Terbuka	Tertutup	Terbuka	Tertutup
Tinggi	/uʃan/ (ujan)	/bulu/ (bulu)	/aku/ (aku)	-
/u/	/uʃan/ (orang)	/gunto/ (guruh)	/əmbuyu/ (memburu)	-
Separuh Tinggi	-	/pokoʔ/ (pokok)	/tido/ (tidur)	-
/o/	-	-	/təlo/ (telur)	-

Berdasarkan jadual tersebut, kehadiran vokal belakang tinggi /u/ dalam suku kata praakhir dan akhir kata membuktikan bahawa penggunaan /u/ adalah meluas dalam DMS. Antara contoh perkataan yang mengandungi vokal /u/ dalam suku kata praakhir terbuka dan tertutup, dan suku kata akhir terbuka ialah /uʃan/, /gunto/ dan /əmbuyu/. Namun begitu, penyebaran vokal belakang separuh tinggi /o/ memperlihatkan perbezaan. Hal ini kerana vokal /o/ dalam DMS adalah sama seperti vokal depan separuh tinggi /e/, iaitu didapati terjadi pada lingkungan suku kata praakhir tertutup dan suku kata

akhir terbuka sahaja. Hal ini dapat diperhatikan melalui perkataan /pokoʔ/ dan /təlo/.

#### 5.1.4 Diftong DMS

Yusriadi (2007, p. 53) menyatakan bahawa diftong merupakan rangkap vokal yang menduduki satu suku kata dan rangkap vokal tersebut tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, dalam DMS telah ditemui satu jenis diftong, iaitu (i) /-oy/ seperti yang disenaraikan berserta contohnya dalam jadual berikut:

Jadual 5.5: Diftong DMS

Diftong	Suku Kata Praakhir		Suku Kata Akhir	
	Terbuka	Tertutup	Terbuka	Tertutup
/-oy/	-	-	/kosoy/ (sejenis kuih), /paloy/ (bodoh), /kaloy/ (kaloi)	-

Berdasarkan Jadual 5.5, terdapat satu jenis diftong yang wujud dalam DMS, iaitu /-oy/. Diftong tersebut hanya wujud pada suku kata akhir terbuka, iaitu seperti dalam perkataan /kosoy/, /paloy/ dan /kaloy/.

#### 5.2 Penentuan Fonem Vokal DMS Berdasarkan Kaedah Pasangan Minimal

Terdapat enam jenis fonem vokal yang ditemukan dalam DMS, iaitu /i/, /e/, /a/, /ə/, /u/, /o/. Oleh itu, untuk menghuraikan data fonemik, penentuan terhadap fonem vokal dan juga konsonan dilaksanakan dengan kaedah pasangan minimal. Menurut Yusriadi (2007, p. 41), terdapat dua kaedah untuk menentukan sesuatu bunyi berstatus fonem,

iaitu (i) mencari pasangan minimal dan (ii) mencari pasangan hampir minimal. Dalam kaedah tersebut, pasangan kata yang mempunyai bunyi yang hampir sama, tetapi mempunyai makna yang berbeza merupakan fonem, manakala jika sebaliknya, merupakan alofon. Perbandingan pasangan minimal fonem vokal DMS ditunjukkan dalam Jadual 5.6.

Jadual 5.6: Pasangan Minimal Fonem Vokal DMS

Bil.	Pasangan Kata	Makna	Taraf Pasangan Minimal	
			Fonem	Alofon
1	/api/	Api	✓	
	/apa/	Apa		
	/isap/	Hisap	✓	
	/asap/	Asap		
2	/geyu?/	Leher	✓	
	/gayu?/	Garu		
3	/ludah/	Ludah	✓	
	/lidah/	Lidah		
4.	/pala?/	Kepala	✓	
	/palu?/	Pukul		

Berdasarkan Jadual 5.6, terdapat empat pasangan minimal fonem vokal DMS, iaitu (i) /i/ dengan /a/, (ii) /e/ dengan /ə/, (iii) /u/ dengan /i/ dan (iv) /a/ dengan /u/. Berdasarkan pasangan minimal tersebut dapatlah dinyatakan bahawa fonem-fonem vokal tersebut merupakan fonem yang tersendiri kerana mempunyai bentuk yang sama, namun makna yang berbeza.

### 5.3 Fonem Vokal DMM

Berpandukan senarai perkataan, didapati sebanyak tujuh fonem vokal dalam DMM dan tiga jenis diftong. Fonem vokal dan diftong dalam DMM adalah seperti yang terkandung dalam Jadual 5.7.

Jadual 5.7: Fonem Vokal DMM

Jenis Vokal	Kedudukan	Fonem Vokal		
		Depan	Tengah	Belakang
Vokal Biasa	Tinggi	i		u
	Separuh tinggi	e	ə	o
	Separuh rendah			ɔ
	Rendah	a		
Diftong	/-ay/, /-uy/ dan /-aw/			

Jadual 5.7 memperlihatkan bahawa vokal dalam DMM terdiri daripada tujuh jenis, iaitu (i) vokal depan tinggi /i/, (ii) vokal depan separuh tinggi /e/, (iii) vokal depan rendah /a/, (iv) vokal tengah separuh tinggi /ə/, (v) vokal belakang tinggi /u/ dan (vi) vokal belakang separuh tinggi /o/ dan (vii) vokal belakang separuh rendah /ɔ/. Bagi bunyi diftong pula, sebanyak tiga jenis diftong yang dikenal pasti, iaitu (i) /-ai/, (ii) /-ui/ dan (iii) /-au/. Berikutnya, penghuraian terhadap setiap fonem vokal dan diftong serta contoh perkataan dibincangkan dalam subbahagian yang seterusnya.

### 5.3.1 Vokal Depan DMM

Vokal depan DMM terdiri daripada vokal /i/, /e/ dan /a/. Vokal /i/ merupakan vokal depan tinggi, vokal /e/ merupakan vokal depan separuh tinggi dan vokal /a/ merupakan vokal depan rendah. Jadual berikut memaparkan fonem depan DMM dan contoh perkataan serta kedudukannya dalam perkataan digambarkan menerusi Jadual 5.8 yang berikut:

Jadual 5.8: Fonem Vokal Depan DMM

Vokal Depan	Suku Kata Praakhir		Suku Kata Akhir	
	Terbuka	Tertutup	Terbuka	Tertutup
Tinggi /i/	/ikat/ (ikat) /idup/ (hidup)	/bintaŋ/ (bintang) /bətiup/ (bertiup)	/laki/ (laki) /gigi/ (gigi)	-
Separuh Tinggi /e/	-	/lencoŋ/ (lelabah)	/pase/ (pasir) /lihe/ (leher)	/kəyeŋ/ (kering)
Rendah /a/	/ayoŋ/ (sungai) /asap/ (asap)	/uʃan/ (hujan) /pəŋayaq/ (awan)	/puta/ (pusing) /aka/ (akar)	-

Berdasarkan Jadual 5.8, penyebaran vokal depan tinggi /i/ hadir dalam semua kedudukan kecuali suku kata akhir tertutup. Hal ini dapat diperhatikan dalam contoh perkataan /ikat/, /bətiup/ dan /gigi/. Selanjutnya, menerusi vokal separuh tinggi /e/, didapati bahawa tidak ditemukan penyebaran pada suku kata praakhir terbuka. Namun, penyebaran vokal /e/ ditemukan pada kedudukan suku kata praakhir tertutup dan suku kata akhir terbuka seperti dalam perkataan /kəyeŋ/ dan /pase/. Bagi, vokal depan rendah /a/ pula, penyebaran vokal wujud dengan kehadirannya pada suku kata praakhir terbuka dan tertutup serta pada suku kata akhir terbuka. Hal ini dibuktikan melalui perkataan /ayoŋ/, /pəŋayaq/ dan /puta/.

### 5.3.2 Vokal Tengah DMM

Hasil penelitian terhadap senarai kata, didapati bahawa terdapat fonem vokal tengah separuh tinggi /ə/ dalam DMS. Dalam Jadual 5.9 yang berikut dipaparkan contoh-contoh perkataan dalam DMS yang mempunyai vokal tengah separuh tinggi /ə/.



Jadual 5.9: Fonem Vokal Tengah DMM

Vokal Tengah	Suku Kata Praakhir		Suku Kata Akhir	
	Terbuka	Tertutup	Terbuka	Tertutup
Separuh Tinggi /ə/	/əndoʔ/ (tidak)	/kəʔat/ (potong) /bəʔənoŋ/ (berenang)	/kəpalə/ (kepala) /namə/ (nama)	-

Berpandukan Jadual 5.9, penyebaran vokal /ə/ adalah menyeluruh kerana hadir dalam semua kedudukan kata kecuali suku kata akhir tertutup. Hal ini berbeza dengan DMS yang tidak mempunyai perkataan yang berakhir dengan vokal /ə/. Antara contoh perkataan dan penyebaran vokal /ə/ ialah /əndoʔ/, /kəʔat/, /bəʔənoŋ/, /kəpalə/ dan /namə/. Penyebaran vokal /ə/ pada akhir perkataan didapati berfungsi untuk menggantikan bunyi vokal /a/. Hal ini menjadikan DMM mempunyai kelainan vokal /ə/ yang sama seperti dialek Melayu Johor-Riau.

### 5.3.3 Vokal Belakang DMM

Dalam DMM, terdapat tiga jenis vokal belakang, iaitu vokal belakang tinggi /u/ dan vokal belakang separuh tinggi /o/ dan separuh rendah /ɔ/. Jadual yang berikut memaparkan fonem vokal belakang dan contoh perkataan dalam DMM.

Jadual 5.10: Fonem Vokal Belakang DMM

Vokal Belakang	Suku Kata Praakhir		Suku Kata Akhir	
	Terbuka	Tertutup	Terbuka	Tertutup
Tinggi /u/	/uʃan/ (hujan)	/bulu/ (bulu)	/abu/ (abu)	-
	/uʃaŋ/ (orang)	/gutu/ (kutu)	/dəbu/ (debu)	-

Vokal Belakang	Suku Kata Praakhir		Suku Kata Akhir	
	Terbuka	Tertutup	Terbuka	Tertutup
Separuh Tinggi /o/	-	/buot/ (buat) /daroh/ (darah)	/tido/ (tidur) /kuto/ (kotor)	-
Separuh Rendah /ɔ/	-	-	/dəŋɔ/ (dengar) /telɔ/ (telur) /libɔ/ (lebar)	-

Berdasarkan Jadual 5.10, vokal belakang tinggi /u/ hadir pada suku kata praakhir dan akhir membuktikan bahawa penggunaan /u/ adalah meluas dalam DMM. Antara contoh perkataan yang mengandungi vokal /u/ dalam suku kata praakhir terbuka dan tertutup, dan suku kata akhir terbuka ialah /ujan/, /gutu/ dan /debu/. Selanjutnya, penyebaran vokal belakang separuh tinggi /o/ memperlihatkan perbezaan dengan vokal belakang tinggi /u/. Hal ini kerana penyebaran vokal /o/ dalam DMM adalah sama seperti vokal depan separuh tinggi /e/, iaitu didapati terjadi pada lingkungan suku kata praakhir tertutup dan suku kata akhir terbuka sahaja. Hal ini dapat diperhatikan melalui perkataan /daroh/ dan /kuto/.

Seterusnya, dalam DMM wujud satu fonem vokal belakang separuh rendah /ɔ/ yang hanya hadir pada suku kata akhir terbuka sahaja. Hal ini dapat dibuktikan melalui perkataan /dəŋɔ/, /telɔ/, dan /libɔ/. Jika diperhatikan melalui contoh berikut, vokal /ɔ/ dalam DMM didapati hadir bagi menggantikan bunyi yang berakhir dengan /-ar/ dan /-ur/ dalam BMS. Walau bagaimanapun, tidak semua bunyi /-ar/ dan /-ur/ digantikan dengan /ɔ/ dalam DMM. Adakalanya, bunyi /-ar/, /-ur/ berubah menjadi bunyi lain dalam DMM

seperti /baka/ dan /tido/, yang menunjukkan perubahan kepada bunyi vokal /a/ dan /o/.

### 5.3.4 Diftong DMM

Terdapat empat jenis diftong yang dikenal pasti wujud dalam DMM. Contoh perkataan yang mengandungi diftong adalah seperti yang disenaraikan dalam jadual berikut.

Jadual 5.11: Diftong DMM

Diftong	Suku Kata Praakhir		Suku Kata Akhir	
	Terbuka	Tertutup	Terbuka	Tertutup
/ay/	-	-	/səyay/ (serai)	-
			/pətay/ (petai)	
			/amay/ (ramai)	
/uy/	-	-	/paluy/ (bodoh)	-
			/kusuy/ (sejenis kuih)	
			/kesuy/ (penat)	
/aw/	-	-	/kaw/ (kau)	-
			/səraw/ (sembunyi)	
			/taw/ (tahu),	

Jadual 5.11 memaparkan sebanyak tiga jenis diftong yang wujud dalam DMM, iaitu /ay/, /uy/ dan /aw/. Pertama, penyebaran bunyi diftong /ay/ hanya didapati wujud pada suku kata akhir terbuka seperti dalam perkataan /səyay/, /pətay/ dan /amay/. Kedua, penyebaran bunyi diftong /uy/ juga hanya terdapat pada suku kata akhir terbuka, iaitu seperti dalam perkataan /kusuy/, /paluy/ dan /kesuy/. Hasil pemerhatian mendapati bahawa bunyi diftong /uy/ menyamai bunyi diftong /oy/ dalam DMS yang hanya

berbeza antara bunyi vokal /u/ dengan /o/. Ketiga, bunyi diftong /-aw/ juga terdapat pada suku kata akhir terbuka. Antara contoh bunyi diftong /-aw/ ialah /kaw/, /səraw/ dan /taw/.

#### 5.4 Penentuan Fonem Vokal DMM Berdasarkan Kaedah Pasangan Minimal

Kaedah pasangan minimal juga digunakan untuk DMM. Perbandingan pasangan minimal fonem vokal DMM adalah seperti yang berikut:

Jadual 5.12: Pasangan Minimal Fonem Vokal DMM

Bil.	Pasangan Kata	Makna	Tarf Pasangan Minimal	
			Fonem	Alofon
1	/kitaʔ/	Awak	✓	
	/kitə/	Kita		
	/galiʔ/	Gali		
	/bəli/	Beli		
2	/bareŋ/	Baring	✓	
	/baraŋ/	Barang		
	/iseʔ/	Isi		
	/isap/	Hisap		
3	/isap/	Hisap	✓	
	/asap/	Asap		
4	/udoŋ/	Udang	✓	
	/idoŋ/	Hidung		
	/ludoh/	Ludah		
	/lidah/	Lidah		
5	/kusui/	Sejenis Kuih (Kaswi)	✓	
	/kəsui/	Penat		
6	/api/	Api	✓	
	/apə/	Apa		

Berdasarkan Jadual 5.12, terdapat enam pasangan minimal fonem vokal DMM, iaitu (i) /a/ dengan /ə/, (ii) /e/ dengan /a/, (iii) /i/ dengan /a/, (iv) /u/ dengan /i/, (v) /u/ dengan /ə/ dan (vi) /i/ dengan /ə/. Berdasarkan keseluruhan pasangan minimal

tersebut dapatlah dinyatakan bahawa fonem-fonem tersebut merupakan fonem yang tersendiri kerana mempunyai bentuk yang sama namun makna yang berbeza.

## 5.5 Kesepadanan Vokal DMS dan DMM

Setelah variasi fonem vokal bagi DMS dan DMM dikenal pasti dan dibincangkan, maka korespondensi fonem vokal akan dilaksanakan. Menurut Gorys Keraf (1984, p. 49), korespondensi fonem atau lebih dikenali sebagai kesepadanan fonem dilaksanakan selepas membandingkan fonem bagi bahasa-bahasa yang dikaji. Berikut merupakan huraian bagi kesepadanan fonem vokal antara DMS dengan DMM.

### 5.5.1 Kesepadanan Vokal /i/ ≈ /e/

Kesepadanan bunyi antara vokal depan tinggi /i/ dengan vokal depan tinggi separuh tinggi /e/ dapat diperhatikan menerusi contoh dalam Jadual 5.13 berikut:

Jadual 5.13: Kesepadanan Vokal /i/ ≈ /e/

Bil.	Contoh Kesepadanan Vokal	Maksud
1.	DMM /kiyi?/ ≈ /keye?/ DMS	Kiri
2.	DMS /adi?/ ≈ /ade?/ DMM	Adik
3.	DMS /dagiŋ/ ≈ /dageŋ/ DMM	Daging
4.	DMS /čačīn/ ≈ /čačeŋ/ DMM	Cacing
5.	DMS /laŋit/ ≈ /laŋet/ DMM	Langit
6.	DMS /aŋin/ ≈ /aŋen/ DMM	Angin

Berdasarkan contoh dalam Jadual 5.13, vokal depan tinggi /i/ mempunyai peranan yang sama dengan vokal separuh tinggi /e/. Menerusi

contoh pertama, iaitu perkataan ‘kiri’, jika perbandingan tersebut didasarkan kepada BMS, maka dalam DMS berlaku perubahan bunyi kepada /e/ menjadi /keɤ/?/ berbanding DMM yang masih mengekalkan bentuk sebutan dan bunyi BMS, iaitu /kiɤi?/.

Menerusi contoh perkataan kedua hingga enam pula memperlihatkan kesepadanan bunyi DMS-DMM. Berdasarkan kelima-lima contoh tersebut, diperhatikan bahawa DMS mengekalkan sebutan seperti dalam BMS bagi perkataan /adi?/, /dagin/, /čaćin/, /laŋit/ dan /aŋin/. Hal ini pula berbeza dengan DMM yang menunjukkan perubahan sebutan kepada bunyi vokal depan separuh tinggi /e/. Dalam DMM sebutan vokal /i/ dalam perkataan ‘adik’, ‘daging’, ‘cacing’ ‘langit’ dan ‘angin’ digantikan dengan /e/ menjadi /ade?/, /dageŋ/, /čaćeŋ/, /laŋet/ dan /aŋen/. Meskipun berlaku perubahan bunyi daripada /i/ kepada /e/, makna dan pemahaman pendengar adalah tidak terjejas. Kesimpulannya, kendatipun vokal /i/ dan /e/ berbeza dalam aspek sebutan, namun kedua-duanya adalah bersepadan kerana masih membawa makna perkataan yang sama.

### **5.5.2 Kesepadanan Vokal /a/ ≈ /o/**

Jadual 5.14 yang berikut memaparkan kesepadanan vokal antara vokal depan rendah /a/ dengan vokal belakang separuh tinggi /o/ yang terdapat dalam DMM dan DMS.

Jadual 5.14: Kesepadanan Vokal /a/ ≈ /o/

Bil.	Contoh Kesepadanan Vokal	Maksud
1.	DMS /bəʒalan/ ≈ /bəʒalon/ DMM	Berjalan
2.	DMS /bəʒənən/ ≈ /bəʒənən/ DMM	Berenang
3.	DMS /dayah/ ≈ /daroh/ DMM	Darah
4.	DMS /lidah/ ≈ /lidoh/ DMM	Lidah
5.	DMS /ludah/ ≈ /ludoh/ DMM	Ludah
6.	DMS /tembaq/ ≈ /timboq/ DMM	Tembak

Jadual tersebut menunjukkan perubahan bunyi yang berlaku dalam DMS-DMM bagi vokal depan rendah /a/ dan vokal belakang separuh tinggi /o/. Vokal /a/ dalam perkataan-perkataan seperti ‘berjalan’, ‘berenang’, ‘darah’, ‘lidah’, ‘ludah’ dan ‘tembak’ dalam DMS didapati memperlihatkan pengekalan bunyi /a/ seperti dalam sebutan BMS. Namun begitu, hal tersebut tidak berlaku kepada DMM kerana vokal /a/ digantikan dengan vokal /o/ yang menjadikan perkataan-perkataan berkenaan disebut /bəʒalon/, /bəʒənən/, /daroh/, /lidoh/, /ludoh/ dan /timboq/. Walaupun berlaku perbezaan bunyi vokal dalam perkataan-perkataan tersebut dalam DMS dan DMM, keduanya mempunyai kesepadanan yang berperanan memberikan maksud yang sama.

### 5.5.3 Kesepadanan Vokal /a/ ≈ /ə/

Selanjutnya, juga terdapat kesepadanan bunyi antara vokal depan rendah /a/ dengan vokal tengah /ə/. Kesepadanan vokal tersebut dinyatakan melalui contoh dalam Jadual 5.15 yang berikut.

Jadual 5.15: Kesepadanan Vokal /a/ ≈ /ə/

Bil.	Contoh Kesepadanan Vokal	Maksud
1.	DMS /təliŋa/ ≈ /təliŋə/ DMM	Telinga
2.	DMS /mata/ ≈ /matə/ DMM	Mata
3.	DMS /nama/ ≈ /namə/ DMM	Nama
4.	DMS /kəɽjə/ ≈ /kəɽjə/ DMM	Kerja
5.	DMS /tua/ ≈ /tuə/ DMM	Tua
6.	DMS /bila/ ≈ /bilə/ DMM	Bila

Jadual 5.15 memaparkan kesepadanan antara bunyi vokal /a/ dengan /ə/ dalam hubungan DMS-DMM. DMS didapati mengekalkan bunyi vokal /a/ seperti dalam BMS bagi perkataan-perkataan seperti ‘telinga’, ‘mata’, ‘nama’, ‘kerja’, ‘tua’ dan ‘bila’. Namun begitu, hal ini sebaliknya berlaku terhadap DMM yang memperlihatkan perbezaan bunyi akhir perkataan dengan penggantian vokal /a/ kepada vokal /ə/. Hal ini dapat dilihat menerusi sebutan /təliŋə/, /matə/, /namə/, /kəɽjə/, /tuə/ dan /bilə/. Kesepadanan antara kedua-dua vokal tersebut telah membuktikan bahawa terdapat pengaruh Dialek Melayu Johor-Riau dan Dialek Melayu Pontianak dalam DMM terutamanya dalam aspek sebutan perkataan yang berakhir dengan vokal /ə/. Meskipun perbezaan antara vokal /a/ dengan /ə/ berlaku, perkara tersebut secara tidak langsung menunjukkan bahawa kedua-duanya adalah vokal yang sepadan.

#### 5.5.4 Kesepadanan Vokal /a/ ≈ /ə/

Kesepadanan antara vokal /a/ dengan /ə/ pula digambarkan menerusi contoh-contoh perkataan yang terkandung dalam Jadual 5.16 seperti yang berikut.



Jadual 5.16: Kesepadanan Vokal /a/ ≈ /ɔ/

Bil.	Contoh Kesepadanan Vokal	Maksud
1.	DMS /dəŋa/ ≈ /dəŋɔ/ DMM	Dengar
2.	DMS /basa/ ≈ /basɔ/ DMM	Besar
3.	DMS /leba/ ≈ /libɔ/ DMM	Lebar

Jadual tersebut menunjukkan tiga contoh perkataan yang menjadi bukti kepada kesepadanan antara bunyi vokal /a/ dengan /ɔ/, iaitu perkataan ‘dengar’, ‘besar’ dan ‘lebar’. Dalam DMS, didapati bahawa konsonan tril /r/ dalam ketiga-tiga perkataan tersebut digugurkan dan vokal /a/ merupakan bunyi yang mengakhiri perkataan tersebut. Dalam DMM juga turut berlaku perkara yang sama, cuma vokal /a/ disebut sebagai /ɔ/ seperti dalam perkataan /dəŋɔ/, /basɔ/ dan /libɔ/. Kehadiran vokal /ɔ/ menunjukkan satu daripada ciri vokal DMM yang tidak dimiliki oleh DMS. Kewujudan vokal /ɔ/ dalam DMM menunjukkan persamaan dengan Dialek Melayu Terengganu dan Kelantan seperti dalam perkataan /ɔŋɛ/ (orang).

### 5.5.5 Kesepadanan Vokal /u/ ≈ /o/

Berikut disenaraikan contoh perkataan yang mempunyai kesepadanan vokal dalam DMM dan DMS berdasarkan Jadual 5.17 yang berikut.

Jadual 5.17: Kesepadanan Vokal /u/ ≈ /o/

Bil.	Contoh Kesepadanan Vokal	Maksud
1.	DMM /tumpul/ ≈ /tumpol/ DMS	Tumpul
2.	DMM /buruŋ/ ≈ /buroŋ/ DMS	Burung
3.	DMM /laot/ ≈ /laut/ DMS	Laut
4.	DMM /səŋuq/ ≈ /səŋoq/ DMS	Sejuk

Berpandukan jadual tersebut, perkataan ‘tumpul’, ‘burung’, ‘laut’ dan ‘sejuk’ telah memperlihatkan kesepadanan antara vokal /u/ dengan /o/. Dalam DMM, didapati bahawa pengekal bunyi vokal /u/ adalah sama seperti BMS bagi perkataan /tumpul/, /buruŋ/, dan /sejuq/, manakala perkataan /laot memperlihatkan sebaliknya. Jika diteliti DMS pula, bunyi /u/ digantikan dengan vokal /o/, iaitu seperti dalam perkataan /tumpul/, /buruŋ/ dan /sejoq/, manakala bunyi vokal /u/ dalam perkataan /laut/ adalah sama dengan bunyi dalam BMS. Walau bagaimanapun, perbezaan vokal /u/ dan /o/ masih dapat difahami dan saling bersepadan untuk merujuk kepada perkara yang dimaksudkan.

## **5.6 Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, bab ini telah membincangkan aspek variasi fonem vokal dan kesepadanan bagi DMS dan DMM. Dalam aspek fonem vokal, terdapat enam fonem vokal dalam DMS yang terdiri daripada /a/, /e/, /a/, /ə/, /u/ dan /o/, manakala dalam DMM pula hampir sama dengan DMS cuma terdapat satu pertambahan fonem vokal, iaitu fonem vokal /ɔ/. Berdasarkan perbincangan terhadap diftong pula, DMS tidak mempunyai diftong /-aw/ dan /-ay/ kerana masing-masing diftong tersebut digantikan dengan /o/ dan /e/ seperti dalam kata /pulo/ (pulau) dan /pante/ (pantai). Oleh itu, dalam DMS hanya ada diftong /-oy/ sahaja. Bagi DMM pula mempunyai tiga jenis diftong, iaitu /-ay/, /-uy/, dan /-aw/. Diftong /-oy/ dalam DMM tidak wujud kerana digantikan dengan diftong /-uy/. Akhir sekali, perbincangan dalam bab ini telah

berjaya memperlihatkan lima jenis kesepadanan fonem vokal yang wujud antara DMS dengan DMM, iaitu kesepadanan vokal (i) /i/ ≈ /e/, (ii) /a/ ≈ /o/, (iii) /a/ ≈ /ə/, (iv) /a/ ≈ /ɔ/ dan (v) /u/ ≈ /o/. Oleh itu, dalam bab yang selanjutnya akan membincangkan variasi fonem konsonan bagi DMS dan DMM pula.

Universiti Malaya

## BAB 6: SISTEM KONSONAN DMS DAN DMM

### 6.0 Fonem Konsonan DMS

Menurut Pike (1966: p. 7) sistem atau bunyi konsonan dapat dibahagikan kepada enam bunyi, iaitu (i) letupan (plosif), (ii) letusan (afrikat), (iii) sengauan (nasal), (iv) likuida, (v) geseran (frikatif) dan (vi) separuh vokal. Oleh itu, dalam bab ini dihuraikan fonem konsonan dalam DMS dan DMM, dan seterusnya akan membincangkan kesepadanan konsonan antara kedua-dua dialek tersebut.

### 6.1 Fonem Konsonan DMS

Dalam aspek fonem konsonan, didapati bahawa DMS mempunyai sebanyak 20 konsonan. Semua jenis konsonan dalam DMS telah diperincikan melalui jadual yang berikut:

Jadual 6.1: Fonem Konsonan DMS

Bunyi Konsonan	Fonem Konsonan DMS (Daerah Sebutan)						
	BL	AV	GLK	PL	VL	AT	G
<b>Plosif</b>							
Tak bersuara	p	t			k	q	ʔ
Bersuara	b	d			g		
<b>Afrikat</b>							
Tak bersuara					č		
Bersuara					ǰ		
<b>Nasal</b>							
	m	n		ɲ	ŋ		
<b>Frikatif</b>							
Tak bersuara			s				
Bersuara					ʝ		h
<b>Likuida</b>							

Lateral (Sisian)		l
<b>Separuh vokal</b>	w	j

Petunjuk Jadual 6.1:

<b>Kependekan</b>	<b>Maksud</b>
BL	Bilabial (Bibir)
AV	Alveolar (Gigi-gusi)
GLK	Gusi-Lelangit Keras
PL	Palatal (Lelangit Keras)
VL	Velar (Lelangit Lembut)
AT	Anak Tekak
G	Glottis (Pita Suara)

Berdasarkan Jadual 6.1, terdapat enam bunyi konsonan dalam DMS yang terdiri daripada konsonan (i) plosif, (ii) afrikat, (iii) nasal, (iv) frikatif, (v) lateral dan (vi) separuh vokal. Konsonan plosif diwakili oleh konsonan /p/, /t/, /k/, /g/, /q/, /b/, /d/ dan /ʔ/. Konsonan afrikat pula terdiri daripada konsonan /tʃ/ dan /dʒ/. Konsonan nasal pula ialah /m/, /n/, /ŋ/ dan /ŋ/. Seterusnya, konsonan frikatif DMS terdiri daripada /s/, /ʃ/ dan /h/, manakala konsonan lateral pula hanya diwakili konsonan /l/. Akhir sekali, bagi konsonan separuh vokal, terdiri daripada konsonan /w/ dan /j/. Semua fonem konsonan yang dinyatakan tersebut akan dihuraikan dalam bahagian yang selanjutnya.

### 6.1.1 Fonem Konsonan Plosif DMS

DMS memperlihatkan kewujudan tiga jenis konsonan plosif, iaitu (i) plosif tidak bersuara, (ii) bersuara dan (iii) glottis. Ketiga-tiga konsonan plosif telah disenaraikan dalam Jadual 6.2 yang berikut dan disertakan dengan contoh kosa kata dan kedudukan konsonan tersebut dalam perkataan DMS.

Jadual 6.2: Fonem Konsonan Plosif DMS

Konsonan Plosif	Contoh dan Penyebaran Konsonan dalam Perkataan			
	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata	
Tidak bersuara	/p/	/pusaʔ/ (kucing)	/supan/ (malu)	/bətiup/ (bertiup)
		/paluʔ/ (pukul)	/sapa/ (siapa)	/sajap/ (sayap)
Tidak bersuara	/t/	/tətaʔ/ (ketawa)	/mati/ (mati)	/bait/ (baik)
		/tuʔ/ (ini)	/tutoq/ (tumbuk)	/nait/ (naik)
Tidak bersuara	/k/	/kamah/ (kotor)	/ikat/ (ikat)	-
		/kakaʔ/ (kakak)	/iko/ (ekor)	-
Tidak bersuara	/b/	/bini/ (isteri)	/babas/ (semak)	-
		/bapaʔ/ (bapa)	/əmbun/ (kabus)	-
Tidak bersuara	/d/	/dəbu/ (debu)	/dudoq/ (duduk)	-
		/daun/ (daun)	/padoŋ/ (bumbung)	-
Tidak bersuara	/g/	/gəyuʔ/ (leher)	/gigit/ (gigit)	-
		/gijaʔ/ (kunyah)	/gugoʔ/ (jatuh)	-
Tidak bersuara	/ʔ/	-	-	/isiʔ/ (isi)
		-	-	/əeʔ/ (air)
Tidak bersuara	/q/	-	-	/mudaʔ/ (muda)
		-	-	/əmbeloq/ (pusing)
Tidak bersuara	/q/	-	-	/manoq/ (masak)
		-	-	/tutoq/ (tumbuk)

Berdasarkan jadual, konsonan plosif tidak bersuara terdiri daripada konsonan /p/, /t/, dan /k/. Daripada ketiga-tiga konsonan plosif tidak bersuara tersebut, konsonan yang tidak mempunyai kedudukan pada akhir kata ialah konsonan /k/. Jadual tersebut menyenaraikan konsonan /p/ mempunyai penyebaran konsonan yang luas dengan kedudukan pada awal, tengah dan akhir kata. Sebagai contohnya, konsonan /p/ pada awal kata ialah /pusaʔ/ dan /paluʔ/, di pertengahan kata pula ialah /supan/ dan /sapa/, manakala di akhir kata ialah /bətiup/ dan /sajap/.

Menerusi konsonan plosif tidak bersuara /t/ pula, penyebarannya adalah sama seperti konsonan /p/. Hal ini diperlihatkan melalui perkataan /tətaʔ/, /tuʔ/, /mati/, /tutoq/, /bait/ dan /nait/. Berdasarkan penyebaran konsonan plosif /t/ pada akhir perkataan, didapati bahawa berlaku perubahan bunyi yang bersepadan dalam BMS, iaitu bagi perkataan yang berakhir dengan bunyi /-ik/. Dalam DMS, sesetengah perkataan yang berakhir bunyi /-ik/ didapati disebut sebagai /-it/ seperti dalam akhir perkataan /bait/ dan /nait/. Antara contoh yang lain ialah /bilit/ (bilik), /balit/ (balik), /tayit/ (tarik) dan /təyit/ (terik).

Bagi konsonan tidak bersuara /k/ pula, kehadiran fonem tersebut pada awal dan pertengahan kata dapat dibuktikan melalui perkataan /kamah/, /kakaʔ/, /ikat/ dan /iko/. Penyebaran konsonan /k/ pada akhir perkataan DMS tidak berlaku kerana terdapat bunyi-bunyi lain yang digunakan. Bahkan, dalam BMS didapati bahawa bunyi /k/ juga adalah terhad terutamanya pada akhir perkataan dan sering disepadankan dengan bunyi konsonan /ʔ/. Oleh itu, dalam DMS, konsonan /k/ didapati dapat berubah menjadi bunyi plosif yang lain seperti konsonan plosif glotis /ʔ/, plosif gusi /t/, plosif anak tekak /q/. Contoh perubahan bunyi kepada konsonan /ʔ/ ialah /kakaʔ/ (kakak) dan /əmaʔ/ (emak). Perubahan konsonan /k/ menjadi bunyi konsonan /t/ pula ialah /bilit/ (bilik) dan /balit/ (balik), manakala perubahan bunyi kepada /q/ pula ialah /pekaq/ (pekak), /tekaq/ (tekak).

Seterusnya, dalam DMS terdapat tiga jenis konsonan plosif bersuara, antaranya ialah /b/, /d/ dan /g/. Ketiga-tiga jenis konsonan tersebut memperlihatkan persamaan dalam penyebaran konsonan, iaitu hadir pada

awal dan tengah kata sahaja. Sebagai contohnya, konsonan plosif /b/ hadir dalam awal kata seperti /bini/, /bapa?/ dan di pertengahan kata seperti dalam perkataan /babas/ dan /əmbun/. Konsonan plosif /d/ juga memperlihatkan penyebaran konsonan yang sama, iaitu hadir pada awal dan tengah kata seperti dalam perkataan /debu/, /daun/, /dudoq/ dan /padoŋ/. Bagi konsonan plosif /g/ pula, penyebaran konsonan pada awal dan tengah kata diwakili oleh perkataan /gəyũ?/, /gijna?/, /gigit/ dan /gugo?/. Plosif /g/ pada akhir kata didapati tidak ditemukan dalam BMS atau dialek-dialek Melayu yang lain. Namun begitu, plosif /b/ dan /d/ pada akhir kata diperhatikan mempunyai kesepadanan bunyi dalam beberapa perkataan DMS. Kebanyakan perubahan bunyi pada akhir perkataan tersebut berlaku dalam perkataan bahasa asing seperti bahasa Arab. Plosif /b/ dalam akhir perkataan BMS seperti /səbab/, /jawab/ dan /nasib/ disebut dengan konsonan /p/, iaitu /səbap/, /jawab/ dan /nasip/. Hal ini turut sama dengan perkataan yang berakhir dengan /d/ seperti /abad/, /nasyid/ dan /maksud/ yang disebut dalam DMS menjadi /abat/, /nasit/ dan /maqsut/.

Menerusi konsonan plosif glotis /ʔ/ pula, penyebaran konsonan memperlihatkan perbezaan dengan konsonan plosif tidak bersuara dan bersuara, iaitu hanya hadir pada akhir perkataan. Antara contoh perkataan yang berakhir dengan konsonan /ʔ/ ialah /isi?/, /ae?/ dan /muda?/. Hal ini membuktikan bahawa plosif glotis /ʔ/ dalam DMS hanya hadir pada kedudukan akhir perkataan. Kebiasaannya, konsonan /ʔ/ dalam DMS digunakan untuk menggantikan bunyi /k/ atau bagi mengakhiri perkataan yang berakhir dengan huruf vokal seperti /palu?/, /gayũ?/, /gali?/ dan /gugo?/.



Berikutnya, dalam plosif anak tekak /q/, didapati bahawa penyebaran konsonannya hanya berlaku pada akhir kata seperti dalam perkataan /əmbeloq/, /manoq/ dan /tutoq/. Fonem konsonan plosif anak tekak /q/ dalam DMS diperhatikan mempunyai kesepadanan dengan konsonan plosif glotis /ʔ/. Tambahan pula, konsonan /q/ dalam DMS kebanyakannya digunakan untuk menggantikan bunyi yang berakhir dengan konsonan /ʔ/. Sebagai contohnya, perkataan /masaʔ/ dalam BMS disebut sebagai /masaq/ dalam DMS. Begitu juga perkataan /pekaʔ/, /anaʔ/ dan /tembaʔ/ yang disebut sebagai /pekaq/, /anaq/ dan /tembaq/. Walau bagaimanapun, perubahan bunyi daripada /ʔ/ menjadi /q/ dalam DMS adalah terhad dan tidak berlaku terhadap semua perkataan yang berakhir dengan konsonan /ʔ/.

### 6.1.2 Fonem Konsonan Afrikat DMS

Jumlah konsonan afrikat DMS adalah sama dengan BMS, iaitu mempunyai afrikat tidak bersuara /č/ dan afrikat bersuara /j/. Berikut merupakan contoh perkataan dalam DMS yang mengandungi konsonan afrikat.

Jadual 6.3: Fonem Konsonan Afrikat DMS

Konsonan Afrikat	Contoh dan Penyebaran Konsonan dalam Perkataan		
	Awal Kata	Tengah Kata	Belakang Kata
Tidak bersuara /č/	/čačaq/ (tikam)	/ənčuʔi/ (mencuri)	-
	/čačin/ (cacing)	/kačaʔ/ (cantik)	
Bersuara /j/	/jaiʔ/ (jahat)	/taʔjam/ (tajam)	-
	/jaoh/ (jauh)	/səʔoq/ (sejuk)	

Jadual memperlihatkan bahawa kedua-dua konsonan afrikat tersebut mempunyai persamaan dalam aspek penyebaran konsonan, iaitu hanya hadir pada awal dan pertengahan kata dan tidak hadir pada akhir kata. Ketidakhadiran penyebaran konsonan pada akhir kata adalah berbeza dengan BMS. Hal ini kerana BMS mempunyai kehadiran konsonan tersebut pada akhir kata yang dibuktikan melalui perkataan *mac* dan *imej*. Kehadiran konsonan afrikat /č/ dan /j/ pada awal dan pertengahan kata diperlihatkan melalui perkataan /čačaq/, /kačaʔ/, /jaiʔ/ dan /səjoq/. Contoh-contoh perkataan dalam DMS yang memperlihatkan kehadiran konsonan afrikat /č/ dan /j/ dapat dilihat dalam Jadual 6.3.

### 6.1.3 Fonem Konsonan Nasal DMS

DMS menunjukkan kehadiran bunyi konsonan nasal dalam beberapa perkataan. Terdapat empat konsonan nasal yang wujud dalam DMS. Hal ini disertakan dalam jadual yang berikut.

Jadual 6.4: Fonem Konsonan Nasal

Konsonan Nasal	Contoh dan Penyebaran Konsonan dalam Perkataan			
	Awal Kata	Tengah Kata	Belakang Kata	
Bilabial	/m/	/mutah/ (muntah)	/səmpit/ (sempit)	/tikam/ (lempar)
		/madah/ (kata)	/kamah/ (kotor)	/itam/ (hitam)
Gusi	/n/	/napas/ (nafas)	/tunoʔ/ (bakar)	/kanan/ (kanan)
		/nimpi/ (mimpi)	/bunoh/ (bunuh)	/mun/ (kalau)
Lelangit keras	/ɲ/	/ɲa/ (dia)	/gɲaʔ/ (kunyah)	-
		/ɲayu/ (kilat)	/miɲaq/ (minyak)	
Lelangit lembut	/ŋ/	/ŋuap/ (menguap)	/dəŋa/ (dengar)	/uɲaŋ/ (orang)
		/ŋigo/ (mengigau)	/taŋga/ (lihat)	/padonŋ/ (bambung)

Jadual 6.4 menunjukkan bahawa DMS mempunyai konsonan nasal yang terdiri daripada konsonan nasal bilabial /m/, nasal gusi /n/, nasal lelangit keras /ŋ/ dan nasal lelangit lembut /ɲ/. Berdasarkan konsonan nasal bilabial /m/, penyebaran kedudukan konsonan adalah meluas dengan kewujudannya pada awal, tengah dan akhir kata seperti dalam perkataan /mutah/, /səmpit/ dan /itam/.

Konsonan nasal gusi /n/ pula mempunyai penyebaran konsonan yang sama dengan nasal /m/, iaitu hadir pada ketiga-tiga kedudukan dalam perkataan. Perkataan /napas/, /nimpi/, /tunoʔ/, /bunoh/, /kanan/ dan /mun/ membuktikan penyebaran konsonan yang luas tersebut. Walau bagaimanapun, nasal lelangit keras /ŋ/ menunjukkan perbezaan kerana konsonan nasal tersebut tidak hadir pada akhir kata. Penyebaran konsonan hanya terjadi pada awal dan tengah kata seperti dalam perkataan /ŋa/, /ŋayu/, /gɪŋaʔ/ dan /mɪŋaʔ/.

Selanjutnya, penyebaran konsonan nasal /ɲ/ menunjukkan persamaan dengan konsonan nasal /m/ dan /n/, iaitu hadir pada semua kedudukan perkataan. Antara contoh perkataan yang mempunyai konsonan nasal /ɲ/ ialah /ɲuap/, /ɲigo/, /dɛŋa/, /tɛŋga/, /uɣɛŋ/ dan /padɔŋ/. Hal ini telah menjadi bukti bahawa penyebaran konsonan nasal tersebut adalah sama dengan bahasa Melayu standard dan dialek-dialek Melayu yang lain.

#### 6.1.4 Fonem Konsonan Frikatif DMS

Menurut Abdullah Hassan (1980, p. 61), terdapat sembilan konsonan frikatif yang terdiri daripada frikatif tidak bersuara dan bersuara dalam BMS. Hal ini berbeza dengan DMS yang hanya mempunyai tiga konsonan frikatif, iaitu frikatif tidak bersuara /s/, frikatif bersuara /ɣ/ dan frikatif glotis /h/. Contoh perkataan bagi setiap konsonan frikatif yang wujud dalam DMS dipaparkan dalam jadual berikut:

Jadual 6.5: Fonem Konsonan Frikatif DMS

Konsonan Frikatif	Contoh dan Penyebaran Konsonan dalam Perkataan		
	Awal Kata	Tengah Kata	Belakang Kata
Tidak bersuara /s/	/sunje/ (sungai)	/asuʔ/ (anjing)	/atas/ (atas)
	/sine/ (mana)	/linsaʔ/ (kutu)	/manas/ (marah)
Bersuara /ɣ/	/ɣah/ (di)	/kəɣat/ (kerat)	-
	/ɣumah/ (rumah)	/buɣoŋ/ (burung)	
Glotis /h/	-	/dahan/ (dahan)	/dayah/ (darah)
		/bahu/ (bahu)	/polah/ (buat)

Berpandukan jadual, hanya konsonan frikatif /s/ yang memperlihatkan penyebaran yang meluas dalam kedudukan konsonan dalam perkataan. Perkataan /sine/, /asuʔ/ dan /manas/ membuktikan kehadiran konsonan dalam awal, tengah dan akhir perkataan. Berikutnya, konsonan frikatif /ɣ/ pula memperlihatkan kelainan, iaitu hanya hadir pada awal dan tengah kata sahaja. Penyebaran bunyi /ɣ/ pada awal kata dapat dilihat dalam perkataan /ɣah/ dan /ɣumah/, manakala pada pertengahan kata pula ialah /kəɣat/ dan /buɣoŋ/. Kehadiran konsonan /ɣ/ secara tidak langsung menunjukkan bahawa bunyi konsonan tersebut sepadan dengan bunyi konsonan tril /r/ dalam BMS, sekali

gus membuktikan tiada konsonan /r/ dalam DMS. Lazimnya, jika perkataan dalam BMS berakhir dengan konsonan /r/, maka dalam DMS konsonan tersebut akan digugurkan seperti dalam perkataan /bəsa/ (besar), /leba/ (lebar), /dəŋa/ (dengar), /iko/ (ekor) dan /ula/ (ular).

Selanjutnya, bagi frikatif glotis pula, penyebarannya tidak berlaku pada awal kata, melainkan hanya berlaku pada tengah dan akhir kata. Hal ini dapat dilihat menerusi perkataan /dahan/, /bahu/, /dayah/ dan /polah/. Ketiadaan penyebaran /h/ pada awal perkataan berkemungkinan besar adalah disebabkan DMS yang tidak menggunakan frikatif glotis /h/ pada awal perkataan. Hal ini disebabkan kebanyakan perkataan BMS yang mempunyai konsonan /h/ pada awal kata cenderung untuk digugurkan. Misalnya dalam perkataan DMS seperti /ari/ (hari), /ati/ (hati), /isap/ (hisap), /idup/ (hidup), /utan/ (hutan), /itam/ (hitam) dan /ijo/ (hijau) didapati konsonan /h/ digugurkan dan penggunaan huruf vokal adalah sebagai pengganti bagi konsonan /h/.

### **6.1.5 Fonem Konsonan Likuida DMS**

Dalam BMS terdapat dua konsonan likuida yang terdiri daripada konsonan tril /r/ dan konsonan lateral /l/. Walau bagaimanapun, dalam DMS hanya wujud satu konsonan likuida sahaja, iaitu konsonan lateral /l/. Jadual berikut memaparkan contoh perkataan dan penyebaran konsonan /l/.

Jadual 6.6: Fonem Konsonan Likuida DMS

Konsonan Likuida	Contoh dan Penyebaran Konsonan dalam Perkataan		
	Awal Kata	Tengah Kata	Belakang Kata
Lateral /l/	/lidah/ (lidah) /ludah/ (ludah)	/palu?/ (pukul) /gali?/ (gali)	/bətol/ (betul) /təbal/ (tebal)

Penyebaran konsonan lateral /l/ dalam DMS adalah bersepadan dengan penyebarannya dalam BMS. Hal ini dapat dibuktikan melalui kehadiran konsonan /l/ pada awal perkataan /lidah/ dan /ludah/, manakala /palu?/ dan /gali?/ pula pada pertengahan kata dan pada akhir kata melalui perkataan /bətol/ dan /təbal/.

#### 6.1.6 Fonem Konsonan Separuh Vokal DMS

Konsonan separuh vokal dalam DMS terdiri daripada dua, iaitu konsonan separuh vokal bibir /w/ dan separuh vokal gusi-lelangit keras /j/. Berikut dipaparkan contoh perkataan yang memperlihatkan kehadiran konsonan separuh vokal dalam DMS.

Jadual 6.7: Fonem Konsonan Separuh Vokal DMS

Konsonan Separuh Vokal	Contoh dan Penyebaran Konsonan dalam Perkataan		
	Awal Kata	Tengah Kata	Belakang Kata
Bilabial /w/	-	/bawaŋ/ (bawang)	-
Gusi-Lelangit Keras /j/	-	/kaju/ (kayu) /sajap/ (sayap) /sajo/ (sayur)	-

Berpandukan jadual, kedua-dua konsonan separuh vokal menggambarkan persamaan dalam penyebaran konsonan, iaitu hadir pada tengah kata sahaja. Sebagai contohnya, penyebaran konsonan /w/ dalam pertengahan kata dibuktikan melalui perkataan /bawan/, manakala konsonan /j/ pula dalam perkataan /kaju/, /sajap/ dan /sajo/.

## 6.2 Penentuan Fonem Konsonan DMS Berdasarkan Kaedah Pasangan Minimal

Seperti yang dilaksanakan dalam bab yang sebelumnya, status fonem konsonan bagi DMS juga ditentukan menggunakan kaedah pasangan minimal. Oleh itu, berikut merupakan perbandingan pasangan minimal fonem konsonan bagi DMS.

Jadual 6.8: Pasangan Minimal Fonem Konsonan DMS

Bil.	Pasangan Kata	Makna	Taraf Pasangan Minimal	
			Fonem	Alofon
1	/tauʔ/ /taun/	Tahu Tahun	✓	
	/tutoq/ /dudoq/	Tumbuk Duduk	✓	
2	/taun/ /daun/	Tahun Daun	✓	
	/itɔŋ/ /idɔŋ/	Hitung Hidung	✓	
3	/iko/ /ijo/	Ekor Hijau	✓	
	/tajam/ /tanam/	Tajam Tanam	✓	
5	/utan/ /ujan/	Hutan Hujan	✓	
	/ayi/ /api/	Hari Api	✓	
7	/nait/ /bait/	Naik Baik	✓	

Berdasarkan jadual tersebut, terdapat tujuh pasangan minimal fonem konsonan DMS, iaitu (i) /ʔ/ dengan /n/, (ii) /t/ dengan /d/, (iii) /k/ dengan /ʃ/, (iv) /j/ dengan /n/, (v) /t/ dengan /ʃ/, (vi) /ɣ/ dengan /p/ dan (vii) /n/ dengan /b/. Keseluruhan pasangan minimal tersebut merupakan fonem konsonan yang tersendiri kerana memiliki bentuk yang sama tetapi makna yang berlainan.

### 6.3 Fonem Konsonan DMM

Selanjutnya, dalam aspek variasi konsonan pula, didapati bahawa DMM mempunyai sebanyak 21 fonem konsonan. Hal ini diperlihatkan dalam jadual berikut.

Jadual 6.9: Fonem Konsonan DMM

Bunyi Konsonan	Fonem Konsonan DMS (Daerah Sebutan)						
	BL	AV	GLK	PL	VL	AT	G
<b>Plosif</b>							
Tak bersuara	p	t			k	q	ʔ
Bersuara	b	d			g		
<b>Afrikat</b>							
Tak bersuara					č		
Bersuara					ǰ		
<b>Nasal</b>							
	m	n		ɲ	ŋ		
<b>Frikatif</b>							
Tak bersuara			s				h
Bersuara					ɣ		
<b>Likuida</b>							
Tril		r					
Lateral		l					
<b>Separuh vokal</b>							
	w		j				



Petunjuk Jadual 6.9:

<b>Kependekan</b>	<b>Maksud</b>
BL	Bilabial (Bibir)
AV	Alveolar (Gigi-gusi)
GLK	Gusi-Lelangit Keras
PL	Palatal (Lelangit Keras)
VL	Velar (Lelangit Lembut)
AT	Anak Tekak
G	Glottis (Pita Suara)

Jadual 6.9 memaparkan enam jenis bunyi konsonan dalam DMM yang terdiri daripada konsonan (i) plosif, (ii) afrikat, (iii) nasal, (iv) frikatif, (v) likuida dan (vi) separuh vokal. Konsonan plosif DMM diwakili oleh konsonan /p/, /t/, /k/, /g/, /q/, /b/, /d/ dan /ʔ/. Konsonan afrikat pula terdiri daripada konsonan /č/ dan /j/. Konsonan nasal pula ialah /m/, /n/, /ɲ/ dan /ŋ/. Seterusnya, konsonan frikatif DMM terdiri daripada /s/, /y/ dan /h/, manakala konsonan lateral pula diwakili konsonan /r/ dan /l/. Akhir sekali, bagi konsonan separuh vokal, terdiri daripada konsonan /w/ dan /j/. Seluruh fonem konsonan tersebut akan dibincangkan dalam subbahagian yang selanjutnya.

### **6.3.1 Fonem Konsonan Plosif DMM**

Terdapat tiga jenis konsonan plosif dalam DMM, iaitu plosif (i) tidak bersuara, (ii) bersuara dan (iii) glottis. Ketiga-tiga konsonan plosif tersebut disenaraikan dalam Jadual 6.10 yang berikut:

Jadual 6.10: Fonem Konsonan Plosif DMM

Konsonan Plosif	Contoh dan Penyebaran Konsonan dalam Perkataan		
	Awal Kata	Tengah Kata	Akhir Kata
Tidak bersuara	/p/	/puan/ (perempuan) /pandaq/ (pendek)	/kəpalə/ (kepala) /supan/ (malu) /asap/ (asap) /ŋuap/ (menguap)
	/t/	/timboq/ (tembak) /tuə/ (tua)	/mati/ (mati) /jatoh/ (jatuh) /jahot/ (jahat) /gigit/ (gigit)
	/k/	/kat/ (di) /kitə/ (kita)	/bəlakaŋ/ (belakang) /bukaʔ/ (buka) -
Bersuara	/b/	/bəjalon/ (berjalan) /bareŋ/ (baring)	/bubon/ (atap) /tumboh/ (tumbuh) -
	/d/	/dalom/ (dalam) /danau/ (tasik)	/adeʔ/ (adik) /dudoʔ/ (duduk) -
	/g/	/gayom/ (garam) /guyuh/ (guruh)	/pəgi/ (pergi) /dageŋ/ (daging) -
	/ʔ/	-	/iseʔ/ (isi) /ikoʔ/ (ekor) /keciʔ/ (kecil)
Anak tekak	/q/	-	/səjuq/ (sejuk) /naiq/ (naik) /anaq/ (anak)

Berdasarkan Jadual 6.10, konsonan plosif tidak bersuara diwakili oleh konsonan /p/, /t/, dan /k/. Daripada ketiga-tiga konsonan plosif tidak bersuara tersebut, konsonan yang tidak mempunyai penyebaran kedudukan pada akhir kata ialah konsonan /k/. Penyebaran tersebut adalah sama seperti dalam DMS. Konsonan plosif tidak bersuara /p/ mempunyai penyebaran konsonan yang luas dengan kedudukan pada awal, tengah dan akhir kata. Sebagai contohnya, konsonan /p/ pada awal kata ialah /pandaq/ dan /puan/, di pertengahan kata pula ialah /kəpalə/ dan /supan/, manakala di akhir kata ialah /asap/ dan /ŋuap/.

Menerusi konsonan plosif tidak bersuara /t/ pula, penyebarannya adalah sama seperti konsonan /p/. Hal ini diperlihatkan melalui perkataan /timboq/, /tuə/, /mati/, /jatoh/, /jahot/ dan /gigit/. Bagi konsonan tidak bersuara /k/ pula, kehadiran fonem tersebut pada awal dan pertengahan kata dapat dibuktikan melalui perkataan /kat/, /kitə/, /bəlakəŋ/ dan /bukaʔ/. Penyebaran konsonan /k/ pada akhir perkataan dalam DMM tidak berlaku. Hal ini adalah sama seperti dalam DMS dan juga BMS yang memperlihatkan keterbatasan terhadap perkataan yang berakhir dengan konsonan /k/.

Berikutnya, dalam DMM terdapat tiga jenis konsonan plosif bersuara, antaranya ialah /b/, /d/ dan /g/. Ketiga-tiga jenis konsonan tersebut memperlihatkan persamaan dalam penyebaran konsonan, iaitu hadir pada awal dan tengah kata sahaja. Sebagai contohnya, konsonan plosif /b/ hadir dalam awal kata seperti /bəjalon/ dan /bareŋ/ dan di pertengahan kata seperti dalam perkataan /buboŋ/ dan /tumboh/. Konsonan plosif /d/ juga memperlihatkan penyebaran konsonan yang sama, iaitu hadir pada awal dan tengah kata seperti dalam perkataan /dalom/, /danau/, /adeʔ/ dan /dudoʔ/. Bagi konsonan plosif /g/ pula, penyebaran konsonan pada awal dan tengah kata diwakili oleh perkataan /gayom/, /guyuh/, /pəgi/ dan /dageŋ/. Berdasarkan pemerhatian, konsonan plosif /g/ pada akhir kata didapati tidak ditemukan juga dalam DMS mahupun BMS. Namun begitu, plosif /b/ dan /d/ pada akhir kata dalam DMM adalah sama bentuknya dengan DMS, terutamanya perkataan dalam bahasa Melayu yang diserap daripada bahasa asing. Persamaan bunyi /b/ dan /d/ pada akhir perkataan antara DMM dengan DMS

dibuktikan melalui perkataan /abat/ (abad), /jawab/ (jawab), /nasip/ (nasib) dan səbap (sebab).

Seterusnya, menerusi konsonan plosif glotis /ʔ/, penyebaran konsonan hanya hadir pada akhir perkataan. Antara contoh perkataan yang berakhir dengan konsonan /ʔ/ ialah /iseʔ/, /ikoʔ/ dan /keciʔ/. Hal ini membuktikan bahawa plosif glotis /ʔ/ dalam DMM adalah sama fungsinya dengan DMS, iaitu digunakan untuk menggantikan bunyi /k/ atau melengkapkan perkataan yang berakhir dengan fonem vokal.

Selanjutnya, dalam plosif anak tekak /q/, didapati bahawa penyebaran konsonannya juga hanya berlaku pada akhir kata seperti dalam perkataan /səjuq/, /naiq/ dan /anaq/. Fonem konsonan plosif anak tekak /q/ dalam DMM berfungsi untuk menggantikan bunyi konsonan dalam DMS dan BMS seperti plosif glotis /ʔ/ dan plosif tidak bersuara /t/. Sebagai contohnya, bunyi /ʔ/ dalam perkataan BMS /səjuʔ/ dan /anaʔ/ digantikan dengan konsonan /q/ menjadi /səjuq/ dan /anaq/. Begitu juga dengan perkataan dalam DMS yang berakhir dengan /t/, iaitu /nait/ yang berubah menjadi /naiq/ kerana digantikan dengan konsonan /q/.

### **6.3.2 Fonem Konsonan Afrikat DMM**

Jumlah konsonan afrikat DMM adalah sama dengan DMS, iaitu mempunyai afrikat tidak bersuara /č/ dan afrikat bersuara /j/. Berikut merupakan contoh perkataan dalam DMS yang mengandungi konsonan afrikat.

Jadual 6.11: Fonem Konsonan Afrikat DMM

Konsonan Afrikat	Contoh dan Penyebaran Konsonan dalam Perkataan		
	Awal Kata	Tengah Kata	Belakang Kata
Tidak bersuara /č/	/čium/ (cium)	/čačeŋ/ (cacing)	-
	/čuŋiʔ/ (curi)	/kəčiʔ/ (kecil)	
Bersuara /j/	/jait/ (jahit)	/anjeŋ/ (anjing)	-
	/jatoh/ (jatuh)	/ijo/ (hijau)	

Jadual memperlihatkan bahawa kedua-dua konsonan afrikat tersebut mempunyai persamaan dalam aspek penyebaran konsonan, iaitu hanya hadir pada awal dan pertengahan kata dan tidak hadir pada akhir kata. Kehadiran konsonan afrikat /č/ dan /j/ pada awal dan pertengahan kata diperlihatkan melalui perkataan /čium/, /čačeŋ/, /jatoh/ dan /anjeŋ/. Contoh-contoh perkataan dalam DMM yang memperlihatkan kehadiran konsonan afrikat /č/ dan /j/ dapat dilihat dalam Jadual 6.11.

### 6.3.3 Fonem Konsonan Nasal DMM

DMM memperlihatkan kewujudan empat konsonan nasal yang sama seperti DMS serta dialek-dialek Melayu yang lain. Konsonan-konsonan nasal tersebut telah disenaraikan dalam jadual yang berikut.

Jadual 6.12: Fonem Konsonan Nasal DMM

Konsonan Nasal	Contoh dan Penyebaran Konsonan dalam Perkataan		
	Awal Kata	Tengah Kata	Belakang Kata
Bilabial /m/	/mulut/ (mulut)	/mimpi/ (mimpi)	/tajam/ (tajam)
	/miŋaq/ (minyak)	/əmaʔ/ (emak)	/tanam/ (tanam)
Gusi /n/	/napas/ (nafas)	/tanah/ (tanah)	/makan/ (makan)
	/naŋis/ (menangis)	/kuneŋ/ (kuning)	/ikan/ (ikan)

Lelangit keras	/ɲ/	/ɲajə/ (menyiksa) /ɲatə/ (nyata)	/kujah/ (kunyah) /mijəq/ (minyak)	-
Lelangit lembut	/ŋ/	/ŋuap/ (menguap) /ŋalir/ (mengalir)	/pəŋayaq/ (awan) /aŋen/ (angin)	/panjəŋ/ (panjang) /bəyənəŋ/ (berenang)

Jadual 6.12 menggambarkan bahawa dalam DMM mempunyai konsonan nasal yang terdiri daripada konsonan nasal bilabial /m/, nasal gusi /n/, nasal lelangit keras /ɲ/ dan nasal lelangit lembut /ŋ/. Berdasarkan konsonan nasal bilabial /m/, penyebaran kedudukan konsonan tersebut adalah meluas dengan kewujudannya pada awal, tengah dan akhir kata seperti dalam perkataan /mulut/, /mimpi/ dan /tajam/.

Konsonan nasal gusi /n/ pula mempunyai penyebaran konsonan yang sama dengan nasal /m/, iaitu hadir pada ketiga-tiga kedudukan dalam perkataan. Perkataan /napas/ /naŋis/, /tanah/, /kuneŋ/, /makan/ dan /ikan/ menunjukkan penyebaran konsonan yang luas tersebut. Walau bagaimanapun, nasal lelangit keras /ɲ/ menunjukkan perbezaan kerana penyebaran konsonan tersebut tidak wujud pada akhir perkataan. Penyebaran /ɲ/ hanya berlaku pada awal dan tengah perkataan seperti dalam perkataan /ɲajə/, /ɲatə/, /kujah/ dan /mijəq/.

Berikutnya, bunyi konsonan nasal /ŋ/ memperlihatkan persamaan dengan konsonan nasal /m/ dan /n/, iaitu penyebarannya wujud pada semua kedudukan perkataan. Antara contoh perkataan yang mempunyai konsonan nasal /ŋ/ ialah /ŋuap/, /ŋalir/, /pəŋayaq/, /aŋen/, /panjəŋ/ dan /bəyənəŋ/. Hal ini telah mengukuhkan andaian awal bahawa bentuk penyebaran konsonan DMM ada bersepadan dengan DMS.

### 6.3.4 Fonem Konsonan Frikatif DMM

Fonem konsonan frikatif dalam DMM didapati sama seperti DMS, iaitu mempunyai tiga jenis fonem konsonan frikatif, iaitu frikatif tidak bersuara /s/, frikatif bersuara /ɣ/ dan frikatif glotis /h/. Jadual berikut memaparkan contoh perkataan yang mempunyai konsonan frikatif dan penyebarannya dalam perkataan.

Jadual 6.13 Fonem Konsonan Frikatif DMM

Konsonan Frikatif	Contoh dan Penyebaran Konsonan dalam Perkataan		
	Awal Kata	Tengah Kata	Belakang Kata
Tidak bersuara /s/	/susu/ (susu)	/basaʔ/ (basah)	/kabus/ (embun)
	/sajap/ (sayap)	/iseʔ/ (isi)	/agas/ (agas)
Bersuara /ɣ/	/ɣəboʔ/ (semak)	/pəɣut/ (perut)	-
		/uɣaŋ/ (orang)	
Glotis /h/	-	/dahan/ (dahan)	/lidoh/ (lidah)
		/bahu/ (bahu)	/bəloh/ (belah)

Jadual 6.13 yang berikut menunjukkan bahawa konsonan frikatif /s/, mempunyai penyebaran yang meluas dalam perkataan. Perkataan /susu/, /basaʔ/, /kabus/, /sine/, /asuʔ/ dan /manas/ membuktikan kehadiran konsonan dalam awal, tengah dan akhir perkataan. Berikutnya, menerusi konsonan frikatif /ɣ/ pula menunjukkan perbezaan, iaitu hadir pada awal dan tengah kata sahaja. Penyebaran bunyi konsonan /ɣ/ pada awal kata dapat dilihat dalam perkataan /ɣəboʔ/, manakala pada pertengahan kata pula ialah /pəɣut/ dan /uɣaŋ/. Berdasarkan contoh-contoh tersebut, konsonan /ɣ/ mempunyai fungsi yang sama dengan konsonan trill /r/.

Selanjutnya, bagi frikatif glotis pula, penyebarannya tidak berlaku pada awal kata, melainkan hanya berlaku pada tengah dan akhir kata. Hal ini dapat dilihat menerusi perkataan /dahan/, /bahu/, /lidoh/ dan /bəloh/. Hal ini menguatkan kesimpulan bahawa dalam DMM tidak mempunyai penyebaran bunyi konsonan /h/ pada awal perkataan. Di samping itu, bentuk penyebaran tersebut adalah menyamai DMS, iaitu penyebaran konsonan /h/ hanya terdapat pada pertengahan dan akhir perkataan. Pemerhatian terhadap senarai perkataan mendapati bahawa, kebanyakan perkataan yang bermula dengan konsonan /h/ dalam BMS akan digugurkan dalam DMM dan akan dimulakan dengan bunyi vokal. Sebagai contohnya, perkataan dalam BMS seperti /hiduŋ/ akan disebut /iduŋ/ dalam DMM, /hisap/ akan disebut /isap/, /hujan/ menjadi /uʃan/ dan /hidup/ disebut sebagai /idup/.

### 6.3.5 Fonem Konsonan Likuida DMM

Tidak seperti DMS, DMM mempunyai dua konsonan likuida yang terdiri daripada konsonan lateral /l/ dan konsonan tril /r/. Jadual berikut memaparkan contoh perkataan dan penyebaran konsonan /l/ dan /r/ dalam DMM.

Jadual 6.14: Fonem Konsonan Likuida DMM

Konsonan Likuida	Contoh dan Penyebaran Konsonan dalam Perkataan		
	Awal Kata	Tengah Kata	Belakang Kata
Lateral /l/	/laki/ (laki)	/tali/ (tali)	/pukul/ (pukul)
	/lihe/ (leher)	/bəli/ (beli)	/təbol/ (tebal)
Tril /r/	/reŋit/ (nyamuk)	/bareŋ/ (baring)	-
		/buruŋ/ (burung)	



Bentuk penyebaran konsonan lateral /l/ dalam DMM adalah sama dengan DMS. Hal ini dapat dibuktikan melalui kehadiran konsonan /l/ pada awal perkataan /laki/ dan /lihe/, manakala perkataan /tali/ dan /bəli/ pula mewakili penyebaran pada pertengahan kata dan penyebaran konsonan tersebut pada akhir kata adalah seperti dalam perkataan /pukul/ dan /təbol/.

Seterusnya, penyebaran konsonan likuida tril /r/ menunjukkan perbezaan dengan konsonan lateral kerana penyebaran konsonan tersebut berlaku pada awal dan tengah perkataan sahaja. Perkataan seperti /reŋit/, /bareŋ/ dan /buruŋ/ merupakan contoh-contoh yang membuktikan kehadiran konsonan tril dalam DMM. Jika dibandingkan antara DMM dengan DMS, didapati bahawa hanya DMM yang mempunyai kewujudan bagi fonem konsonan likuida tril /r/.

### 6.3.6 Fonem Konsonan Separuh Vokal DMM

Terdapat dua jenis konsonan separuh vokal yang wujud dalam DMM. Antaranya ialah konsonan separuh vokal bilabial /w/ dan separuh vokal gusi-lelangit keras /j/. Berikut merupakan contoh-contoh perkataan yang memperlihatkan kehadiran konsonan separuh vokal dalam DMM.

Jadual 6.15: Fonem Konsonan Separuh Vokal DMM

Konsonan Separuh Vokal	Contoh dan Penyebaran Konsonan dalam Perkataan		
	Awal Kata	Tengah Kata	Belakang Kata
Bilabial /w/	-	/tawəʔ/ (ketawa) /bawoh/ (bawah)	-

Gusi-Lelangit	/j/	-	/ajam/ (ayam)	-
Keras			/kaju/ (kayu)	

Jadual tersebut menunjukkan bahawa bentuk penyebaran konsonan separuh vokal dalam dalam DMM adalah sama, iaitu hadir pada pertengahan perkataan sahaja. Sebagai contohnya, penyebaran konsonan /w/ diperlihatkan menerusi perkataan /tawaʔ/ dan /bawah/, manakala bagi konsonan /j/ pula dalam perkataan /ajam/ dan /kaju/.

#### 6.4 Penentuan Fonem Konsonan DMM Berdasarkan Kaedah Pasangan Minimal

Berpandukan penganalisan fonem konsonan DMM dalam subbahagian sebelumnya, telah dikenal pasti 21 jenis fonem konsonan dalam DMM. Oleh itu, dalam subbahagian ini, dibandingkan pasangan minimal bagi fonem konsonan DMM bagi menentusahkan taraf fonem tersebut.

Jadual 6.16: Pasangan Minimal Fonem Konsonan DMM

Bil.	Pasangan Kata	Makna	Taraf Pasangan Minimal	
			Fonem	Alofon
1	/datəŋ/	Datang	✓	
	/batəŋ/	Pokok		
2	/taun/	Tahun	✓	
	/daun/	Daun		
3	/najə/	Menyiksa	✓	
	/natə/	Nyata		
4	/tajam/	Tajam	✓	
	/tanam/	Tanam		
5	/manə/	Mana	✓	
	/matə/	Mata		
6	/katə/	Kata	✓	
	/matə/	Mata		
7	/ayi/	Hari	✓	
	/api/	Api		

8	/ati/ /api/	Hati Api	✓
9	/kire/ /kitə/	Kira Kita	✓
10	/naiq/ /baiq/	Naik Baik	✓
11	/aka/ /apa/	Akar Apa	✓

Berdasarkan jadual, terdapat 11 pasangan minimal bagi fonem konsonan DMM. Semua pasangan minimal tersebut memperlihatkan kemiripan dari segi bentuk, tetapi mempunyai perbezaan pada maksudnya. Oleh itu, dapatlah dinyatakan bahawa kesemua pasangan tersebut berstatus fonem dan merupakan fonem konsonan yang tersendiri.

## 6.5 Kesepadanan Konsonan DMM dan DMS

Setelah senarai 230 perkataan disemak semula, didapati bahawa terdapat enam jenis kesepadanan konsonan yang terdapat dalam DMM dan DMS. Antara kesepadanan konsonan yang wujud ialah (i) /r/ ≈ /y/, (ii) /ʔ/ ≈ /q/, (iii) /ʔ/ ≈ /h/, (iv) /ŋ/ ≈ /n/ (v) /q/ ≈ /t/ dan (vi) /m/ ≈ /n/. Oleh itu, dalam subbahagian yang seterusnya dihuraikan kesepadanan konsonan antara DMM dengan DMS berserta contoh perkataan.

### 6.5.1 Kesepadanan Konsonan /r/ ≈ /y/

Kesepadanan konsonan /r/ ≈ /y/ dalam DMM dan DMS adalah yang paling dominan berlaku dalam kedua-dua dialek tersebut. Hal ini kerana kesepadanan konsonan tersebut yang menunjukkan ciri yang dimiliki setiap

dialek. Contoh perkataan yang menunjukkan kesepadanan konsonan /r/ ≈ /ɣ/ dapat diperhatikan melalui jadual berikut:

Jadual 6.17: Kesepadanan Konsonan /r/ ≈ /ɣ/

Bil.	Contoh Kesepadanan Konsonan	Terjemahan
1.	DMM /daroh/ ≈ /dayah/ DMS	Darah
2.	DMM /bədiri/ ≈ /bədiyi/ DMS	Berdiri
3.	DMM /kərjə/ ≈ /kəɣja/ DMS	Kerja
4.	DMM /buruŋ/ ≈ /buɣoŋ/ DMS	Burung
5.	DMM /tərəboŋ/ ≈ /təɣəboŋ/ DMS	Terbang
6.	DMM /rumput/ ≈ /ɣumput/ DMS	Rumput

Kesepadanan bunyi konsonan /r/ ≈ /ɣ/ dapat diperhatikan menerusi Jadual 6.17 berdasarkan perkataan ‘darah’, ‘berdiri’, ‘kerja’, ‘burung’, ‘terbang’ dan rumput. Jadual tersebut menunjukkan bahawa DMM lebih cenderung untuk mengekalkan fonem konsonan tril /r/, iaitu sama seperti dalam BMS bagi keenam-enam contoh perkataan tersebut. Walau bagaimanapun, didapati bahawa DMS tidak mengekalkan sebutan konsonan tril /r/, sebaliknya digantikan dengan konsonan frikatif bersuara lelangit lembut /ɣ/. Misalnya, perkataan ‘darah’ disebut sebagai /dayah/, ‘berdiri’ disebut /bədiyi/, ‘kerja’ pula disebut /kəɣja/ dan begitu pula dengan konsonan tril /r/ yang lain dalam perkataan ‘burung’, ‘terbang’ dan ‘rumput’ yang menggunakan konsonan frikatif /ɣ/.

Hal ini menunjukkan bahawa DMS tidak mempunyai kewujudan konsonan tril /r/, manakala DMM memiliki kedua-dua fonem konsonan tril /r/ dan konsonan frikatif /ɣ/. Contoh perkataan yang mempunyai konsonan tril /r/ dalam DMM adalah seperti dalam Jadual 6.17, manakala konsonan frikatif

/ɣ/ pula ialah /kiyiʔ/ (kiri), /bəyənɔŋ/ (berenang), /peɣut/ (perut), /uɣaŋ/ (orang), /ʃayum/ (jarum) dan /čuyiʔ/ (curi).

### 6.5.2 Kesepadanan Konsonan /ʔ/ ≈ /q/

Bagi kesepadanan konsonan /ʔ/ ≈ /q/ pula, didapati bahawa kewujudannya dalam DMM dan DMS adalah agak terbatas. Semakan terhadap senarai kata mendapati bahawa hanya satu sahaja perkataan yang mempunyai kesepadanan tersebut. Hal ini dibuktikan melalui contoh seperti yang terkandung dalam Jadual 6.18.

Jadual 6.18: Kesepadanan Konsonan /ʔ/ ≈ /q/

Bil.	Contoh Kesepadanan Konsonan	Terjemahan
1.	DMM /dudoʔ/ ≈ /dudoq/ DMS	Duduk

Jadual tersebut memaparkan satu sahaja contoh yang membuktikan kesepadanan antara konsonan plosif glotis /ʔ/ dalam DMM dengan konsonan plosif anak tekak /q/ dalam DMS menerusi perkataan ‘duduk’. Dalam DMM, konsonan plosif /ʔ/ digunakan untuk menutup bunyi vokal /o/ yang membentuk sebutan /dudoʔ/, manakala bagi DMS pula, konsonan plosif /q/ membentuk sebutan /dudoq/. Meskipun sebutan bagi perkataan ‘duduk’ dalam DMM dan DMS adalah berlainan, namun diteliti bahawa kedua-dua dialek masih lagi menggunakan konsonan plosif untuk mengakhiri perkataan tersebut. Tetapi, ciri yang membezakan bunyi konsonan plosif tersebut adalah

pada titik artikulasi, iaitu konsonan /ʔ/ merupakan plosif glotis, manakala konsonan /q/ merupakan plosif anak tekak.

### 6.5.3 Kesepadanan Konsonan /ʔ/ ≈ /h/

Selanjutnya, kesepadanan konsonan /ʔ/ ≈ /h/ adalah turut sama seperti yang dibincangkan dalam kesepadanan konsonan /ʔ/ ≈ /q/, iaitu agak terbatas dalam penggunaan perkataan DMM dan DMS. Didapati bahawa terdapat satu contoh perkataan yang membuktikan kewujudan kesepadanan konsonan tersebut. Berikut merupakan contoh perkataan dalam DMM dan DMS yang memperlihatkan kesepadanan konsonan /ʔ/ ≈ /h/.

Jadual 6.19: Kesepadanan Konsonan /ʔ/ ≈ /h/

Bil.	Contoh Kesepadanan Konsonan	Terjemahan
1.	DMM /basaʔ/ ≈ /basah/ DMS	Basah

Berdasarkan jadual, perkataan ‘basah’ masih menunjukkan persamaan bentuknya dalam kedua-dua dialek yang dikaji. Namun, perbezaan yang terdapat dalam perkataan tersebut ialah DMM menggunakan /ʔ/ pada akhir perkataan, manakala DMS mengekalkan sebutan sama seperti BMS, iaitu menggunakan konsonan /h/ bagi mengakhiri perkataan. Oleh itu, sebutan perkataan ‘basah’ dalam DMM ialah /basaʔ/, manakala DMS pula ialah /basah/. Peralihan bunyi konsonan plosif glotis /ʔ/ kepada konsonan frikatif glotis /h/ menunjukkan bahawa kedua-dua konsonan tersebut bersepadan kerana mempunyai fungsi dan makna yang sama.

#### 6.5.4 Kesepadanan Konsonan /ŋ/ ≈ /n/

Berikutnya, DMM dan DMS memperlihatkan kesepadanan bunyi antara konsonan nasal /ŋ/ dengan /n/. Hal ini dapat ditelusuri melalui jadual yang berikut:

Jadual 6.20: Kesepadanan Konsonan /ŋ/ ≈ /n/

<b>Bil.</b>	<b>Contoh Kesepadanan Konsonan</b>	<b>Terjemahan</b>
1.	DMM /dageŋ/ ≈ /dagin/ DMS	Daging
2.	DMM /čačəŋ/ ≈ /čačin/ DMS	Cacing
3.	DMM /kəyəŋ/ ≈ /kəyin/ DMS	Kering
4.	DMM /kuneŋ/ ≈ /kunin/ DMS	Kuning

Jadual 6.20 memaparkan kesepadanan konsonan /ŋ/ ≈ /n/ yang ditunjukkan melalui perkataan ‘daging’, ‘cacing’, ‘kering’ dan ‘kuning’. Secara umumnya, kedua-dua dialek tersebut masih lagi menunjukkan bentuk perkataan yang sama dengan BMS. Walau bagaimanapun, ciri yang membezakan kedua-dua dialek adalah terhadap penggunaan konsonan nasal /ŋ/ dan /n/. DMM memperlihatkan ciri yang sama dengan BMS, iaitu mengekalkan bunyi konsonan /ŋ/ pada akhir perkataan, sebaliknya DMS pula adalah berbeza kerana menggunakan konsonan /n/ bagi mengakhiri perkataan-perkataan seperti dalam contoh yang terdapat dalam Jadual 6.20. Perbezaan penggunaan konsonan /ŋ/ dan /n/ dalam kedua-dua dialek masih lagi dapat difahami dengan jelas dan tidak menjejaskan maksud perkataan. Hal ini membuktikan bahawa kedua-dua konsonan tersebut mempunyai kesepadanan.

### 6.5.5 Kesepadanan Konsonan /q/ ≈ /t/

Jadual berikut memaparkan kesepadanan bunyi dalam DMM dan DMS bagi konsonan plosif anak tekak /q/ dan konsonan plosif gusi /t/.

Jadual 6.21: Kesepadanan Konsonan /q/ ≈ /t/

Bil.	Contoh Kesepadanan Konsonan	Terjemahan
1.	DMM /baiq/ ≈ /bait/ DMS	Baik
2.	DMM /naiq/ ≈ /nait/ DMS	Naik

Perkataan yang menunjukkan kesepadanan antara DMM dengan DMS ialah 'baik' dan 'naik'. Dalam DMM, perkataan tersebut disebut /baiq/ dan /naiq/, manakala dalam DMS pula disebut /bait/ dan /nait/. DMM menggunakan konsonan /q/, manakala DMS pula menggunakan konsonan /t/ bagi mengakhiri perkataan 'baik' dan 'naik'. Secara tidak langsung, kedua-dua konsonan tersebut memperlihatkan hubungan kesepadanan yang mempunyai peranan dan memberikan pengertian yang sama bagi perkataan yang dimaksudkan.

### 6.5.6 Kesepadanan Konsonan /m/ ≈ /n/

Akhir sekali, kesepadanan konsonan yang timbul dalam DMM dan DMS ialah konsonan /m/ dan /n/. Namun begitu, penggunaan perkataan tersebut adalah terbatas dan dapat diperhatikan menerusi satu contoh dalam Jadual 6.22 yang berikut:



Jadual 6.22: Kesepadanan Konsonan /m/ ≈ /n/

Bil.	Contoh Kesepadanan Konsonan	Terjemahan
1.	DMM /mimpi/ ≈ /nimpi/ DMS	Mimpi

Berdasarkan jadual, perkataan ‘mimpi’ telah membuktikan bahawa wujudnya kesepadanan bunyi bagi konsonan nasal /m/ dan /n/. DMM masih lagi mempertahankan ciri bunyi dalam BMS, manakala DMS pula adalah sebaliknya. Hal ini kerana dalam DMS penuturnya didapati mengujarkan perkataan ‘mimpi’ sebagai /nimpi/, iaitu penggantian konsonan nasal /m/ kepada /n/. Walau bagaimanapun, tidak semua perkataan yang berawal dengan konsonan /m/ akan digantikan dengan /n/ dalam DMS. Hal ini kerana penggunaan perkataan yang tersebut adalah agak terhad dan tidak meluas. Namun, perbezaan yang berlaku terhadap bunyi perkataan ‘mimpi’ antara kedua-dua dialek masih lagi dapat difahami dengan jelas dan menunjukkan kesepadanan yang ketara. Oleh itu, dalam bahagian yang seterusnya, dihuraikan kesimpulan dalam bab ini.

## 6.6 Kesimpulan


Kesimpulannya, bab ini telah menganalisis aspek variasi fonem konsonan dan kesepadanan yang terdapat dalam DMS dan DMM. Dalam aspek fonem konsonan, terdapat 20 fonem vokal dalam DMS yang terdiri daripada /p/, /t/, /k/, /g/, /q/, /b/, /d/, /ʀ/, /č/, /j/, /m/, /n/, /ɲ/, /s/, /ʃ/, /h/, /l/, /w/ dan /j/. Di samping itu, dalam DMM pula hampir sama dengan DMS cuma terdapat satu pertambahan fonem konsonan, iaitu fonem konsonan /r/. Akhir sekali, analisis dalam bab ini telah memperlihatkan enam jenis kesepadanan fonem konsonan, iaitu kesepadanan konsonan (i) /r/ ≈ /ʃ/,

(ii) /ʔ/ ≈ /q/, (iii) /ʔ/ ≈ /h/, (iv) /ŋ/ ≈ /n/, (v) /q/ ≈ /t/ dan (vi) /m/ ≈ /n/. Oleh itu, dalam bab yang selanjutnya akan membincangkan dapatan dan memberikan kesimpulan terhadap analisis yang telah dijalankan dalam Bab 4, 5 dan 6 secara keseluruhan.

Universiti Malaya

## **BAB 7: DAPATAN DAN KESIMPULAN**

Bab ini akan memberikan dapatan kesimpulan terhadap kajian yang telah dijalankan. Pertama, berdasarkan analisis terhadap tingkat kekerabatan antara DMS dengan DMM, dapatlah dirumuskan bahawa kedua-dua dialek tersebut merupakan bahasa yang berada dalam kelompok keluarga yang sama kerana mempunyai peratus kekerabatan yang agak tinggi, iaitu sebanyak 78.85%. Hal ini telah berjaya membuktikan bahawa DMS dan DMM mempunyai hubungan sanak yang dekat dengan anggaran abad pisahnya dari 5 abad hingga 25 abad. Peratus kedekatan antara kedua-dua bahasa tersebut yang agak tinggi telah membawa kepada klasifikasi dan gambaran awal tentang pengelompokan bagi DMM. Seperti yang telah dibincangkan sebelumnya, DMS (subdialek Kuching) telah diperakui oleh para sarjana seperti James T. Collins (1983) menerusi kajiannya bahawa DMS merupakan kelompok bahasa yang berada di bawah cabang Borneo Barat. Oleh itu, DMM juga wajar dikelompokkan di bawah cabang Borneo Barat kerana mempunyai hubungan yang dekat dengan DMS. Pengelompokan kedua-dua bahasa tersebut digambarkan melalui rajah berikut:



Rajah 7.1: Pengelompokan DMS (Kuching) dan DMM di Bawah Cabang Borneo Barat

Berdasarkan Rajah 7.1, digambarkan secara jelas kedudukan bagi pengelompokan terhadap kedua-dua dialek yang dikaji. DMS (subdialek Kuching) dikelompokkan di bawah ranting Borneo Barat, manakala DMM pula berada di bawah ranting Natuna dan dikhususkan di bawah kelompok varian Natuna Kepulauan. Pengelompokan tersebut adalah sesuai kerana mengambil kira faktor kedudukan geografi, di samping peratusan yang agak tinggi. Tambahan pula, walau terdapat perbezaan dalam aspek leksikal, namun sistem dan struktur fonologi dalam kedua-dua dialek adalah hampir sama. Meskipun, kedua-duanya merupakan dialek yang mempunyai persamaan, namun dialek-dialek tersebut tidak dapat dikategorikan sebagai satu dialek yang sama. Hal ini kerana bahasa pemencaran DMS dan DMM adalah berbeza. Walau bagaimanapun, perkara yang menjadi kepastian ialah DMS

dan DMM dipencarkan oleh sebuah bahasa Melayu purba, iaitu bahasa Melayu purba kelompok Borneo Barat.

Kedua, berdasarkan analisis terhadap variasi fonem yang terkandung dalam kedua-dua dialek, ditemukan ciri utama yang membezakan fonem DMS dengan DMM. Bagi DMS, fonemnya ditandai dengan kewujudan enam vokal, empat diftong dan 20 konsonan. Fonem vokal dalam DMS adalah terdiri daripada vokal /i/, /e/, /a/, /ə/, /u/ dan /o/. Bunyi diftong pula terdiri daripada diftong /-ai/, /-oi/, /-au/ dan /-ao/. Fonem konsonan pula terdiri daripada konsonan /p/, /t/, /k/, /q/, /ʔ/, /b/, /d/, /g/, /č/, /j/, /m/, /n/, /ɲ/, /ŋ/, /s/, /ʃ/, /h/, /l/, /w/ dan /j/.

DMM pula memperlihatkan perbezaan dengan DMS kerana mempunyai pertambahan satu fonem bagi vokal dan konsonan. Kajian juga mendapati bahawa bunyi diftong antara DMM dengan DMS adalah sama. DMM mempunyai tujuh fonem vokal, iaitu vokal /i/, /e/, /a/, /ə/, /u/, /o/ dan /ɔ/. Bagi fonem konsonan pula, terdapat 21 fonem yang terdiri daripada konsonan /p/, /t/, /k/, /q/, /ʔ/, /b/, /d/, /g/, /č/, /j/, /m/, /n/, /ɲ/, /ŋ/, /s/, /ʃ/, /h/, /r/, /l/, /w/ dan /j/.

Berdasarkan variasi fonem DMS dan DMM tersebut, dirumuskan bahawa fonem DMS dan DMM adalah hampir sama, namun yang membezakan antara kedua-dua fonem tersebut ialah bunyi /ɔ/ dan /r/. Sebagai contoh, DMS menggunakan /ɣ/ untuk menyebut perkataan yang mempunyai bunyi /r/. Namun begitu, DMM menunjukkan penggunaan /ɣ/ dan /r/ yang tidak menentu dan sukar dijangka dalam perkataannya. Hal ini mengukuhkan pandangan bahawa DMM lebih dinamik.

Ketiga, kajian juga telah menemukan dua bentuk kesepadanan bunyi, iaitu kesepadanan vokal dan kesepadanan konsonan. Kesepadanan vokal terdiri daripada lima bentuk, iaitu /i/ ≈ /e/, /a/ ≈ /o/, /a/ ≈ /ə/, /a/ ≈ /ɔ/ dan /u/ ≈ /o/. Kesepadanan

konsonan pula terdiri daripada enam bentuk, iaitu /r/ ≈ /ʁ/, /ʔ/ ≈ /q/, /ʔ/ ≈ /h/, /ŋ/ ≈ /n/, /q/ ≈ /t/ dan /m/ ≈ /n/. Secara tidak langsung, kesepadanan bunyi tersebut telah menunjukkan bahawa wujudnya perubahan bunyi antara dialek tersebut, namun perubahan bunyi tersebut didapati masih lagi bersepadan kerana tidak mengubah maksud perkataan dan mengubah keseluruhan bentuk perkataan. Tambahan pula, ciri utama DMM, iaitu kesepadanan bunyi /a/ ≈ /ə/ membuktikan DMM menyamai dialek Melayu Pontianak. Hal ini menimbulkan persoalan dan andaian berkemungkinan besar dialek Melayu Sambas dan Pontianak berkait rapat dengan DMM. Namun, kajian lanjutan berkenaan hal tersebut perlulah dijalankan bagi menjawab persoalan dan andaian tersebut.

Perbincangan kajian terhadap tingkat kekerabatan, variasi fonem dan kesepadanan bunyi bagi DMS dan DMM telah membuktikan bahawa kajian perbandingan dialek rentas negara secara ilmiah adalah penting kerana mampu memperlihatkan ciri-ciri linguistik dan kesalinghubungan dialek. Kajian terhadap aspek fonologi telah berjaya merungkai dengan jelas ciri-ciri yang terdapat dalam bahasa. Oleh itu, kajian ini sememangnya memberikan implikasi yang positif terhadap bidang linguistik bandingan.

Kajian ini mampu menyumbang terhadap kelompangan data dalam kajian yang lepas terutamanya mengenai kajian terhadap DMM. Seperti yang diketahui, DMM merupakan bahasa yang dituturkan di pulau terpencil di Kabupaten Natuna dan keterjangkauan untuk ke pulau tersebut adalah agak sukar bagi orang lain untuk memugar aspek budaya dan bahasanya. Kajian yang dijalankan berjaya menghuraikan ciri-ciri DMM yang selama ini tidak pernah disentuh oleh mana-mana pengkaji, bahkan masyarakat juga tidak menyedari tentang DMM yang dituturkan

oleh masyarakat di Pulau Midai. Oleh hal yang demikian, kajian ini memberikan implikasi yang baik bagi mengisi kelompangan data dalam kajian lepas.

Kajian yang dijalankan ini juga telah memberikan pendedahan terhadap ciri-ciri DMS. Meskipun kajian terhadap DMS telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain, namun setelah mempertimbangkan aspek perubahan dan kedinamikan bahasa, maka kajian DMS dijalankan. Kajian-kajian yang dijalankan oleh Asmah Haji Omar (1985) dan James T. Collins (1987) tentang DMS (subdialek Kuching) ialah kajian yang telah dijalankan hampir 37 tahun yang lalu. Oleh itu, kajian ini merupakan lanjutan kepada kajian Asmah Haji Omar dan James T. Collins. Setelah hampir 37 tahun, DMS masih lagi menunjukkan pengekal dan tiada perubahan, sama ada dalam aspek leksikal mahupun struktur bunyinya. Hal ini telah membuktikan bahawa DMS masih lagi terjaga dan penggunaannya dalam kalangan masyarakat adalah sejajar dengan perkembangan era globalisasi.

Penyelidikan terhadap kedua-dua dialek telah memberikan implikasi yang memberangsangkan terhadap bidang linguistik. Hal ini kerana kajian yang dijalankan telah berjaya membuka peluang kepada pengkaji-pengkaji lain untuk meneliti dengan lebih mendalam tentang DMS dan DMM. Sebagai contoh, data DMM dalam kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pengkaji lain bagi melaksanakan kajian-kajian dalam bidang semantik, pragmatik, leksikologi dan sebagainya. Hal ini sememangnya membuktikan bahawa kajian ini mampu membuka dan merintis kajian-kajian lain dalam ruang lingkup yang lebih besar.

Kajian terhadap tingkat kekerabatan dan penghuraian mengenai variasi fonem antara DMS dengan DMM sememangnya mampu membuka ruang untuk kajian-kajian lanjutan yang akan datang. Sebagai cadangan untuk kajian lanjutan,

diharapkan agar kajian-kajian yang seterusnya akan memanfaatkan kaedah kajian dan penganalisan berdasarkan teori dalam kajian ini. Kajian dalam bidang linguistik bandingan terhadap dialek-dialek lain yang menggunakan kaedah dan teori ini adalah wajar untuk diteruskan dalam kajian dialek akan datang.

Seterusnya, dicadangkan supaya kajian perbandingan dialek rentas negara perlu lebih giat dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji lain. Hal ini kerana melalui kajian dialek yang melibatkan dua atau lebih negara, perspektif dan pengembangan bidang linguistik akan lebih bersemarak. Kajian tentang pantun dan budaya masyarakat Sarawak dan Pulau Midai juga boleh dilaksanakan dalam kajian selanjutnya. Pendokumentasian mengenai budaya dan bahasa dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat dan ahli akademik khususnya. Melalui usaha tersebut juga, ragam dialek atau variasi dialek Melayu akan dapat diperkenalkan secara ilmiah terutamanya dialek yang belum pernah dikaji dan diketahui oleh masyarakat awam.

Berikutnya, kajian lanjutan yang dicadangkan boleh meliputi bidang linguistik yang lain seperti sosiolinguistik, morfologi, semantik, pragmatik dan sebagainya. Misalnya, kajian semantik boleh dijalankan menerusi data yang disertakan dalam kajian ini untuk menghuraikan dialek berdasarkan perkaitan makna. Justeru, pengaplikasian kaedah dan teori yang berlainan bagi mengkaji DMS dan DMM amatlah digalakkan. Hal ini bertujuan untuk memastikan kajian ini tidak hanya terhad kepada bidang struktur fonologi dan leksikostatistik sahaja, bahkan boleh meliputi ruang lingkup dan bidang-bidang lain yang luas.

Kajian yang dicadangkan ialah senarai kata atau daftar kata bagi DMM. Menurut pemerhatian, setakat ini DMS sudah mempunyai senarai kata yang boleh dikatakan cukup lengkap untuk pendokumentasian leksikalnya seperti yang telah



dijalankan oleh Wan Junaidi Tuanku Jaafar (2017) dalam bukunya yang bertajuk “Kosa Kata dan Peribahasa Melayu Sarawak”. Oleh itu, usaha pengumpulan daftar perkataan dalam DMM adalah wajar untuk dilaksanakan dan selanjutnya diterbitkan agar wujud sebuah sumber akademik yang sahih bagi mendokumentasikan dialek tersebut kepada masyarakat.

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya mencapai objektif kajian dan bab yang ketujuh telah merumuskan keseluruhan perbincangan dalam Bab 4, 5 dan 6. Di samping itu, implikasi kajian dan cadangan kajian lanjutan juga telah dibincangkan dalam bab ini bagi memberikan idea untuk tujuan penyelidikan yang akan datang. Diharapkan, kajian perbandingan terhadap DMS dan DMM yang dijalankan dapat memberikan manfaat kepada seluruh masyarakat agar terus meneroka keindahan bahasa Melayu. Usaha mengkaji dialek-dialek di seluruh ceruk Nusantara perlulah dijalankan agar bahasa Melayu dan rumpunnya tetap mekar dan “tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas”.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1980). *Linguistik am untuk guru bahasa Malaysia*. Fajar Bakti.
- Andries van Niekerk. (2020). *A lexical comparison of South African Sign Language and potential lexifier language* [Stellenbosch University]. Stellenbosch, South Africa.
- Aniswal Abd Ghani, & Mohamed, N. (2021). Menelusuri makna linguistik sejarah dan perbandingan. In N. Mohamed (Ed.), *Menelusuri inti sari linguistik sejarah dan perbandingan* (pp. 1-12). Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2011). *Teori dan kaedah nahu: Sejarah pertumbuhan aliran pemikiran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Susur Galur Bahasa Melayu* (2 ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2019). *Bahasa Melayu di dataran Asia Tenggara: Pendekatan sejarah dan geolinguistik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badan Pusat Statistik Kabupaten Natuna. (2021). *Kabupaten Natuna dalam angka 2021*. BPS Kabupaten Natuna.
- Bolanle Elizabeth Arokoyo, & Olamide Oluwaseun Lagunju. (2019). A lexicostatistics comparison of standard Yoruba, Akure and Ikare Akoko dialects. *Journal of Universal Language*, 20(1). <https://doi.org/https://doi.org/10.22425/jul.2019.20.2.1>
- Bong Ma. (2019). *Dialek Serawak vs Midai Natuna: Loghat Melayu*. Retrieved April 4 from [https://www.youtube.com/watch?v=\\_rvDSDxgvz8](https://www.youtube.com/watch?v=_rvDSDxgvz8)
- Dayang Sariah Abang Suhai, & Subet, M. F. H. (2012). Homonim antara dialek Melayu Sarawak dan bahasa Melanau. *Issues in Language Studies*, 1(1), 15-21. <https://doi.org/https://doi.org/10.33736/ils.1684.2012>

- Dell Hymes. (1960). Lexicostatistics so far. *Current Anthropology*, 1(1), 3-44.  
<http://www.jstor.org/stable/2739673>
- Erika Harlow. (2016). *Phonology of Mosiye* [Trinity Western University]. Canada.
- Ferdinand De Saussure. (1960). *Cours de linguistique generale* (5 ed.). Payot.
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian* (3 ed.). University of Malaya Press.
- Gorys Keraf. (1984). *Linguistik bandingan historis*. PT Gramedia Pustaka Utama.
- Hugh Low. (1848). *Sarawak, its inhabitants and productions*. Frank Cass and Co.
- Isidore Dyen. (1965). Lexicostatistics in comparative linguistics. *Lingua*, 13, 230-239.  
[https://doi.org/https://doi.org/10.1016/0024-3841\(64\)90024-5](https://doi.org/https://doi.org/10.1016/0024-3841(64)90024-5).
- J.K. Chambers, & Peter Trudgill. (2004). *Dialectology* (2 ed.). Cambridge University Press.
- James T. Collins. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- James T. Collins. (1990). *Bibliografi dialek Melayu di pulau Borneo*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James T. Collins. (1995). *Bibliografi dialek Melayu di pulau Jawa, Bali dan Sri Lanka*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James T. Collins. (1998). Bahasa Melayu di Kepulauan Natuna: Tafsiran dan klasifikasi awal. *Jurnal Dewan Bahasa*, 539-555.
- James T. Collins. (2016). *Dialek Melayu Sarawak* (2 ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.

- James T. Collins. (2018). *Bibliografi dialek Melayu di Indonesia Timur*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James T. Collins. (2021). *Bibliografi dialek Melayu di pulau Sumatera*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- John W. Creswell. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches* (3 ed.). Sage Publications.
- Kenneth L. Pike. (1966). *Phonemics: A technique for reducing languages to writing*. The University of Michigan Press.
- Kenneth L. Pike. (1967). *Language in relation to a unified theory of the structure of human behavior* (Second and Revised Edition ed.). Mouton & Co.
- Krisanjaya. (2011). *Hakikat linguistik bandingan*. Universitas Terbuka Jakarta. <http://repository.ut.ac.id/4831/>
- Laura Arnold. (2018). *A grammar of Ambel: An Austronesian language of Raja Ampat west New Guinea* [The University of Edinburgh]. Scotland.
- Madzhi Johari. (1988). *Fonologi dialek Melayu Kuching (Sarawak)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab, & Halin, A. K. C. (2021). Leksikostatistik dan Glotokronologi antara bahasa Banjar dengan bahasa Melayu: Kajian linguistik sejarah dan perbandingan. *Jurnal Kesidang*, 6, 44-61.
- Monaliza Sarbini-Zin, Najwa Abdull Manan, & Haikal Hammad Zin. (2019). Unsur kesalingfahaman dan ketidaksalingfahaman antara dialek Kedah dan dialek Melayu Sarawak. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 1(1), 18-32.
- Munir. (2018). Pendekatan struktural dalam pelajaran bahasa Arab. *Jurnal Shaut Al-'Arabiyah*, 6(1), 13-24. <https://doi.org/https://doi.org/10.24252/saa.v6i1.5644>
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2011). *Tatabahasa Dewan* (3 ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Norajihah Muda, & Hamzah, Z. A. Z. (2021). *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 11-28.
- Norfazila Ab. Hamid. (2019). Kajian fonetik varian Kelanang: Dialek Melayu Jugra Selangor. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(2), 1-13.
- Norfazila Ab. Hamid, & Norhasliza Ramli. (2021). Inventori fonem dialek Melayu Tioman-Aur-Pemanggil di Salang. *Jurnal Melayu*, 20(1), 109-125.
- Norfazila Ab. Hamid, Rahim Aman, & Shahidi A.H. (2017). Varian dialek Melayu Tioman-Aur-Pemanggil: Analisis linguistik bandingan. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 17(2), 219-244. <https://ejournal.ukm.my/gema/article/view/15707>
- Norhah Mohamed. (2001). Perbandingan kuantitatif bahasa Miri dengan bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 1(3), 378-397. <http://www.myjurnal.my/public/article-view.php?id=71486>
- Norhah Mohamed, & Rohani Mohd. Yusof. (2011). *Pengelompokan leksikostatistik bahasa-bahasa peribumi di Sarawak*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nur Faslin Sulaiman. (2015). *Sistem fonologi subdialek Baling Kedah*. Universiti Malaya.
- Nur Hidayah Mohamed Suleiman. (2015). *Struktur frasa bahasa orang asli Duano* Universiti Malaya.
- Paitoon M. Chaiyanara. (2006). *Pengenalan Fonetik dan Fonologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pandji Poestaka. (1926). Poelau Midai. *Pandji Poestaka*, 51, 1164-1165.
- Puspa Ruriana. (2018). Hubungan kekerabatan bahasa Jawa dan Madura. *KANDAI*, 14(1), 15-30.
- Rahim Aman, Muhammad Nur Latif, & Shahidi A. Hamid. (2018). *Linguistik bandingan bahasa Iban*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Riduan Makhtar, Nurliyana SM Soflee, Mohd Sharifudin Yusop, & Abd Ganing Laengkang. (2018). Pengaruh dialek Kelantan dalam bahasa Temiar: Satu analisis fonologi struktural. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(11), 42-54.
- Robert Henry Robbins. (2003). *Sejarah ringkas linguistik* (Noor Ein Mohd Nor, Trans.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohani Mohd. Yusof. (2016). *Bahasa Melayu Urak Lawoi Pulau Adang, Thailand*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salbia Hassan. (2016). *Kajian fonologi dialek Melayu Kabong* [Universiti Malaya]. Kuala Lumpur.
- Sapari Romadon, Sisilya Saman, & Agus Syahrani. (2017). Prefiks bahasa Melayu isolek Sedanau. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa*, 6(5). <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.26418/jppk.v6i5.19946>
- Sarah C. Gudschinsky. (1956). The ABC's of lexicostatistics (glottochronology). *WORD*, 12(2), 175 - 210. <https://doi.org/DOI: 10.1080/00437956.1956.11659599>
- Sopatri Dewi, Wahyu Indrayatti, & Riau Wati. (2020). Interferensi fonologi dialek Melayu Natuna dalam penggunaan bahasa Indonesia di ruang publik kecamatan Bunguran Timur Laut kabupaten Natuna. *Jermal*, 1(1), 23-36. <https://doi.org/https://doi.org/10.31629/jermal.v1i1.2107>
- Tasliati. (2018). Perbedaan fonologis bahasa Melayu di Desa Ceruk dan di Pulau Laut Kabupaten Natuna provinsi Kepulauan Riau. *Genta Bahtera*, 4(1), 1-10. <http://gentabahtera.kemdikbud.go.id/index.php/gentabahtera/article/view/39>
- Wan Junaidi Tuanku Jaafar. (2017). *Kosa kata dan peribahasa Melayu Sarawak*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- William M. Trochim. (2006). *Qualitative methods*. Web Centre for Social Research Methods. Retrieved April 23 from <http://www.socialresearchmethods.net/kb/qualmeth.php>